

SULIT



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH
BIL 1/2021**

TARIKH : 17 MAC 2021 (RABU)

MASA : 2:30 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT HIBISCUS
ARAS 3, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN**

SULIT

**AGENDA MESYUARAT MAJLIS PENUH
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
BIL 1/2021 PADA 17 MAC 2021**

- 1.0 Ucapan Aluan Tuan Pengerusi**
- 2.0 Pembentangan Taklimat**
 - 2.1 Taklimbat Berkaitan Perancangan dan Penambahbaikan Isu-isu berkaitan Pengurusan Sisa Pepejal oleh SW Corp Negeri Kedah Darul Aman**
 - 2.2 Pembentangan Cadangan Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Pengurusan Anjing Liar Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan oleh Persatuan Pencinta dan Pemulihan Haiwan Malaysia (WOOFF)**
- 3.0 Mengesah Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 7/2020 bertarikh 30 Disember 2020**
- 4.0 Perkara-perkara berbangkit**
- 5.0 Menerima Ketetapan Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap/Kecil**
 - 5.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 1/2021 bertarikh 2 Mac 2021**
 - 5.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 1/2021 bertarikh 2 Mac 2021**
 - 5.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran & Pelancongan Bil 1/2021 bertarikh 2 Mac 2021**
 - 5.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 1/2021 bertarikh 2 Mac 2021**
 - 5.5 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Lalulintas Bil 1/2020 bertarikh 21 Oktober 2020**

6.0 Menerima ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

6.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 1/2021 bertariikh 24 Februari 2021

7.0 Menimbang perkara-perkara baru

7.1 Kertas Kerja Penyediaan Tapak Bazar Ramadhan dan Bazaar Syawal

7.2 Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Kecil Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

7.3 Kertas Kerja Pemakluman Cadangan Usahasama Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dengan pihak THB Pantai Cenang Development Sdn. Bhd. Di atas Lot 60003 Tapak Pasar Awam Lama, Mukim Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman

8.0 Pembentangan Usul

9.0 Penangguhan Mesyuarat

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan bagi
Sesi 2020-2021

- 1) Tn. Hj. Mustafa Bakri bin
Alias Sani
Timbalan Pengarah
Perancang Bandar dan Desa
PlanMalaysia@Kedah

Agenda 1.0

Ucapan Aluan Tuan Pengerusi

Agenda 2.0

Pembentangan Taklimat

Agenda 2.0

2.1 Taklimat Berkaitan
Perancangan dan Penambahbaikan
Isu-isu Berkaitan Pengurusan Sisa
Pepejal oleh SW Corp
Negeri Kedah Darul Aman

Agenda 2.0

2.2 Pembentangan Cadangan
Pengurusan dan Pengoperasian
Pusat Pengurusan Anjing Liar
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan oleh
Persatuan Pencinta dan Pemuliharaan
Haiwan Malaysia (WOOFF)

Agenda 3.0

Mengesah Minit Mesyuarat Majlis
Penuh Majlis Perbandaran
Langkawi Bandaraya Pelancongan
Bil 7/2020
bertarikh 30 Disember 2020

SULIT

**MESYUARAT MAJLIS PENUH
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN
BIL 7/2020**

TARIKH: 30 Disember 2020 (Rabu)

JAM : 10.30 pagi

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

KEHADIRAN

1. Y. Bhg. En. Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
2. Tuan Pegawai Daerah Langkawi
(Tn. Hj. Saiful Anwar bin Azmi, AMK, BCK) - Ahli
3. Ketua Polis Daerah Langkawi
(ACP Shariman bin Ashari) - Ahli
4. Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi
(Tn. Hj. Ahmad Lokman bin Saidin) - Ahli
5. Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran
(Tn. Hj. Norazidi bin Hj. Yunus) - Ahli
6. En. Zubir bin Ahmad, BKM
Ahli Majlis
7. En. Mazlan bin Ahmad, BKM
Ahli Majlis - Ahli
8. En. Ahmad Nazri bin Ali
Ahli Majlis - Ahli
9. Pn. Azlina bt. Azinan
Ahli Majlis - Ahli

SULIT

SULIT

- | | | |
|-----|---|--------------|
| 10. | En. Amar Pared bin Mahamud
Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. | Hj. Hashim bin M. Noh, AMK, BKM, PPN, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. | En. Elias bin Othman, BKM, PJK, PPN
Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. | Tn. Hj. Kamarudzaman bin Mustafa
Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. | En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK, BKM, JP
Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. | Pn. Hisham Suhaily bt. Othman, KMN, AMK, BKM
Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. | En. Fazil bin Talib, AMK, BKM, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 17. | En. Look Sia Hing, AMK, BKM, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. | Tn. Hj. Nordin bin Ahli
Ahli Majlis | - Ahli |
| 19. | Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim
Ahli Majlis | - Ahli |
| 20. | En. Selvakumar a/l G.Arpay
Ahli Majlis | - Ahli |
| 21. | En. Safari bin Shaberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 22. | Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan | - Setiausaha |

SULIT

SULIT

TIDAK HADIR

1. Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
2. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Langkawi
3. Pengarah PlanMalaysia@Kedah
Negeri Kedah Darul Aman
4. En. Dhurairaj a/l K. Ramasamy, PJK
Ahli Majlis
5. En. Mohd. Hisham bin Mohamad Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan

TURUT HADIR SESI PEMBENTANGAN

1. Tn. Hj. Rosaini bin Wan Hassan
Ketu Jabatan Real Estate Ventures
Bahagian Perkhidmatan Korporat
Tenaga Nasioal Berhad
2. En. Rozailan bin Maion
Pengurus Kanan
Tenaga Nasional Berhad

TURUT HADIR

1. En. Azli bin Abd. Rani
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekutaran
2. En. Fauzi bin Ahmad
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan
3. En. Mohd Khairul Azmi bin Ghazali
Wakil Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan
4. Pn. Anis Sallihah bt. Zabudin
Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan

SULIT

SULIT

5. Pn. Rashila bt. Abdullah
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
6. Ck Marina bt Mohamad Dali
Wakil Pengarah
Jabatan Perbendaharaan
7. En. Zulidzham bin Mohd. Ali
Pegawai Perancang
Unit OSC
8. En. Mohd. Fatkhy bin Mohd. Jamil
Pegawai Undang-undang
Unit Undang-undang

URUS SETIA

1. Pn. Manisah bt. Hj. Manap
Setiausaha Pejabat

- Pencatit Minit

SULIT

SULIT

1.0 ALUAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Ahli-ahli Majlis yang meluangkan masa hadir ke Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan kali ini. Sebelum Mesyuarat dimulakan, beliau memaklumkan bahawa terdapat dua orang Ahli Majlis baru yang akan mengangkat sumpah pada hari ini iaitu:

- i) ACP Shariman bin Ashari
Ketua Polis Daerah Langkawi
- ii) Tn. Hj. Nordin bin Ali
Ahli Majlis Politik

Seterusnya Mesyuarat diteruskan dengan Majlis Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Majlis tersebut.

Dalam Ucapan Pengerusi, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:

- 1.1 YB Dato' Dr Mohd Hayati bin Othman, Exco Kesihatan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan lawatan ke Tapak Insinerator pada 27 Disember 2020 yang lalu bertujuan untuk mendapatkan gambaran berkenaan status terkini insinerator tersebut.
- 1.2 Merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Supt Mohd Iqbal bin Ibahim yang telah bertukar ke Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman sebagai Ketua Penolong Pengarah (Kawalan Lalulintas). Tempat beliau digantikan oleh ACP Shariman bin Ashari.
- 1.2 Majlis Penyerahan Khemah kepada peniaga di bawah Program Kawasan Bebas Berniaga di Langkawi telah diadakan pada 27 Disember 2020 di Dataran Tanjung Rhu. Sebanyak 20 orang peniaga yang berdaftar dengan program tersebut telah menerima khemah berukuran 10'x10' yang telah disampaikan oleh YB Dato' Dr Mohd Hayati bin Othman, Exco Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Negeri Kedah Darul Aman.
- 1.3 Pulau Langkawi telah menerima kemasukan pelancong yang tinggi pada bulan Disember ini. Bagi memastikan Pulau Langkawi sentiasa bebas daripada penularan Covid 19, semua pihak diminta untuk memastikan semua SOP yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dipatuhi oleh semua premis yang terlibat. Pihak majlis turut bersama dengan pihak Polis dan Pejabat Kesihatan Daerah menjalankan penguatkuasaan bersepadu dalam memastikan semua pengunjung mematuhi SOP yang ditetapkan.

SULIT

SULIT

2.0 TAKLIMAT BERKAITAN PELAN JANGKA PANJANG KAWASAN PANTAI TENGAH, LANGKAWI, LOT 60137, KAWASAN PANTAI TENGAH, MUKIM PADANG MATSIRAT, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN OLEH TENAGA NASIONAL BERHAD

Taklimat tersebut disampaikan oleh En Rozailan dari Tenaga Nasional Berhad, Ibupejabat TNB Kuala Lumpur yang merangkumi beberapa perkara berikut:

- i) Latar Belakang Pembangunan
 - a) Pembangunan semula tapak rumah rehat TNB melibatkan perobohan 4 unit bangle sediaada untuk pembinaan 8 tingkat rumah peranginan baru kakitangan TNB di Pantai Tengah
 - b) Pada Tahun 2018 satu *viability study* telah dijalankan oleh Minconsult Sdn. Bhd. Bagi mengkaji kesan lepasan air hitam ke Pantai Tengah terhadap pembangunan.
 - c) Mengambil kira laporan *viability study* tersebut, TNB telah memutuskan penangguhan pembangunan pada tahun 2018. Status semasa projek dihentikan adalah 20% kemajuan.
 - d) Selepas penangguhan projek, TNB telah menyiapkan *river channel & Plunge pool* iaitu sebahagian syarat Kebenaran Merancang
- ii) Cadangan Asal Pembangunan
 - a) Keluasan asal melibatkan 3.9 ekar @ 181,070 kaki persegi
 - b) Kemudahan mengandungi 60 unit apartment, Convention Center, Ballroom, Meeting Room, Swimming Pools dan Futsal Court
- iii) Kajian semula Pembangunan
 - a) TNB sedang di peringkat *feasibility study* bagi menyambung semula pembangunan di Pantai Tengah tertakluk kepada penyelesaian air hitam.
 - b) Feasibility Study juga melibatkan pindaan pada pelan susunatur bangunan antaranya komposisi unit apartment, rekabentuk facade dan rekabentuk apartment serta Ruang F & B

Mesyuarat mengambil maklum perkara tersebut di dalam tindakan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di mana beberapa perkara perlu dilaksanakan untuk tindakan jangka masa pendek dan panjang. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa beberapa siri mesyuarat bersama dengan TNB dan JPS akan diadakan secara berterusan. Mesyuarat juga mengambil maklum isu dan masalah yang dihadapi oleh Pihak TNB dan menyarankan supaya pihak berkenaan mematuhi cadangan yang dikemukakan oleh pihak JPS bagi mengatasi masalah air hitam di kawasan Sungai Tasik Anak.

**Tindakan: Makluman
SULIT**

SULIT

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PENUH MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BIL 6/2020 BERTARIKH 14 DISEMBER 2020

Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 6/2020 bertarikh 14 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Nor Saidi bin Nanyan dan disokong untuk diterima dengan cadangan En. Fazil bin Talib.

Tindakan: Makluman

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada.

5.0 MENERIMA KETETAPAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP

5.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Fazil bin Talib dan disokong untuk diterima dengan cadangan oleh En. Elias bin Othman.

Tindakan: Makluman

5.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Safari bin Shaberi disokong untuk diterima dengan cadangan oleh En. Look Sia Hing.

Tindakan: Makluman

5.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Tn Hj. Kamarudzaman bin Mustafa dan disokong untuk diterima dengan cadangan oleh Pn. Hisham Suhaily bt Othman.

**Tindakan: Makluman
SULIT**

SULIT

5.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En Nor Saidi bin Nanyan dan disokong untuk diterima dengan cadangan En. Fazil bin Talib.

Tindakan: Makluman

6.0 Menerima Ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

6.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 6/2020 bertarikh 15 Disember 2020

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 6/2020 bertarikh 15 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Tn Hj. Kamarudzaman bin Mustafa dan disokong untuk diterima dengan cadangan En. Look Sia Hing.

Tindakan: Makluman

7.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU

7.1 Kertas Kerja Cadangan Pemberian Insentif kepada Ahli Majlis bagi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pemberian insentif sebanyak RM 100.00 dan insentif tambahan sebanyak 1% daripada jumlah kutipan tunggakan yang berjaya dikutip dan RM300.00 dibayar kepada dua orang Urusetia yang membantu menguruskan pengelasan maklumat, penyediaan lokasi hartanah serta membuat pemantauan ke atas status kutipan. Bayaran akan dibuat selewat-lewatnya pada 30 Jun 2020.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

SULIT

SULIT

7.2 Kertas Kerja Cadangan Memberi Bayaran Khas Tahun 2020 kepada Ahli-ahli Majlis dari Kalangan Pemimpin Politik/Masyarakat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan memberi Bayaran Khas Tahun 2020 kepada Ahli-ahli Majlis dari kalangan Pemimpin Politik/Masyarakat dan implikasi kewangan berjumlah RM17,000.00 yang ditanggung oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

7.3 Kertas Cadangan Perlantikan Panel Peguam bagi mewakili Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi kes Yong Shui Tian Melawan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan di dalam Mahkamah Tinggi Alor Setar

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh En Mohd Fatkhy bin Mohd Jamil, Pegawai Undang-undang Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat bersetuju untuk melantik Peguambela dan Penguamcara berikut bagi mewakili Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi kes Yong Shui Tian melawan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan di dalam Mahkamah Tinggi Alor Setar berkuatkuasa 30 Disember 2020 sehingga kes selesai diputuskan oleh Mahkamah.

Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners
Peguambela & Penguamcara
Suite 40C, Tingkat 3
Bangunan Tabung Haji
No 40, Jalan PSK 1, Simpang Kuala
05400 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tindakan: Unit Undang-undang

SULIT

SULIT

7.4 Kertas Cadangan Pelaksanaan Penggunaan Tempat Letak Kereta bagi Kawasan Pantai Chenang, Langkawi, Kedah Darul Aman

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat **bersetuju** untuk pelaksanaan penggunaan Tempat Letak Kereta bagi kawasan Pantai Chenang, Langkawi, Kedah Darul Aman berkuatkuasa 1 Februari 2021.

Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

8.0 PEMBENTANGAN USUL

8.1 Pelanggaran Lampu Isyarat

En. Fazil bin Talib, Ahli Majlis memaklumkan bahawa beliau mendapati penunggang motosikal tidak menghiraukan lampu isyarat berhenti dan tindakan ini boleh menyebabkan kemalangan bagi pengguna jalanraya yang lain.

Tindakan: Makluman/PDRM

8.2 Operasi Dadah

En. Nor Saidi bin Nanyan, Ahli Majlis mengharapkan pihak Polis dapat meneruskan operasi membanteras dadah dari masa ke semasa.

Tuan Ketua Polis Daerah Langkawi memaklumkan bahawa 45 tangkapan telah dibuat sejak beliau mula melaporkan diri 10 hari yang lalu.

Tindakan: Makluman

8.3 Sambutan Tahun Baru

Ketua Polis Daerah Langkawi memaklumkan bahawa Sambutan Tahun Baru untuk Tahun 2021 tidak dibenarkan diadakan pada tahun ini.

Tindakan: Makluman

SULIT

SULIT

8.4 Pembuangan Sampah tidak teratur

Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis memaklumkan bahawa beliau mendapati kebanyakan pengusaha-pengusaha kereta sewa membuang sampah merata-rata terutamanya di kawasan Jeti. Keadaan ini menyebabkan imej Pulau Langkawi tercemar terutama di kalangan bagi pelancong yang baru tiba dari tanah besar.

Tindakan: Makluman/SW Corp

8.5 Kesesakan di Kawasan Jeti Kuah

En. Nor Saidi bin Nanyan, Ahli Majlis membangkitkan mengenai masalah kesesakan di kawasan Jeti Kuah semasa cuti hujung minggu dan cuti umum. Beliau melahirkan rasa kesal kerana perkara ini telah lama berlarutan dan tidak mempunyai jalan penyelesaian. Beliau mencadangkan supaya diwujudkan satu jawatankuasa lalu lintas bagi membincangkan permasalahan ini.

Tuan Pengerusi memaklumkan Jawatankuasa ini telah diwujudkan dan akan diaktifkan semula. Beliau memohon supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini diadakan segera.

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

8.6 Ketagihan Daun Ketum

En. Ahmad Nadzri bin Ali, Ahli Majlis memaklumkan pengambilan daun ketum di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan di kawasan kampung-kampung dan mengharapkan supaya tindakan pengawalan dapat diadakan supaya perkara ini tidak menjadi ikutan kepada orang lain.

Tindakan: Makluman/PDRM

8.7 Pertunjukan Api di Kawasan Pantai Chenang

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pertunjukan api di kawasan Pantai Chenang masih berlaku dan pengusaha tersebut membuat pertunjukan tanpa menghiraukan keselamatan pengunjung-pengunjung pantai.

Puan Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan memaklumkan bahawa pihak Majlis menyedari mengenai bahayanya pertunjukan ini dan beliau memaklumkan pihak Majlis sedang dalam tindakan menyediakan garis panduan untuk Pertunjukan Api di Pantai Chenang.

SULIT

SULIT

Mesyuarat memutuskan:

- i) Mengambil maklum usul-usul yang dibangkitkan
- ii) Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

9.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi menangguhkan mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 ptg.

Disediakan oleh,



(MANISAH BT. HJ. MANAP)

Pencatit Minit
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman


Disemak oleh,



(NOORUL AZVYATI BT AHMAD
SALMI., BCK)

Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,



(RADZUAN BT. OSMAN, AMK., BCK)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

SULIT

Agenda 4.0

Perkara-perkara berbangkit

Agenda 5.0

Menerima Ketetapan Minit-minit
Mesyuarat Jawatankuasa Tetap

Agenda 5.0

5.1 Minit Mesyuarat
Jawtankuasa Tetap Kewangan
Bil 5/2020
bertarikh 16 Disember 2020

MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN BIL 01 / 2021

TARIKH : 02 Mac 2021 (Selasa)

MASA : 10.00 Pagi

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

KEHADIRAN

- | | |
|--|-------------|
| 1. Tuan Radzuan Bin Osman, AMK., BCK.
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi | - Pengerusi |
| 2. Tn Haji Saiful Anwar bin Azmi, AMK., BCK
Pejabat Daerah Langkawi | - Ahli |
| 3. Encik Zubir Bin Ahmad, BCK.
Ahli Majlis | - Ahli |
| 4. Encik Nor Saidi Bin Nanyan, BCK., BKM., JP
Ahli Majlis | - Ahli |
| 5. Encik Fazil bin Talib, AMK, BKM., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 6. Encik Hasim Bin M. Noh, AMK., BKM., PPN., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 7. Encik Mazlan bin Ahmad, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 8. Encik Ahmad Nadzri Bin Ali
Ahli Majlis | - Ahli |
| 9. Encik Kamarudzaman Bin Mustafa
Ahli Majlis | - Ahli |
| 10. Encik Elias bin Othman, BKM., PJK., PPN
Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. Look Sia Hing, AMK., BKM., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. Puan Azlina bin Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim
Ahli Majlis | - Ahli |

SULIT

- | | |
|---|--------------|
| 14. Encik Dhurairaj A/L Ramasamy, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. Encik Safari bin Saberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. Encik Selvakumaran A/L G. Arpaya
Ahli Majlis | - Ahli |
| 17. En Amar Pared bin Mahamud
Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi | - Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
2. Puan Hisham Suhaily binti Othman, KMN.,AMK.,BKM
Ahli Majlis
3. Encik Nordin Bin Ali
Ahli Majlis
4. Cik Siti Aisyah Binti Mohd Taib
Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap
5. Puan Che Asma binti Che Azmi
Juruaudit
Unit Audit Dalam

TURUT HADIR

1. Puan Harzanin Bin Harun
Akauntan
Jabatan Perbendaharaan
2. Puan Rashila Binti Abdullah
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
3. Puan Anis Sallihah binti Zabudin
Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan

SULIT

4. Encik Azli bin Abd. Rani, BCK
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekutaran
5. Encik Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan
6. Encik Mohamad Khairul Azmi Bin Ghazali
Penolong Pegawai Penguatkuasa
Jabatan Penguatkuasaan
7. Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan
8. Puan Amira binti Ishak
Arkitek Lanskap
Jabatan Perancangan Dan Pembangunan Lanskap
9. Encik Mohd Zulidzham Bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Unit OSC
10. Encik Mohd Fatkhy Bin Mohd Jamil
Pegawai Undang-Undang
Unit Undang-Undang
11. Puan Manisah binti Hj. Manap, PCK.
Setiausaha Pejabat

URUS SETIA

1. Puan Aina Binti Yusof
Jabatan Perbendaharaan

- Pencatat Minit

1.0 ALUAN Pengerusi

- 1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 01/2021 pada pagi ini dimulakan dengan ucapan salam kepada semua ahli mesyuarat. Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir pada pagi ini.
- 1.2 Tuan Pengerusi memaklumkan berkaitan kutipan Caj Warisan. Kertas kerja telah dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah pada 9 Disember 2020 yang lalu di mana semua Ahli Mesyuarat telah mengambil maklum dan bersetuju berhubung hasil kutipan Caj Warisan pada tahun 2020 hanya sebanyak RM 1,274,106.00. Disebabkan Pandemik yang melanda negara kita, Majlis telah kehilangan sebanyak RM 2,160,000.00 berbanding kutipan tahun 2019. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah juga mengambil maklum bahawa pihak MPLBP menyediakan pelbagai infrastruktur untuk kemudahan para pelancong termasuk menanggung kos sampah berjumlah RM 11,447,446.00.
- 1.3 Tuan Pengerusi turut memaklumkan berhubung sumbangan dan bantuan Covid-19 oleh Kerajaan Negeri kepada peniaga di Negeri Kedah. Antara sumbangan yang diterima ialah peralatan niaga seperti khemah sebanyak RM 1.26 juta dan penyediaan tapak meniaga sebanyak RM 1.2 juta. Selain itu, kerajaan turut menyumbang dalam sistem PDPR sebanyak RM 1.96 juta kepada 100 orang pelajar terpilih di setiap DUN. Peruntukan turut disalurkan kepada Sekolah Agama Rakyat yang melibatkan 187 tahfiz. Sebanyak RM 900,000.00 agihan Beras Sejahtera di setiap DUN dan Tabung Wanita Sejahtera menerima sebanyak RM 486,000.00. Terdapat juga bantuan pinjaman sebanyak RM 5,000.00 kepada individu dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan penghantaran yang turut terkesan dengan Pandemik ini.
- 1.4 Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa Pengambilan Tanah bagi Tujuan Jalan Keluar Masuk di Atas Sebahagian Lot 1567 ke Tapak Semaian oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dan Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Jalan Keluar Masuk Di Atas Lot 1568 Ke Medan Selera Bendang Baru Oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah dipersetujui.
- 1.5 Tuan Pengerusi juga menyeru agar semua ahli mesyuarat mendaftar untuk Program Vaksinasi Negara.
- 1.6 Mesyuarat diteruskan seperti agenda.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN BIL 05 /2020 BERTARIKH 16 DISEMBER 2020.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 05/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan. Encik Nor Saidi Bin Nanyan mencadangkan untuk disahkan Minit Mesyuarat Bil 05/2020 dan disokong oleh Encik Elias Bin Othman untuk disahkan oleh semua ahli mesyuarat .

Tindakan: Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Tuntutan Bayaran Pampasan Pengambilalihan Padang Golf Langkawi Oleh Kedah Corp. Berhad

Surat tuntutan tunggakan bagi tahun 2020 berjumlah RM 300,000.00 dan tuntutan semasa tahun 2021 berjumlah RM 60,000.00 telah dihantar kepada pihak MBI pada 21 Februari 2021.

Tuan Pengerusi mencadangkan kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta berunding dengan pihak MBI supaya tukar ganti jumlah hutang tersebut dengan aset MBI yang strategik di Langkawi.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.2 Tunggakan Kutipan Cukai Taksiran

Kutipan tunggakan cukai taksiran bagi bulan Januari 2021 adalah sebanyak RM 68,644.28.

Ahli Majlis mencadangkan supaya laporan tunggakan cukai taksiran dibentang mengikut pecahan tahun. Selain itu, terdapat peniaga yang memohon bayaran secara ansuran. Puan Setiausaha memaklumkan bahawa kertas kerja pengurangan Notis E telah dibuat dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3 Cadangan Tuntutan Tunggakan Bayaran Sewaan Bot Cruise Oleh Syarikat Senari Bay Langkawi Resort Sdn Bhd

Pihak Syarikat Senari Bay telah membuat bayaran bagi bulan Mei 2020 sebanyak RM 500.00 pada 17 Disember 2020 . Baki bayaran tunggakan adalah berjumlah RM 2,700.00. Rundangan telah dilakukan antara Jabatan Kejuruteraan dan penghutang untuk menuntut jumlah keseluruhan hutang tetapi tidak dipersetujui oleh Pihak Syarikat Senari Bay.

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

4.0 MEMBENTANG LAPORAN KEWANGAN

Pembentangan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Disember 2020.

Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Disember 2020 yang telah dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Keseluruhan kutipan hasil pada bulan Disember 2020 adalah berjumlah **RM 1,835,941.31**. Peratus kutipan hasil berbanding Bajet 2020 adalah sebanyak **76%**.

Laporan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Majlis pada bulan Disember 2020 adalah sebanyak **RM 2,926,384.64** Peratus perbelanjaan sebenar berbanding Bajet 2020 adalah sebanyak **66%**.

Sehingga 31 Disember 2020, Majlis telah belanja **RM 8,424,524.20** dari Kumpulan Wang KPKT, **RM 20,000.00** dari Kumpulan Wang Sumbangan Negeri dan **RM 1,715,031.69** dari Kumpulan Wang MOF. Majlis juga telah membelanjakan sebanyak **RM 2,819,900.00** untuk Wang Projek Jalan Kawasan Perumahan Rakyat dan sejumlah **RM 143,000.00** telah dibelanjakan untuk Kumpulan Wang PPKB. **RM 445,500.00** telah dibelanja dari Kumpulan Wang MOTAC.

Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

4.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Bagi laporan cukai taksiran bagi bulan Disember 2020, keseluruhan kutipan yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 408,352.23** iaitu **RM 360,300.52** untuk kutipan cukai taksiran semasa manakala **RM 48,051.71** adalah hasil kutipan tunggakan cukai taksiran.

Kutipan cukai taksiran yang sepatutnya dikutip pada penggal kedua tahun 2020 adalah berjumlah **RM 14,426,249.00**. Sehingga 31 Disember 2020, jumlah kutipan adalah sebanyak **RM 11,046,390.30** (76.57 %). Ini menunjukkan kutipan yang belum diterima bagi penggal kedua berjumlah **RM 3,379,858.7** (23.43 %).

Manakala bagi laporan tunggakan pada tahun 2019, jumlah tunggakan adalah sebanyak **RM4,717,623.00**. Sehingga 31 Disember 2020 sebanyak **RM 649,616.76** (13.77%) yang telah berjaya dikutip menjadikan baki tunggakan adalah sebanyak **RM 4,068,006.24** (86.23 %).

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Laporan kutipan sewaan (semasa) yang berjaya dikutip sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah **RM 1,219,835.00** bersamaan dengan 86.99 % daripada jumlah bil yang dikeluarkan. Baki **RM 182,485.00** (13.01%) masih belum diterima.

Manakala tunggakan sewaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Disember 2020 berjumlah **RM 77,219.99** (26.46%) daripada jumlah tunggakan keseluruhan berjumlah **RM 291,888.60**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.0 MEMBENTANG LAPORAN KEWANGAN

Pembentangan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Januari 2021.

Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Januari 2021 yang telah dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Keseluruhan kutipan hasil pada bulan Januari 2021 berjumlah **RM 2,143,677.27**. Peratus kutipan hasil berbanding Bajet 2021 adalah **6%**.

Laporan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Majlis pada bulan Januari 2021 adalah sebanyak **RM 2,030,472.87** Peratus perbelanjaan sebenar berbanding Bajet 2021 adalah sebanyak **5%**.

Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

5.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Bagi laporan cukai taksiran bagi bulan Januari 2021, keseluruhan kutipan yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 875,816.41** iaitu **RM 807,172.13** untuk kutipan cukai taksiran semasa manakala **RM 68,644.28** adalah hasil kutipan tunggakan cukai taksiran.

Kutipan cukai taksiran yang sepatutnya dikutip pada penggal pertama tahun 2021 adalah berjumlah **RM 7,353,269.82**. Sehingga 31 Januari 2021, jumlah kutipan adalah sebanyak **RM 807,172.13** (10.98 %). Ini menunjukkan kutipan yang belum diterima bagi penggal kedua berjumlah **RM 6,546,097.69** (89.02 %).

Manakala bagi laporan tunggakan pada tahun 2020, jumlah tunggakan adalah sebanyak **RM 7,301,589.49**. Sehingga 31 Januari 2021 sebanyak **RM 68,644.28** (0.94 %) yang telah berjaya dikutip menjadikan baki tunggakan adalah sebanyak **RM 7,232,945.21** (99.06 %).

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Laporan kutipan sewaan (semasa) yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 adalah berjumlah **RM 60,345.00** bersamaan dengan 41.11 % daripada jumlah bil yang dikeluarkan. Baki **RM 86,455.00** (58.89%) masih belum diterima.

Manakala tunggakan sewaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 berjumlah **RM 16,345.00** (4.64%) daripada jumlah tunggakan keseluruhan berjumlah **RM 352,253.61**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.3 Pembentangan Mengikut Hasil Jabatan

5.3.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil sehingga 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Jumlah terimaan bagi hasil cukai sehingga 31 Januari 2021 adalah berjumlah **RM 875,816.41** manakala hasil bukan cukai sehingga 31 Januari 2021 adalah sebanyak **RM 1,723.58**.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5.3.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Lesen dan Sewaan sehingga 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Jumlah kutipan lesen keseluruhan adalah **RM 277,941.00** dan kutipan sewaan sehingga 31 Januari 2021 berjumlah **RM 85,036.00** Manakala bagi kutipan Bayaran Perkhidmatan berjumlah **RM 17,551.40**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.3.3 Laporan Hasil Penguatkuasaan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Tempat Letak Kereta dan Penguatkuasaan berakhir 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Terimaan yang berjaya dikutip untuk Jabatan Penguatkuasaan sehingga 31 Januari 2021 adalah berjumlah **RM 1,150.00** dari jumlah Bajet 2021 iaitu **RM 144,010.00**.

Tindakan: Jabatan Penguatkuasaan

5.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Laporan kutipan sewaan (semasa) yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 adalah berjumlah **RM 60,345.00** bersamaan dengan 41.11 % daripada jumlah bil yang dikeluarkan. Baki **RM 86,455.00** (58.89%) masih belum diterima.

Manakala tunggakan sewaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 berjumlah **RM 16,345.00** (4.64%) daripada jumlah tunggakan keseluruhan berjumlah **RM 352,253.61**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.3 Pembentangan Mengikut Hasil Jabatan

5.3.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil sehingga 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Jumlah terimaan bagi hasil cukai sehingga 31 Januari 2021 adalah berjumlah **RM 875,816.41** manakala hasil bukan cukai sehingga 31 Januari 2021 adalah sebanyak **RM 1,723.58**.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5.3.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Lesen dan Sewaan sehingga 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Jumlah kutipan lesen keseluruhan adalah **RM 277,941.00** dan kutipan sewaan sehingga 31 Januari 2021 berjumlah **RM 85,036.00** Manakala bagi kutipan Bayaran Perkhidmatan berjumlah **RM 17,551.40**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.3.3 Laporan Hasil Penguatkuasaan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Tempat Letak Kereta dan Penguatkuasaan berakhir 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Terimaan yang berjaya dikutip untuk Jabatan Penguatkuasaan sehingga 31 Januari 2021 adalah berjumlah **RM 1,150.00** dari jumlah Bajet 2021 iaitu **RM 144,010.00**.

Tindakan: Jabatan Penguatkuasaan

5.3.4 Laporan Hasil Jabatan Kejuruteraan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Kejuruteraan berakhir 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Sehingga 31 Januari 2021 tiada terimaan hasil berjaya dikutip.

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

5.3.5 Laporan Hasil Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Lanskap

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap berakhir 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Terimaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 bagi Bahagian Perancangan adalah berjumlah RM 584,052.72 manakala bagi Bahagian Lanskap berjumlah RM 24,780.00.

Tindakan: Jabatan Perancangan Dan Lanskap

5.3.6 Laporan Hasil Unit Pusat Setempat (OSC)

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Unit Pusat Setempat (OSC) berakhir 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Terimaan keseluruhan yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 berjumlah RM 32,818.57 bersamaan dengan 3% dari Bajet 2021.

Tindakan: Unit OSC

5.3.7 Laporan Hasil Jabatan Kawalan Bangunan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Kawalan Bangunan berakhir 31 Januari 2021 yang dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis. Terimaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Januari 2021 adalah RM 152,239.50 bersamaan dengan 25% dari Bajet 2021.

Tindakan: Jabatan Kawalan Bangunan

6.0 MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BARU

6.1 Kertas Kerja Cadangan Berkenaan Caj Pengurungan Harian Kepada Pemilik Anjing Liar Yang Ditangkap Oleh Jabatan Penguatkuasaan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK., Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memohon kelulusan berhubung Cadangan Berkenaan Caj Pengurungan Harian Kepada Pemilik Anjing Liar Yang Ditangkap Oleh Jabatan Penguatkuasaan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Cadangan Berkenaan Caj Pengurungan Harian Kepada Pemilik Anjing Liar Yang Ditangkap Oleh Jabatan Penguatkuasaan dengan menaikkan kadar harian kepada RM 10.00 sepertimana yang dibenarkan di dalam Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil 5 Tahun 2014.

Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan

6.2 Kertas Cadangan Pelanjutan Tempoh Kenaan Notis E dan Pindaan Kadar Caj Notis E Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK., Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memohon kelulusan berhubung Cadangan Pelanjutan Tempoh Kenaan Notis E dan Pindaan Kadar Caj Notis E Cukai Taksiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Cadangan Pelanjutan Tempoh Kenaan Notis E sehingga 31 Mac 2021 dan caj akan dikenakan pada 01 April 2021 manakala pindaan kadar caj Notis E sebanyak RM 20.00 kepada RM 3.00 seperti yang dicadangkan.

Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

6.3 Kertas Kerja Bagi Maksud Cadangan Penangguhan Kenaan Cukai Taksiran Ke Atas Pegangan Baru Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK., Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memohon kelulusan berhubung Cadangan Penangguhan Kenaan Cukai Taksiran Ke Atas Pegangan Baru Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju Cadangan Penangguhan Kenaan Cukai Taksiran di Perumahan KEDA, Wang Tok Rendong sehingga 01 Januari 2022 yang melibatkan 171 unit kediaman dan 3 unit kedai (binaan sendiri).

Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

6.4 Kertas Kerja Bagi Maksud Pemansuhan/Hapuskira Cukai Taksiran Bagi Pegangan-Pegangan Berkadar Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK., Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memohon kelulusan berhubung Pemansuhan/Hapuskira Cukai Taksiran Bagi Pegangan-Pegangan Berkadar di dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju cadangan hapuskira tunggakan Cukai Taksiran bagi kes runtuh / roboh dan terbakar sebanyak RM 10,710.60 yang melibatkan 8 pegangan.

Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

7.0 HAL-HAL LAIN

- 7.1 Ahli Majlis Encik Nor Saidi Bin Nanyan, BCK., BKM., JP mencadangkan supaya Bot Majlis yang tidak digunakan supaya dijual. Encik Fauzi bin Ahmad, Jurutera Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bahawa iklan jualan bot telah dikeluarkan sebanyak 3 kali tetapi masih tiada pembeli yang berminat.

Tindakan : Makluman

- 7.2 Puan Setiausaha memaklumkan bahawa dalam Mesyuarat Penuh Bil 7/2020 telah dibentang kertas kerja berkenaan Pelaksanaan Penggunaan Tempat Letak Kereta di Pantai Chenang yang akan berkuatkuasa pada 01 Februari 2021 dan memohon agar pelaksanaannya ditunda berikutan Pandemik Covid 19. Mesyuarat bersetuju untuk menunda pelaksanaan tersebut dan akan berkuatkuasa bermula Jun 2021.

Tindakan : Makluman

SULIT

8.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli mesyuarat sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.

Disediakan oleh,


(AINA BINTI YUSOF)
Pencatat Minit

Disemak oleh,



(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK.)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,


(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Fail rujukan Perbendaharaan:

Agenda 5.0

5.2 Mínit Mesyuarat
Jawtankuasa Tetap Perlesenan,
Kesihatan dan Kebersihan
Bíl 5/2020
bertarikh 16 Dísember 2020

SULIT

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
PELESENAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN
BIL. 1/2021**

TARIKH: 2 Mac 2021
MASA : 12.00 tengahari
TEMPAT: Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

KEHADIRAN

- | | | |
|-----|---|--------------|
| 1. | Y. Bhg. Tuan Radzuan Bin Osman, AMK., BCK
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan | - Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Saiful Anwar Bin Azmi, AMK., BCK
Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah Langkawi | - Ahli |
| 3. | Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Langkawi
(Mohd Daniel Bin Idris) | - Wakil |
| 4. | Pengarah
PLANMalaysia@Kedah
(Azlan Bin Ahmad, PCK) | - Wakil |
| 5. | Encik Dhurairaj a/l Kramasamy, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 6. | Puan Azlina bt Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |
| 7. | Encik Zubir bin Ahmad, BKM
Ahli Majlis | - Ahli |
| 8. | Encik Elias bin Othman
Ahli Majlis | - Ahli |
| 9. | Encik Look Sia Hing, AMK, BKM, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 10. | Encik Kamarudzaman bin Mustafa
Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. | Safari bin Shaberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. | Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan | - Setiausaha |

SULIT

TURUT HADIR

1. Encik Azli bin Abd Rani, BCK
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekutaran
2. Encik Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan
3. Encik Mohamad Khairul Azmi b. Ghazali
Penolong Pengawai Penguatkuasa
Jabatan Penguatkuasa
4. Mohd Zulidzham bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Unit OSC
5. Encik Mohd Fathky Bin Mohd Jamil
Pegawai Undang-Undang
Unit Undang-Undang
6. Encik Muhamad Hisyam b. Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan
7. Solihin bin Hasbi
Wakil Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap
8. Penolong Penguasa Bomba
Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi
(Encik Mohd Iqwan Bin Ehshan)
9. Encik Ridzuan bin Indam
SW Corp Cawangan Langkawi

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Puan Hisham Suhaily binti Othman, KMN, AMK, BKM
Ahli Majlis
2. Ketua Polis Daerah Langkawi
Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi
3. Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi
Jurutera Daerah
4. Jurutera
Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi
5. Puan Anis Salihah bt. Zabudin
Pegawai Tadbir
Jabatan Khidmat Pengurusan

SULIT

URUS SETIA

1. Puan Siti Shafinaz binti Bahador
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran - Urus setia
2. Puan Nurul Syafawani binti Hailan
Pembantu Tadbir - Urus setia
3. Puan Shafina binti Othman
Pembantu Kesihatan Awam - Pencatat Minit

SULIT

1.0 ALUAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli mesyuarat yang hadir. Tuan Pengerusi juga turut memaklumkan bahawa syarikat konsesi Environment Idaman telah menghentikan kutipan sampah pada waktu malam bermula Januari 2021. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa sejak pembayaran dihentikan pada 2017, syarikat Environment Idaman menjalankan kerja-kerja kutipan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

Tindakan: Makluman

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PELESENAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN BIL 05/2020 BERTARIKH 16 DISEMBER 2020.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil. 05/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan dan dicadangkan untuk disahkan. Encik Zubir bin Ahmad mencadangkan untuk disahkan dan disokong oleh Encik Look Sia Hing.

Tindakan : Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Permohonan Mendapatkan Lesen Tred oleh Noor Amimi binti Maton (Taska Suka Ceria) di alamat No. 91, Kampung Sungai Itau, Mukim Ayer Hangat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Jabatan Kawalan Bangunan memaklumkan bahawa pemilik taska tersebut belum mengemukakan permohonan pelan bangunan/permit bangunan sementara.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju permohonan ini **ditangguh** sehingga pemohon mengemukakan permohonan pelan bangunan/permit bangunan sementara.

Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran

3.2 Permohonan Mendapatkan Lesen Komposit oleh Ku Azhar bin Ku Abdul Razak (Goldsand Hotel & Resort Management Sdn. Bhd.) di alamat Lot PT 1715 & Sebahagian Lot 558, Bandar Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Pemohon belum mengemukakan surat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju permohonan ini **ditangguh** sehingga pemohon mengemukakan surat sokongan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi.

Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran

3.3 Permohonan Mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh Zainol bin Husin (MC Gemilang (Natural Water) Sdn. Bhd.) di alamat Lot 1643, Mukim Ulu Melaka, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Jabatan Kawalan Bangunan memaklumkan bahawa pemilik tersebut dalam proses mendapatkan kelulusan serentak Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan dan Kejuruteraan.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan Lesen Kadar Sementara** dan denda bayaran lesen dua kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran

4.0 MEMBENTANG TAKLIMAT DAN LAPORAN-LAPORAN

4.1 Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran bagi bulan Januari 2021.

Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Langkawi bagi bulan Januari 2021 dibentangkan oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Persekitaran untuk makluman ahli-ahli mesyuarat. Laporan yang dibentangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

4.1.1 Kerja-kerja kawalan vektor

4.1.2 Laporan Bulanan Tandas Awam

- Jumlah kutipan bayaran masuk tandas bulan Januari 2021 adalah sebanyak RM 17,223.40.

4.1.3 Laporan Bulanan Kerja-kerja Pembersihan Gerai

4.1.4 Program Gotong-Royong

4.1.5 Makluman Bayaran Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPAn) sehingga Januari 2021.

4.1.5 Status Terkini Loji Insinerator

- Kerja-kerja menaiktaraf Loji Insinerator Pulau Langkawi telah siap sepenuhnya oleh syarikat yang dilantik oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan iaitu Drizzle Engineering Sdn. Bhd.
- Operasi Loji Insinerator dijangka akan dimulakan setelah selesai kerja-kerja Ujian & Pentauliahan (T&C) dari KPKT.

Setelah berbincang, Jawatankuasa bersetuju **mengambil maklum** Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Langkawi bagi bulan Januari 2021.

Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran

4.2 Laporan Bulanan Kerja-Kerja Pembersihan dan Pengurusan Sisa Pepejal oleh SW Corp dan Pembersihan Awam Cawangan Langkawi

Laporan Bulanan Kerja-Kerja Pembersihan Dan Pengurusan Sisa Pepejal Oleh SW Corp Dan Pembersihan Awam Cawangan Langkawi bagi bulan Januari 2021 dibentangkan oleh Pengurus Cawangan SW Corp Langkawi untuk makluman ahli-ahli mesyuarat. Laporan yang dibentangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

- 4.2.1 Laporan Penguatkuasaan
- 4.2.2 Penutupan Tapak Tong Sampah
- 4.2.3 OPS Payung
- 4.2.4 Operasi Penguatkuasaan Sampah Longgok/Haram
- 4.2.5 Status Pemasangan Loji Insinerator Pulau Langkawi

Tindakan: Makluman

5.0 MENIMBANG PERMOHONAN-PERMOHONAN BARU

5.1 Permohonan-Permohonan Lesen (16 permohonan)

- 5.1.1** Permohonan mendapatkan Lesen Komposit oleh Alexander Wong Hsiang Lung (Cottage By The Sea Sdn Bhd) di alamat Jalan Teluk Baru, Pantai Tengah Mukim Kedawang 07000 Langkawi Kedah Darul Aman.

Pemilik hotel The Frangipani Hotels & Resort Sdn. Bhd. telah membuat permohonan untuk menukar pengurusan kepada Cottage By The Sea Sdn. Bhd. sejak awal tahun 2021.

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.2** Permohonan mendapatkan Lesen Tred oleh Chua Kang Sing (Open Road MBL Sdn Bhd) di alamat Lot 3402, Jln Padang Gaong Mukim Kuah 07000 Langkawi Kedah Darul Aman

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.3** Permohonan Mendapatkan **Lesen Komposit** oleh **Tan Yew Teik (Mr. Diy (H) Sdn Bhd)** di alamat **No. 2,3 & 4, Kedai Kg Atas, Padang Matsirat Mukim Padang Matsirat 07100 Langkawi Kedah Darul Aman**

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.4** Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Teh Lu Fong (Poh & Heng Auto Parts)** di alamat **No. 32, Pekan Lama Padang Matsirat, Mukim Padang Matsirat 07100 Langkawi Kedah Darul Aman**

Status bangunan tersebut merupakan bangunan rumah kedai sediada yang telah dibina sebelum penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Oleh itu bangunan ini tidak mempunyai kelulusan pelan bangunan.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju permohonan ini ditangguh untuk pemohon mengemukakan pelan bangunan untuk diberi pertimbangan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.5** Permohonan Mendapatkan **Lesen Establishmen Makanan** oleh **Wintan A/L Prenchess (Win Signature Sdn Bhd)** di alamat **No. 2, Casa Fina Avenue, Pantai Cenang Mukim Kedawang 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Status bangunan telah mendapat kelulusan Permit Bangunan Sementara ruj. MPLBP/D/2/03/11 bertarikh 26/02/2020.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan Lesen Kadar Sementara dan denda bayaran lesen 2 kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.6** Permohonan Mendapatkan **Lesen Establishmen Makanan** oleh **Cheng Lee Kheng (Focus Success Enterprise)** di alamat **No. 3, Pusat Perniagaan Kelibang Indah, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.7 Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh Md. Isa b. Ibrahim (Smart Potential Sdn Bhd) di alamat Lot 109, Tingkat 2, Kompleks Pekan Rabu, Mukim Kuah 07000 Langkawi Kedah Darul Aman.

Status bangunan telah mempunyai kelulusan pelan bangunan namun belum mempunyai kelulusan CCC.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan **Lesen Kadar Sementara** dan denda bayaran lesen 2 kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.8 Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh Natashanisha Bt. Dastagir Ali (HID Scrap Metal Enterprise) di alamat Lot 918, Stor Kampung Huma Mukim Ayer Hangat 07000 Langkawi Kedah Darul Aman

Status bangunan mempunyai Permit Bangunan Sementara ruj. MPLBP/D/2/76/08.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan **Lesen Kadar Sementara** dan denda bayaran lesen 2 kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.9 Permohonan Mendapatkan **Lesen Establisymen Makanan** oleh Shareef Bin Ahmad Zamil (Sawah Gastronomy) di alamat Lot 72A Dayang Walk, Mukim Kuah 07000 Langkawi Kedah Darul Aman

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.10 Permohonan Mendapatkan **Lesen Establishmen Makanan** oleh Atiqah Nadwa Binti Mat Shohor (Turkish Delight Sdn. Bhd.) di alamat No. 19A, Dayang Walk, Jalan Pelangi 2, Mukim Kuah 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.11** Permohonan mendapatkan **Lesen Tred** oleh **Atiqah Nadwa Binti Mat Shohor (The Lost Atlantis Adventures Sdn Bhd)** di alamat **Lot 89, Tingkat 2, Kompleks Pekan Rabu, Mukim Kuah 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Bangunan tersebut telah mendapat kelulusan pelan bangunan namun belum mempunyai kelulusan CCC.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan **Lesen Kadar Sementara** dan denda bayaran lesen 2 kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.12** Permohonan Mendapatkan Lesen Establishmen Makanan Oleh **Goh Jit Haw (B & G Jit Haw Enterprise)** di alamat **No. 25A & 26B, Dayang Walk, Kelibang, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.13** Permohonan Mendapatkan Lesen Establishmen Makanan Oleh **Chai Tai Peng (Rootian Coffee Shop)** di alamat **No. 22A & 23B, Dayang Walk, Kelibang, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan serta dikenakan kompaun kerana beroperasi tanpa lesen premis perniagaan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.14** Permohonan Mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh **Telak Narayanan A/L Papupathy (Sarti Supperclub Venture)** di alamat **Lot 60177, Jalan Pantai Cenang, Mukim Kedawang, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Bangunan tersebut telah mendapat Kelulusan Pelan Bangunan dengan rujukan kelulusan MPLBP/D/3/05/ bertarikh 10/07/2017 namun belum mempunyai kelulusan CCC.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan **Lesen Kadar Sementara** dan denda bayaran lesen 2 kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.1.15 Permohonan mendapatkan Lesen Tred oleh Abu ZR b. Samat (Mara Liner Sdn Bhd) di alamat Lot 1827, KM 1 Jalan Air Hangat, Mukim Kuah 07000 Langkawi Kedah Darul Aman

Status bangunan tersebut merupakan bangunan milik MARA dan telah mendapat kelulusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi Ruj. JBPM/KD/ZLW:700-5/1/12(033) bertarikh 16 Disember 2020.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan Lesen Kadar Sementara dan denda bayaran lesen 2 kali ganda bagi permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.2 Permohonan Baru Lesen Penjaja Beredar (4 Permohonan)

5.2.1 Permohonan Mendapatkan Lesen Penjaja Beredar oleh Wan Mohamad Fadzil bin Wan Kamaruzaman di alamat Kedai Lot No. 3, Hotel Adya Chenang, Kg. Lubok Buaya, Mukim Kedawang, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemohon menjalankan operasi perniagaan di sekitar kawasan Pandak Mayah, taman perumahan di sekitar pulau Langkawi, Dataran Pekan Rabu, Pantai Tengah dan kawasan kampung dan jenis jualan adalah menjual makanan berbungkus.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju untuk memberi kelulusan Lesen Penjaja Beredar kepada pemohon mengikut syarat-syarat Lesen Penjaja.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.2.2 Permohonan Mendapatkan Lesen Penjaja Beredar oleh Zuraihan bt Ahmad di alamat No. 88, Kg. Pasir Hitam, Mukim Ayer Hangat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemohon menjalankan operasi perniagaan di kawasan parkir Dataran Teluk Yu dan jenis jualan adalah air balang dan rojak.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju untuk memberi kelulusan Lesen Penjaja Beredar kepada pemohon mengikut syarat-syarat Lesen Penjaja.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.2.3** Permohonan Mendapatkan **Lesen Penjaja Beredar** oleh **Amir bin Mohd Salleh** di alamat **No. 85, Taman Langkawi, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemohon menjalankan operasi perniagaan di kawasan Pandak Mayah, taman perumahan di sekitar pulau Langkawi, Dataran Pekan Rabu, Pantai Tengah dan kawasan kampung dan jenis jualan adalah makanan berbungkus, kasut dan pakaian.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju untuk memberi kelulusan Lesen Penjaja Beredar kepada pemohon mengikut syarat-syarat Lesen Penjaja.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.2.4** Permohonan Mendapatkan **Lesen Penjaja Beredar** oleh **Nolia bt Morat** di alamat **Kg. Pasir Hitam, Mukim Ayer Hangat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemohon menjalankan operasi perniagaan di sekitar kawasan Ayer Hangat dan jenis jualan adalah makanan berbungkus.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju untuk memberi kelulusan Lesen Penjaja Beredar kepada pemohon mengikut syarat-syarat Lesen Penjaja.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.3** **Kertas Kerja Cadangan Melanjutkan Program Pemberian Insentif Ransangan Ekonomi Kali Ketiga (3) Semasa Pandemik COVID-19**

Kertas kerja telah dibentangkan oleh Puan Setiausaha, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan mengenai Cadangan Melanjutkan Program Pemberian Insentif Ransangan Ekonomi Kali Ketiga (3) Semasa Pandemik COVID-19.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kertas kerja Pemberian Insentif Ransangan Ekonomi Kali Pertama telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Bil 4/2020 pada 4 Mei 2020 di mana bayaran sewaan premis ruang niaga/gerai milik Majlis telah diberi rebat sebanyak 50% iaitu sebanyak RM233,230.00 bagi tempoh tiga (3) bulan mulai daripada bulan April sehingga Jun 2020 dan lanjutan Pemberian Insentif Ransangan Ekonomi Kali Kedua (2) yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas pada 12 Oktober 2020 berkaitan lanjutan rebat 50% yang melibatkan kehilangan hasil sebanyak RM154,490.00 bagi tempoh dua (2) bulan bermula daripada bulan November sehingga Disember 2020.

Mesyuarat mengambil maklum mengenai rayuan oleh peniaga/penyewa ruang niaga/gerai milik Majlis mengenai sambutan yang kurang terhadap perniagaan mereka yang disebabkan oleh faktor persaingan daripada 'food rider', pertumbuhan gerai baru di sekitar bahu-bahu jalan, jumlah kemasukan pelancong tempatan yang terhad berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) yang masih berkuatkuasa dan juga ketiadaan pelancong dari luar negara berikutan pintu sempadan yang masih belum dibuka.

Mesyuarat juga dimaklumkan mengenai Pemberian Insentif Rebat 50% sewaan kepada 624 penyewa ruang niaga/gerai milik Majlis selama tiga (3) bulan iaitu bermula dari Februari sehingga April 2021. Pemberian insentif ini melibatkan potongan bayaran sewaan sebanyak RM 142,815.00.

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai insentif rebat sebanyak 100% selama satu (1) bulan iaitu pada bulan Februari 2021 dan rebat 50% pada bulan selanjutnya selama dua (2) bulan iaitu bulan March 2021 dan April 2021 ke atas 135 penyewa ruang niaga kiosk jetski, tapak kerusi rehat Pantai Cenang, kiosk kontena Chenang Waterfront, Gerai Pasir Hitam, Gerai Terbuka Beras Terbakar, tapak Uptown Feeder 3 Pantai Cenang, gerai Makam Mahsuri dan juga Taman Awam Kuah yang tidak dapat beroperasi sepenuhnya berikutan arahan perintah kawalan pergerakan (PKP). Pemberian insentif ini juga melibatkan potongan bayaran sewaan sebanyak RM99,580.00

Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju memberi kelulusan bagi kertas kerja mengenai Cadangan Melanjutkan Program Pemberian Insentif Ransanga Ekonomi Kali Ketiga (3) Semasa Pandemik COVID-19 yang mana melibatkan jumlah keseluruhan rebat sewaan sebanyak RM 242,395.00.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.4 Kertas Kerja Mengenai Cadangan Penambahbaikan Sistem Kutipan Tong-Tong Sampah Berpusat di Sepanjang Jalan Utama/Protokol.

Kertas kerja telah dibentangkan oleh Puan Setiausaha, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan mengenai Cadangan Penambahbaikan Sistem Kutipan Tong-Tong Sampah Berpusat di Sepanjang Jalan Utama/Protokol.

Mesyuarat dimaklumkan pada 2013 terdapat peruntukan tambahan di bawah Blueprint Pelancongan Langkawi oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang disalurkan melalui pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kepada syarikat Environment Idaman dan dipantau oleh SW Corp bagi menampung kos pertambahan kekerapan kutipan sampah di tong-tong berpusat jalan-jalan utama dari sekali sehari ke dua kali sehari. Ini berikutan jumlah penjanaan sampah di Langkawi telah meningkat dengan drastik dan tong-tong sampah di jalan utama seringkali melimpah dan mencacatkan pandangan sehingga mendapat banyak aduan dari pelancong tempatan dan luar negara. Namun peruntukan ini telah dihentikan apabila berakhirnya tempoh pelaksanaan Blueprint Pelancongan Langkawi pada tahun 2017.

Mesyuarat turut dimaklumkan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan menerima banyak aduan berkaitan tahap kebersihan di sepanjang jalan-jalan utama dari pengunjung ke Langkawi, pengusaha-pengusaha sektor pelancongan dan 3 para kenamaan yang melawat Pulau Langkawi.

Mesyuarat juga dimaklumkan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah beberapa kali mengadakan perbincangan dengan pihak SW Corp dan Environment bagi mencari penyelesaian bagi masalah tahap

kebersihan yang tidak memuaskan di tapak-tapak tong berpusat di sepanjang jalan utama. Melalui perbincangan ini pihak SW Corp telah mengenalpasti tapak-tapak tong sampah yang seringkali melimpah dan kekerapan kutipan perlu ditambah. Hasil dari perbincangan itu terdapat dua langkah penambahbaikan dicadangkan iaitu :-

- i. meningkatkan kekerapan kutipan tong-tong sampah berpusat di sepanjang laluan utama dari enam kali seminggu ke tujuh kali seminggu
- ii. meningkatkan kekerapan kutipan tong sampah berpusat di sepanjang jalan dari sehari ke dua kali sehari.

Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju memberi kelulusan untuk cadangan penambahbaikan sistem kutipan sampah tong-tong sampah berpusat di sepanjang jalan-jalan utama/protokol dengan kaedah pertambahan kekerapan kutipan sampah dari enam kali seminggu ke tujuh kali seminggu (melibatkan 215 tong sampah) dan pertambahan kekerapan kutipan sampah harian dari sekali sehari ke dua kali sehari (melibatkan 212 tong sampah) dengan kos sebanyak RM 51,240.00 setahun.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas semua pandangan dan idea yang dikemukakan sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.30 petang.

Disediakan oleh,




SHAFINA BINTI OTHMAN
Pencatat Minit,
Jawatankuasa Tetap Pelesenan,
Kesihatan dan Kebersihan

Disemak oleh,



NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD
SALMI, BCK
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,



RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Agenda 5.0

5.3 Minit Mesyuarat
Jawtankuasa Tetap Pentadbiran
dan Pelancongan

Bil 5/2020
bertarikh 16 Disember 2020

SULIT

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
PENTADBIRAN DAN PELANCONGAN
BILANGAN 1/2021**

TARIKH : 02 Mac 2021(Selasa)

MASA : 2.30 Petang

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

KEHADIRAN

- | | |
|--|-------------|
| 1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK.
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi | - Pengerusi |
| 2. Tuan Haji Saiful Anuar bin Azmi, AMK., BCK
Pegawai Daerah Langkawi | - Ahli |
| 3. Puan Maebel Leong Sai Fong
Lembaga Pembangunan Langkawi | - Wakil |
| 4. Encik Samsulmuddin bin Sulaiman
Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi | - Wakil |
| 5. Tn. Haji Mohd Noorazidi bin Hj. Yunus
Jabatan Pengairan dan Saliran | - Ahli |
| 6. Encik Dhurairaj a/l Ramasamy, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 7. Encik Mazlan bin Ahmad., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 8. Encik Elias bin Othman., BKM., PJK., PPN
Ahli Majlis | - Ahli |
| 9. Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim
Ahli Majlis | - Ahli |
| 10. Puan Azlina binti Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |

SULIT

SULIT

11. Encik Ahmad Nadzri bin Ali
Ahli Majlis - Ahli
12. Encik Selvakumaran a/l G. Arpayya
Ahli Majlis - Ahli
13. Encik Amar Pared bin Mahamud
Ahli Majlis - Ahli
14. Tn. Haji Hasim bin M. Noh., AMK., BKM., PPN., PJK
Ahli Majlis - Ahli
15. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi - Setiausaha

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi
2. Puan Hisham Suhaily binti Othman., KMN., AMK., BKM
Ahli Majlis

TURUT HADIR

1. Encik Azli bin Abd Rani, BCK
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran
2. Tuan Haji Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
3. Puan Anis Sallihah binti Zabudin
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Rashila binti Abdullah
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Puan Harzanin bin Harun
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan

SULIT

7. Encik Mohd Farid bin Md Ali
Jurutera
Jabatan Kejuruteraan
8. Encik Mohd Fatkhy bin Mohd Jamil
Pegawai Undang-Undang
Unit Undang-Undang
9. Encik Mohd Zulidzham bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Unit OSC
10. Encik Solihin bin Hasbi
Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap - Wakil
11. Encik Mohamad Khairul Azmi bin Ghazali
Jabatan Penguatkuasaan - Wakil
12. Tuan Haji Ku Jamaludin bin Ku Abd Razak
Jabatan Pembangunan Masyarakat - Wakil
13. Puan Manisah binti Hj. Manap
Setiausaha Pejabat
Pejabat Yang Dipertua

URUS SETIA

1. Puan Faezah binti Abdullah
Jabatan Khidmat Pengurusan - Pencatat Minit

SULIT

1.0 ALUAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memberi salam dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran Dan Pelancongan Bilangan 5/2020 pada petang ini.

Dalam ucapan Pengerusi, beliau turut memaklumkan beberapa perkara berikut :-

- i) Beliau memaklumkan mengenai Banci Penduduk dan Perumahan atau e-Census oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang telah dijalankan di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Pihak Majlis Perbandaran Langkawi telah mencapai 100 peratus pencapaian e-Census tersebut. Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan yang telah berjaya melaksanakan bancian tersebut.
- ii) Tuan Pengerusi turut memaklumkan mengenai program Bantuan Prihatin MPLBP yang telah dan sedang dilaksanakan pada masa kini amatlah bertepatan dengan situasi semasa yang di alami oleh semua masyarakat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 ini. Beliau menyarankan agar program ini diteruskan pada masa akan datang.

Mesyuarat diteruskan seperti agenda.

Tindakan: Makluman

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PENTADBIRAN DAN PELANCONGAN BILANGAN 5/2020 BERTARIKH 16 DISEMBER 2020

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran Dan Pelancongan Bilangan 5/2020 bertarikh 16 Disember 2020 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Encik Amar Pared bin Mahamud dan disokong oleh Encik Dhurairaj a/l Ramasamy,PJK tanpa sebarang pindaan.

Tindakan : Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 *'Hoarding'* di Hadapan Hotel Aseania Langkawi

Wakil daripada Lembaga Pembangunan Langkawi memaklumkan bahawa perkara tersebut akan diambil tindakan segera oleh pihak LADA dalam masa terdekat dan proses perolehan telah dibuat oleh pihak LADA.

Tindakan : LADA

3.2 Jadual Perjalanan Feri

Tuan Pegawai Daerah Langkawi memaklumkan bahawa perkara tersebut telah dibincangkan di dalam mesyuarat yang berkaitan. Jadual perjalanan feri ke Kuala Kedah pada kini adalah sebanyak 1 trip sahaja dan masih sama sehingga kini semenjak PKP 2.0 berkuatkuasa.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa perjalanan ke Kuala Perlis juga telah dibuka.

Tindakan : Pej. Daerah Langkawi

3.3 Aduan Berkaitan Burung Gagak

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan akan mengadakan operasi bersepadu bersama agensi luar iaitu PDRM, RELA dan juga pihak PERHILITAN.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pihak RELA tiada kuasa untuk menembak. Tuan Pengerusi juga memohon agar pihak Majlis Perbandaran Langkawi bekerjasama dengan pihak PDRM dalam usaha menyelesaikan masalah tersebut.

Tindakan : Jabatan Penguatkuasa

SULIT

3.5 Penguatkuasaan di Pantai Chenang

Mesyuarat dimaklumkan bahawa penggunaan kupon letak kereta di kawasan Pantai Chenang telah dikuatkuasa mulai pada 28 Februari 2020 seperti mana yang diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh Bilangan 7/2020.

Walaupun bagaimanapun, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pelaksanaan tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga bulan Jun 2021 atas sebab PKP 2.0

Tindakan : Jabatan Penguatkuasa

4.0 MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BAHARU

4.1 Jabatan Khidmat Pengurusan

4.1.1 Kertas Kerja Pelaksanaan Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada Lantikan Baru Mulai Januari 2020 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan Pemakluman Kertas Kerja Pelaksanaan Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada Lantikan Baru Mulai Januari 2020 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Pemakluman Kertas Kerja Pelaksanaan Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada Lantikan Baru Mulai Januari 2020 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berkuatkuasa mulai Januari 2020.

Tindakan : Makluman

4.1.2 Kertas Kerja Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan pemakluman Kertas Kerja Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju mengenai Makluman Kerja Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2020.

Tindakan : Makluman

4.1.3 Kertas Kerja Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2008 Pindaan Skim Perkhidmatan Akauntan dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan pemakluman Kerja Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju mengenai Makluman Kerja Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2019 Pengukuhan Pelaksanaan Pemberian Elaun Dalam Perkhidmatan Awam di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2020.

Tindakan : Makluman

4.1.4 Kertas Kerja Cadangan Penamatan Perkhidmatan Encik Zulhairie bin Zainuddin, No.K/P : 950903-02-5049, Jawatan Pembantu Awam Gred H11 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan pemakluman Kertas Kerja Cadangan Penamatan Perkhidmatan Encik Zulhairie bin Zainuddin, No.K/P : 950903-02-5049, Jawatan Pembantu Awam Gred H11 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju mengenai Permohonan Pelanjutan Tempoh Percubaan Oleh Encik Zulhairie bin Zainuddin, No. Kad Pengenalan 950903-02-5049, Pembantu Awam, Gred H11 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan selama 1 [satu] tahun dengan DENDA berkuatkuasa mulai 16 November 2020 hingga 15 November 2021.

Tindakan : JKP/Makluman

4.1.5 Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Bencana Alam dan 'Emergency Response Team' (ERT) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan pemakluman Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Bencana Alam dan 'Emergency Response Team' (ERT) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju mengenai Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Bencana Alam dan 'Emergency Response Team' (ERT) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Tindakan : Makluman

4.2 Unit Korporat Dan Perhubungan Awam

4.2.1 Laporan Aduan Awam Bagi Tahun 2020 mulai Januari 2020 hingga Disember 2020 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Laporan penerimaan aduan ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan berhubung laporan penerimaan aduan bagi tahun 2020 mulai Januari 2020 hingga Disember 2020 :-

BIL	JABATAN	Jan 2020 – Dis 2020		
		TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
1.	Penguatkuasan	206	206	-
2.	Kejuruteraan	89	85	4
3.	Lanskap	72	66	6
4.	Kesihatan Persekitaran	11	9	2
5.	Kawalan Bangunan	3	3	-
6.	Penilaian	2	1	1
7.	Perancang	1	1	-
8.	Pentadbiran	1	1	-
9.	Perbendaharaan	-	-	-
10.	Lain-lain	10	9	1
	Jumlah Keseluruhan 2020	395	381	14

Mesyuarat mengambil maklum akan laporan Aduan Awam yang dibentangkan.

Tindakan : Makluman

4.2.2 Laporan Aduan Awam Bagi Bulan Januari 2021

Laporan penerimaan aduan ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan berhubung laporan penerimaan aduan awam bagi bulan Januari 2021 :-

BIL	JABATAN	Januari 2021		
		TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
1.	Penguatkuasan	17	17	-
2.	Kejuruteraan	5	0	5
3.	Lanskap	3	1	2
4.	Kesihatan Persekitaran	-	-	-
5.	Kawalan Bangunan	3	2	1
6.	Penilaian	-	-	-
7.	Perbendaharaan	-	-	-
8.	Lain-lain	3	1	2
JUMLAH		31	21	10

Mesyuarat mengambil maklum akan laporan Aduan Awam yang dibentangkan.

Tindakan : Makluman

4.3 Unit Undang-Undang

4.3.1 Kertas Kerja Cadangan Pelantikan dan Pewartaan Penguatkuasa sebagai Warden Lalulintas di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan pemakluman Kertas Kerja Cadangan Pelantikan dan Pewartaan Penguatkuasa sebagai Warden Lalulintas di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Kertas Kerja Cadangan Pelantikan dan Pewartaan Penguatkuasa sebagai Warden Lalulintas di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).

Walaubagaimanapun, mesyuarat memohon semakan semula berkenaan dengan kelayakan pekerja kontrak dalam melaksanakan tugas warden lalulintas sebelum diwartakan.

Tindakan : Unit Undang-Undang

4.4 Unit Audit Dalam

4.4.1 Kertas Kerja Pemakluman Perancangan dan Pelaksanaan Audit Tahun 2021 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan pemakluman Kertas Kerja Pemakluman Perancangan dan Pelaksanaan Audit Tahun 2021 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Pemakluman Perancangan dan Pelaksanaan Audit Tahun 2021 di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Tindakan : Makluman

4.3 Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.3.1 Laporan Aktiviti Jabatan Pembangunan Masyarakat bagi tempoh 09 Februari 2021 sehingga 25 Februari 2021 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Laporan aktiviti Jabatan Pembangunan Masyarakat ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan berhubung laporan aktiviti yang dijalankan mulai 09 Februari 2021 hingga 25 Februari 2021 :-

Mesyuarat mengambil maklum akan laporan yang dibentangkan.

Tindakan : Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN**5.1 Permohonan Bantuan e-Kasih**

Encik Mazlan bin Ahmad, Ahli Majlis membangkitkan masalah permohonan untuk bantuan e-kasih yang ketat. Syarat dan kriteria yang dikenakan adalah tidak bertepatan dan menyusahkan pemohon untuk memohon bantuan tersebut.

Dipohon agar syarat ini dikaji semula bagi memudahkan bantuan untuk disalurkan.

Tindakan : Pejabat Daerah Langkawi

5.3 Papan Tanda 'Langkawi Permata Kedah'

Encik Nadzri bin Ali, Ahli Majlis membangkitkan isu mengenai papan tanda Langkawi Permata Kedah yang telah lama dan pemeriksaan terhadap kekuatan struktur papan tanda tersebut perlu dibuat memandangkan keadaan angin yang kuat pada masa kini.

Tuan Pengerusi memohon agar tindakan segera diambil oleh Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Langkawi.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.7 Program Gotong Royong

Encik Nadzri bin Ali, Ahli Majlis mencadangkan agar program gotong-royong dapat diadakan semula di Padang Matsirat dalam masa terdekat. Banyak sampah sarap kelihatan di mana-mana terutamanya di kawasan pekan, pantai akibat daripada musim angin yang dialami pada masa kini.

Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran

SULIT

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat pada petang ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.50 petang dengan ucapan terima kasih oleh Tuan Pengerusi.


Disediakan oleh,


(FAELAH BINTI ABDULLAH)
Pencatat Minit

Disemak oleh,


(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,


(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Fail rujukan Jabatan Khidmat Pengurusan: MPLBP.PEN.21/2018(MJKT Pentadbiran Dan Pelancongan)

Agenda 5.0

5.4 Minit Mesyuarat
Jawatankuasa Tetap Bangunan,
Infrastruktur dan Kemudahan
Awam Bil 5/2020
bertarikh 16 Disember 2020

SULIT.

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM.
BIL 1/2021**

TARIKH : 2hb.Mac 2021 (Selasa)
MASA : 3.30 petang.
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi

KEHADIRAN

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
2. Pegawai Daerah -Ahli
Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi
Negeri Kedah Darul Aman.
(Tuan Haji Saiful Anwar b. Azmi, AMK,.BCK.)
3. Pengarah Plan Malaysia @ Kedah -Wakil.
Negeri Kedah Darul Aman.
(En. Azlan b. Ahmad, PCK.)
4. Jurutera Daerah -Ahli.
Jabatan Pengairan Dan Saliran
(En. Mohd. Noorazidi b. Hj. Yunus)
5. En. Kamarudzaman b. Mustafa -Ahli
Ahli Majlis.
6. En. Mazlan b. Ahmad, PJK - Ahli
Ahli Majlis
7. En. Ahmad Nadzri b. Ali. -Ahli
Ahli Majlis
8. En. Nor Saidi b. Nayan,BCK,BKM,JP. -Ahli
Ahli Majlis
9. Noor Hashimah bt. Abu Hashim -Ahli
Ahli Majlis

SULIT

3. Rashila bt. Abdullah.
Pengarah Jabatan Penilaian.
4. Azli b. Abd. Rani.
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran.
5. Harzanin bt. Harun
Pengarah Jabatan Perbendaharaan.
6. Affarizayani bt. Ahmad Tajuddin.
Penolong Pegawai Pertanian..
7. Muhamad Hisham b. Zainal Aznam.
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan.
8. Mohd. Farid b. Md. Ali
Jurutera.
9. Mohd Fatkhy b. Mohd. Jamil
Pegawai Undang-undang.
10. Mohamad Khairul Azmi b. Ghazali
Pen. Pegawai Penguatkuasa.

URUSETIA

1. En. Ismail b. Zakaria
Pembantu Tadbir
Jabatan Kejuruteraan

- Pencatat Minit

Sulit

3.2 Menaiktaraf Persimpangan Ke Taman Nilam.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan berkenaan di dalam senarai peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19hb. Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: JKR

3.3 Masalah Longkang Di Jalan Kampong Chandek Kura.

Mesyuarat dimaklumkan, masalah berpunca daripada pihak ketiga yang menjalankan aktiviti pembinaan di kawasan berkenaan.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan berkenaan di dalam senarai permohonan peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19 Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya mesyuarat dimaklumkan bahawa satu lawatan tapak telah dibuat pada 10hb. Februari 2021 lalu bersama pihak JKR dan JPS di lokasi berkenaan. Dicapai supaya longkang berkenaan dinaiktarafkan semula kerana longkang sedia ada tidak dapat menampung kapasiti air dilaluan berkenaan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR.

3.4 Jalan Susur Dari Simpang Pasar Awam Pdg. Matsirat Ke Kuala Melaka Terbiar.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak LADA akan mengadakan pemeriksaan tapak pada 11 Januari 2021 bagi tujuan mengenalpasti kerosakan untuk dibuat pembaikan dalam tahun semasa.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan LADA.

Sulit.

3.9 Garisan Kuning Di Jambatan Kuala Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pihak JKR telah menyiapkan kertas kerja mengenai cadangan permohonan berkenaan dan telah dihantar kepada Ibu Pejabat JKR Kedah pada 30 November 2020 untuk tindakan selanjutnya

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR

3.11. Pertandingan Lanskap Daerah Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa jawatankuasa pertandingan lanskap Daerah Langkawi akan ditubuhkan. Satu perbincangan bersama jabatan berkaitan bagi merangka garis panduan lengkap program berkenaan akan dibuat.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: Perancangan Dan Pembangunan Lanskap.

3.12 Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang.

En. Kamarudzaman b. Mustafa, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan kerja-kerja bagi projek menaiktaraf longkang di laluan Jalan Padang Gaong (Bermula dari simpang hadapan MARDI Langkawi ke simpang Kg. Teluk) yang telah menyebabkan kekotoran di bahu jalan dan longkang berkenaan telah mula dimasuki tanah semula.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: JKR.

3.13 Papan Penunjuk Arah Di Persimpangan Kg. Sungai Itau.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan membaiki papan penunjuk arah yang hilang/rosak di dalam senarai permohonan peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19 Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: JKR.

Sulit

8/

Sulit.

3.17 Pencerayaan Di Laluan Dalam Jeti Kuah.

Mesyuarat telah bersetuju bahawa perkara ini akan diambil tanggungjawab oleh Tuan Pegawai Daerah Langkawi untuk dimajukan kepada pihak pengurusan jeti Kuah bagi mengambil tindakan ke atas perkara yang dibangkitkan itu.

JKT5/2020

/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Pegawai Daeral Langkawi.

3.19 Penyelenggaraan Pokok Di Simpang Tiga Berhampiran H.E. Trading.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kawasan tersebut adalah tanah persendirian . Pihak Majlis mengambil maklum perkara tersebut dan akan mengambil tindakan sepatutnya.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jabatan Perancangan Dan Lanskap.

3.20 Pembinaan Dataran Kejat Di Kawasan Lapang, Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pembinaan dataran kejut di kawasan tersebut perlu mengambil kira kepentingan persekitaran kerana kedudukannya berhampiran dengan kawasan sekolah.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

3.21 Kerosakan Perangkap Sampah di Pasar Awam Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Tn Jurutera Daerah JPS, bahawa peruntukan bagi pembaikan kerosakan berkenaan telah diperolehi dan sedang dalam proses bagi kerja-kerja pembaikan.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: JPS

3.22 Jadual Kekerapan Kutipan Sampah.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perbincangan berkaitan kekerapan kutipan sampah telahpun diadakan bersama SW Corp. Perkara ini akan dibincangkan lagi diperingkat pengurusan kerana pertambahan kekerapan kutipan sampah akan melibatkan pertambahan kos.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kesihatan Persekitaran.

Sulit

10/

Sulit.

5.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU.

TIADA.

6.0 HAL-HAL LAIN.

6.1 Pusat Pengumpulan Barang Lusoh di Kawasan Pusat Dagangan Kelana Mas.

Noor Hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis, memaklumkan bahawa terdapat aktiviti pengumpulan barang lusoh di kawasan laluan dari Pusat Dagangan Kelana Mas ke Hotel Bella Vista yang mencemarkan pandangan umum.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran/ jabatan penguatkuasaan.

6.2 Laluan Masuk Ke Pusat Dagangan Kelana Mas.

En. Selvakumaran a/l G. Arpaya, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan laluan di persimpangan masuk ke Pusat Dagangan Kelana Mas yang menghalang kenderaan seperti bas tidak dapat membuat pusingan 'u turn'.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan.

6.3 Kehadiran Ketua Jabatan Dalam Mesyuarat.

En. Mazlan b. Ahmad, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan kehadiran ketua-ketua jabatan pada setiap kali mesyuarat diadakan.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: JKP/ Urusetia Mesyuarat.

Sulit
12/

Sulit.

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan sepanjang mesyuarat pada hari ini dan diucapkan ribuan terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.45 petang.

Disediakan Oleh,



(ISMAIL B. ZAKARIA)

Pencatat Minit

Disemak Oleh,



(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK)

Setiausaha

Disahkan Oleh



(RADZUAN BIN OSMAN, AMK, BCK.)

Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.

Agenda 5.0

5.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Lalulintas Bil 1/2020
bertarikh 21 Oktober 2020



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL
LALULINTAS KALI PERTAMA TAHUN 2020
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

TARIKH : 21 OKTOBER 2020
MASA : 11.00 PAGI
TEMPAT : BILIK SIDANG HIBISCUS, ARAS 3
**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN**

KEHADIRAN MESYUARAT:

1. TUAN RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK
Yang Dipertua - Pengerusi -
2. PN. NOORUL AZYYATI BT. AHMAD SALMI., BCK
Setiausaha Majlis
3. EN. AHMAD NADZRI BIN ALI
Ahli Majlis
4. TN. HJ. HASHIM BIN M. NOH, AMK., BKM., JP
Ahli Majlis
5. PN. HISYAM SUHAILY BT. OTHMAN, KMN., AMK., BKM
Ahli Majlis
6. EN. NOR SAIDI BIN NAYAN, BCK., BKM., JP
Ahli Majlis



18. EN. MOHAMAD FUA'ADI BIN MAHMUD
Penolong Jurutera Kanan Majlis

Pencatit Minit

19. PN. RUHAYA BT. HASSAN
Penolong Jurutera Majlis

20. EN. MOHD ZAREEN BIN HAMID
Penolong Jurutera Majlis

21. LIM CHIN THYE
Engineer Perunding Reka Maju Sdn. Bhd. (PRM)

22. C.T. SAW
Wakil PFCE

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LADA
2. KETUA CAWANGAN JPJ DAERAH LANGKAWI
3. PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN



dan dibincangkan oleh jawatankuasa berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh perunding.

3.1.4 Kajian rekabentuk TIA dan RSA Stage 1 dan 2 telah dibentangkan di JKR Alor Setar dan pada dasarnya telah dipersetujui. Walaubagaimana pun, pihak Majlis telah menetapkan bahawa Jalan Persiaran Mutiara perlu dijadikan jalan dua hala. Ini adalah berdasarkan kajian impak sosial yang telah dijalankan oleh pihak Majlis sebelum ini di mana banyak perniagaan di kawasan tersebut akan terjejas jika dilaksanakan jalan sehala.

3.1.5 Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju perkara-perkara berikut:

- a) Jalan Persiaran Mutiara dijadikan jalan 2 hala. Laluan keluar daripada Jalan Persiaran Mutiara ke jeti perlu melalui susur keluar Jalan Persiaran Mutiara ke Jalan Padang Matsirat dan membuat pusingan 'U' dipersimpangan Langkawi Mall (depan H.E Hardware).
- b) Jalan Persiaran Mutiara hanya ada jalan masuk dari Persiaran Putra dan Jalan Ayer Hangat.
- c) Kenderaan daripada Jalan Ayer Hangat dan Jalan Persiaran Putra yang hendak masuk ke Jalan Persiaran Mutiara perlu masuk melalui jalan ke menara dan membuat pusingan di bulatan menara dan keluar melalui susur keluar ke Jalan Persiaran Mutiara (Jalan Trimula).
- d) Rekabentuk tersebut perlu disediakan oleh perunding dan bersama R.S.A Peringkat 3 untuk dibentangkan di Jabatan Kerja Raya Alor Setar untuk dipertimbangkan kelulusan dan selanjutnya dilaksanakan di tapak.



dengan segera kerana orang awam sering melintas melalui laluan tersebut dan perkara ini boleh membahayakan pengguna jalan raya

(Tindakan : JKR)

4.2 **Garisan "Yellow Line/Zebra Crossing"**

Dicadangkan Garisan 'Yellow Line'/'Zebra Crossing' perlu dibuat demi keselamatan orang awam di kawasan Pasar Awam Pdg. Matsirat dan Jalan Chandek Kura kerana keadaan trafik menjadi sesak ketika waktu puncak.

(Tindakan: JKR)

4.3 **Laluan Food Truck Sebagai Jalan Sehala**

Tuan Pengerusi/YDP mencadangkan supaya laluan Food Truck dijadikan Jalan Sehala sekiranya ada program di kawasan tersebut bagi tujuan kenderaan boleh 'parking' ketika program berlangsung.

(Tindakan: MPLBP/JKR)

4.4 **Jalan Tiada Papan Tanda**

Ahli Majlis Pn. Hisyam Suhaily membangkit isu jalan berhampiran Pusat Service Kereta Toyota diambil perhatian kerana tiada papan tanda tunjuk arah dan lampu untuk keselamatan awam.

(Tindakan: MPLBP)

4.5 **Lampu Isyarat di Persimpangan Ulu Melaka ke Kg. Baru**

Ahli Majlis Tn. Hj. Hashim M. Noh membangkitkan isu trafik light di persimpangan Ulu Melaka ke Kg. Baru dan memohon pihak yang berkaitan memantau /mengambil tindakan peniaga-peniaga yang telah menjalankan perniagaan berhampiran dengan persimpangan tersebut.



Langkawi dan kawasan-kawasan yang menjadi 'Hot Spot'
kemalangan. Mesyuarat ditangguh pada jam 1.00 petang.

Disediakan oleh:

(Mohamad Fua'adi Bin Mahmud)

Penolong Jurutera Kanan MPLBP

Disemak oleh:

(Fauzi Bin Ahmad , BCK.)

Jurutera MPLBP

Disahkan oleh:

**(PN. NOORUL AZYYATI BT. AHMAD SALMI.,
BCK)**

Setiausaha Majlis

Diluluskan oleh:

(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)

Yang Dipertua Majlis

Agenda 6.0

Menerima Ketetapan Minit
Mesyuarat Jawatankuasa Pusat
Setempat (OSC)

Agenda 6.0

6.1 Minit Mesyuarat
Jawatankuasa Pusat Setempat
(OSC) Bil 1/2021
bertarikh 24 Februari 2021



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
KALI KE 01/2021**

TARIKH : 24 Februari 2021
MASA : 10.30 Pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3, MPLBP

KEHADIRAN MESYUARAT :

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi -
Yang Dipertua.
2. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK. - Timbalan Pengerusi -
Setiausaha MPLBP.
3. En. Zubir bin Ahmad, BKM.
Ahli Majlis.
4. En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK., BKM., JP.
Ahli Majlis MPLBP.
5. Haji Kamarudzaman bin Mustafa.
Ahli Majlis MPLBP.
6. En. Look Sia Hing.
Ahli Majlis MPLBP.
7. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah),
Pejabat Tanah Langkawi (PTL) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Rizan bin Saad)
8. Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).
(Diwakili oleh Pn Munirah binti Mohamad)
9. Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Mohd Firdaus bin Mat Ali)
10. Jurutera Daerah,
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh Pn Hazirah binti Marzuki)
11. Tuan Penguasa Bomba,
Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Mohd Jasni bin Khairuddin)



6. Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).
(Diwakili oleh En. Md Fakhruddin bin Jaffar)
7. IR. Mohd Fathi Nadwi bin Mohd Fauzi
Pengurus Wilayah,
Syarikat Air Darul Aman (SADA) Langkawi.
8. En. Mohd Fatkhy bin Mohd Jamil.
Pegawai Undang-Undang,
Unit Undang-Undang (UU) MPLBP.
9. Pn. Rashila binti Abdullah.
Pegawai Penilaian & Pengurusan Harta
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) MPLBP.

URUSETIA OSC

1. En. Zahrul Nizam Bin Ishak
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
2. En. Mohd Hamdi bin Badruttamam
Penolong Pegawai Senibina,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP. - Pencatat Minit -
3. En. Ariff Fahmi bin Abdullah
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
4. Pn. Nur Hidayu binti Moh Zahari
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Pegawai Kesihatan dan Persekitaran MPLBP
Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar MPLBP.
2. Pengurus,
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)
3. Pengarah
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp).



Bil.	Agenda	Tindakan
3.1.1	Mesyuarat dimaklumkan perakuan siap dan pematuhan ini masih ditahan oleh Majlis kerana pihak pemaju belum mengemukakan permohonan kestabilan cerun dan laporan kekukuhan tembok penahan sepertimana yang telah disyaratkan oleh Majlis.	Makluman
3.1.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju dan menahan perakuan siap dan pematuhan (CCC) ini sehingga pemohon mengemukakan laporan kestabilan cerun dan laporan kekukuhan tembok penahan daripada jurutera perunding bertauliah. KEPUTUSAN : <u>CCC DITAHAN</u>	JKB/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.1.7	Wakil PTL memaklumkan Mesyuarat Penyelarasan telah dibuat oleh Pejabat Daerah Langkawi antara pihak Tetuan Tulangis (Projek PPR) dan Tetuan MC Gemilang bagi membincangkan mengenai titik buangan akhir yang akan menggunakan laluan yang sama dan perkara tersebut masih belum dimuktamadkan lagi.	Makluman
4.1.1.8	Mesyuarat turut dimaklumkan kedudukan kolam tadahan yang dicadangkan perlu dikaji semula dan perlu mendapat sokongan daripada JPS sebelum kelulusan rasmi dikeluarkan oleh Majlis kelak.	Makluman
4.1.1.9	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) <i>Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;</i> b) <i>Pemohon perlu memastikan anjakan bangunan disediakan mengikut piawaian perancangan pembangunan;</i> c) <i>Pemohon perlu mendapatkan sokongan dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPS dan TNB;</i> d) <i>Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.</i> KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.3	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT BAGI PERMOHONAN SERENTAK AS-BUILT PELAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG (RUJ : BIL (25) MPLBP/06/P/KM/12/2019 BERTARIKH 18 NOV 2019) DAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT KILANG AIR MINERAL SETINGKAT DI ATAS LOT 1643 DAN 1 UNIT RUMAH PAM DI ATAS LOT 1670, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN MC GEMILANG (NATURAL WATER) SDN. BHD. - Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Parit -	
4.1.3.1	Pengarah Unit OSC MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini adalah permohonan serentak dan dipertimbangkan bersama dengan permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan bersyarat dalam mesyuarat ini.	Makluman
4.1.3.2	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini belum mendapat sokongan daripada JKR dan JPS.	Makluman
4.1.3.3	Wakil JPS memaklumkan bahawa pihaknya telah meminta untuk perunding mengemaskini semula saiz 'box culvert' dan saiz pembentung konkrit kerana dikhuatiri tidak dapat menampung kapasiti aliran air sekiranya hujan lebat.	JPS/PSP
4.1.3.4	Wakil JKR memaklumkan bahawa permohonan ini tertakluk kepada penyediaan laporan TIA dan RSA sebelum sebarang ulasan dapat diberikan.	JKR/PSP
4.1.3.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan Pelan Jalan & Parit ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut : a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP; c) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS dan JKR. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JK/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG	
4.2.1	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENAIKTARAF PADANG BOLA SEDIA ADA KEPADA PADANG BOLA SINTETIK, MEMASANG LAMPU LIMPAH DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1721 (TANAH KERAJAAN), KAMPUNG KUMPULAN, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/46/20/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.1.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Kampung Kumpulan (Ulu Melaka) dan didapati kerja kerja binaan sedang dijalankan di tapak.	Makluman
4.2.1.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain TNB, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.1.3	Wakil TNB memaklumkan permohonan ini dapat disokong sekiranya pihak pemohon bersedia untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak TNB.	Makluman
4.2.1.4	Mesyuarat turut dimaklumkan berdasarkan kepada Mesyuarat Penyelarasan yang telah diadakan pada 13 Oktober 2020 bersama pihak perunding, pihak perunding bersedia untuk menyediakan tempat parkir bas di kawasan tersebut disamping menyediakan TLK yang mencukupi mengikut piawaian Majlis.	Makluman
4.2.1.5	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.2	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH PERANGINAN YANG MENGANDUNGI: i. 1 UNIT BANGUNAN UTAMA 1 TINGKAT, ii. 28 UNIT CHALET (JENIS BERKEMBAR) 1 TINGKAT, iii. 16 UNIT CHALET (JENIS STUDIO) 1 TINGKAT, iv. 6 UNIT DAPUR 1 TINGKAT, v. 1 UNIT GIMNASIUM DAN SAUNA 1 TINGKAT, vi. 1 UNIT DOBI 1 TINGKAT, vii. 3 UNIT KOLAM RENANG, viii. TAMAN PERMAINAN TERMASUK 1 UNIT PONDOK PENGAWAL, 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK JENIS PADAT SERTA 1 UNIT RUMAH SAMPAH, DI ATAS LOT 1895, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN SMS RETREAT SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/06/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.2.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Ulu Melaka (bersebelahan Lang Agro Park) dan didapati kerja tanah sedang dijalankan di tapak.	Makluman
4.2.2.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain SADA dan Jabatan Kesihatan, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.2.3	Wakil SADA memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.2.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.2.5	Wakil dari pada JAS memaklumkan bahawa terdapat cadangan awal bagi pembinaan tempat simpanan padi di lot bersebelahan iaitu lot 1894 milik Jabatan Pertanian namun masih belum dimuktamatkan atau mengemukakan permohonan.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.3	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN: A. FASA 1 - 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 - TINGKAT B. FASA 2 - 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 - TINGKAT DI ATAS LOT 248, KELIBANG, SEKSYEN 6, BANDAR KUAH, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN DATACASH ENTERPRISE SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/07/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang - <i>Nota: En. Look Sia Hing (Ahli Majlis) telah mengisytiharkan bahawa beliau mempunyai kepentingan terhadap permohonan ini dan telah keluar daripada bilik mesyuarat.</i>	
4.2.3.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan Kelibang dan didapati kerja kerja pembinaan belum dimulakan di tapak.	Makluman
4.2.3.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain TNB dan Jabatan Kesihatan, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.3.3	Wakil TNB memaklumkan bahawa pemohonan ini dapat disokong sekiranya pihak pemohon bersedia untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak TNB.	Makluman
4.2.3.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa cadangan pemohon untuk menggunakan tapak kawasan lapang dan gerai majlis bagi tujuan TLK adalah tidak dibenarkan.	Makluman
4.2.3.5	Berikut itu, permohonan ini akan mengalami kekurangan sebanyak anggaran 23 petak TLK mengikut kiraan dan piawaian Majlis dan mesyuarat bersetuju membenarkan pemohon untuk membayar caruman gantikan TLK bagi jumlah petak parkir yang berkurangan.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.4	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN SECARA FASA 1 DAN FASA 2 TERDIRI DARI : I. SEBUAH HOTEL 4 TINGKAT YANG MENGANDUNGI LOBI HOTEL, DAPUR UTAMA DAN TEMPAT LETAK KERETA DI ARAS BAWAH, 18 BILIK JENIS SUITE DI ARAS 1, 2 DAN 3, DEWAN MAJLIS DAN KOLAM RENANG DI ARAS 1, BILIK MESYUARAT DAN LOUNGE REKREASI DI ARAS 3. II. 15 UNIT VILLA 3 TINGKAT. DI ATAS LOT 1893 DAN LOT PT 417, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN TAN SRI ANNUAR MUSA. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/05/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.4.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan berhampiran Dermaga Tanjung Lembung, di Mukim Kedawang dan didapati kerja-kerja binaan belum dimulakan ditapak.	Makluman
4.2.4.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain JAS, JMG dan JKR, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.4.3	Wakil JKR memaklumkan bahawa pembentangan kajian TIA dan RSA telah dilakukan pada 24 Februari 2020 dan pihaknya secara dasarnya tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat.	Makluman
4.2.4.4	Wakil JAS memaklumkan bahawa permohonan ini adalah tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pemohon perlu mengemukakan Laporan EIA terlebih dahulu sehingga mendapat kelulusan sebelum permohonan ini dapat disokong oleh JAS.	JAS/PSP
4.2.4.5	Wakil JMG memaklumkan pihak perunding masih belum mengemukakan maklumat pembetulan bagi Laporan Pemetaan Geologi Terrain yang telah dikemukakan dan ulasan akan dikeluarkan setelah pembetulan tersebut dikemukakan semula.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.5	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH PERNIAGAAN HOTEL VILLA RESORT YANG MENGANDUNGI : 1) FASA 1 : JALAN, TEMPAT LETAK KENDERAAN & LOBI (3 TINGKAT) 2) FASA 2 : VILLA 1 & VILLA 2 (1 TINGKAT) 3) FASA 3 : VILLA 3, VILLA 4 & VILLA 5 (1 TINGKAT) 4) FASA 4 : VILLA 6 & VILLA 7 (1 TINGKAT) 5) FASA 5 : VILLA 8, VILLA 9 & VILLA 10 (1 TINGKAT) 6) FASA 6 : KOLAM & 'HARDSCAPE' DI ATAS LOT 851, SEKSYEN 4, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LYE YEOW KUEN Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/02/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.5.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak bersebelahan kawasan Park & Ride Chenang dan didapati kerja-kerja binaan belum dimulakan ditapak.	Makluman
4.2.5.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain Jabatan Kesihatan Langkawi, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.5.3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan akses ke tapak cadangan yang dicadangkan adalah melalui kawasan 'Park And Ride'. Pemohon perlu mendapatkan keizinan daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) SSK terlebih dahulu bagi tujuan menggunakan laluan akses melalui kawasan 'Park and Ride' untuk ke tapak cadangan.	PSP/SUK
4.2.5.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.6	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH KEDAI SEDIADA DAN MEMBINA SEMULA 2 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 60112 (LOT LAMA PT 540), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN ROSLI BIN MOHD TAIB. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/04/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.6.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak berhadapan dengan Petronas Padang Matsirat dan merupakan kedai sedia ada.	Makluman
4.2.6.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bangunan kedai sedia ada akan dirobohkan dan pemohon akan membina 2 unit bangunan perniagaan baharu di tapak tersebut.	Makluman
4.2.6.3	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain Jabatan Kesihatan Langkawi, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.6.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa laluan keluar masuk ke tapak cadangan adalah melalui lot bersebelahan dan perlu membuat serahan di bahagian lot tersebut yang terlibat dengan cadangan jalan keluar masuk / jalan susur.	Makluman
4.2.6.5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) <i>Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;</i> b) <i>Bahagian lot bersebelahan yang terlibat dengan jalan keluar masuk / jalan susur perlu diserahkan kepada kerajaan serentak dengan proses ubah syarat lot yang dipohon;</i>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.7	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PINDAAN KEPADA PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN (BIL. (25) MPLBP/03/P/KM/38/2019 BERTARIKH 12-5-2020) BAGI CADANGAN MEMBINA 22 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN SERTA PEJABAT 3 TINGKAT (66 HAKMILIK STRATA) DAN 4 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN SERTA PENGINAPAN (24 BILIK) 3 TINGKAT (12 HAKMILIK STRATA) DI ATAS LOT 2334, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN WANGSA GEMILANG SDN. BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/45/20/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.7.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan Kedawang dan dapat diakses melalui Jalan Baru Chenang.	Makluman
4.2.7.2	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan pindaan ini hanya melibatkan perubahan jalan dan infra sahaja untuk diselaraskan dengan pembangunan bersebelahan tanpa melibatkan perubahan pada komponen dan kedudukan bangunan asal yang telah diluluskan.	Makluman
4.2.7.3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.7.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : LULUS <i>(Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)</i>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.8.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini perlu memastikan syarat-syarat asas perancangan pembangunan dipatuhi terlebih dahulu sebelum kelulusan rasmi dapat dikeluarkan.	Makluman
4.2.8.5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu memastikan syarat-syarat kelulusan terdahulu dipatuhi sepenuhnya; c) Pemohon perlu menyediakan bangunan dan kawasan RnR dan diserahkan dengan percuma kepada MPLBP seperti yang telah disyaratkan dalam kelulusan terdahulu dipatuhi sebelum CCC dikeluarkan; d) Pemohon perlu menyelesaikan isu perihal tanah yang bersangkutan dengan penjajaran semula jalan utama sedia ada, rizab jalan sedia ada yang digunakan sebagai kawasan TLK, kawasan landskap dan laluan 'buggy' ; e) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.10	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA 1 BLOK BANGUNAN PERNIAGAAN (HAKMILIK STRATA) YANG MENGANDUNGI: FASA 1 : 6 UNIT KEDAI 2 TINGKAT FASA 2 : 1 UNIT KEDAI 2 TINGKAT DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/22/20/KM - Permohonan Pindaan Tajuk Permohonan -	
4.2.10 .1	Mesyuarat dimaklumkan pemohon bercadang menukar tajuk permohonan daripada : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA : FASA 1 : 6 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS; FASA 2 : 1 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS (HAKMILIK STRATA); DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG. KEPADA PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA : FASA 1 : 3 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS ; FASA 2 : 1 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS (HAKMILIK STRATA) ; DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG.	Makluman
4.2.10 .2	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini adalah pindaan terhadap pelan yang telah diluluskan melibatkan pindaan unit pembangunan namun masih mengekalkan luas lantai yang sama serta penyelarasan kepada tajuk permohonan.	Makluman

SULIT.

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM.
BIL 1/2021**

TARIKH : 2hb.Mac 2021 (Selasa)
MASA : 3.30 petang.
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi

KEHADIRAN

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
2. Pegawai Daerah -Ahli
Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi
Negeri Kedah Darul Aman.
(Tuan Haji Saiful Anwar b. Azmi, AMK.,BCK.)
3. Pengarah Plan Malaysia @ Kedah -Wakil.
Negeri Kedah Darul Aman.
(En. Azlan b. Ahmad, PCK.)
4. Jurutera Daerah -Ahli.
Jabatan Pengairan Dan Saliran
(En. Mohd. Noorazidi b. Hj. Yunus)
5. En. Kamarudzaman b. Mustafa -Ahli
Ahli Majlis.
6. En. Mazlan b. Ahmad, PJK - Ahli
Ahli Majlis
7. En. Ahmad Nadzri b. Ali. -Ahli
Ahli Majlis
8. En. Nor Saidi b. Nayan,BCK,BKM,JP. -Ahli
Ahli Majlis
9. Noor Hashimah bt. Abu Hashim -Ahli
Ahli Majlis

SULIT

- | | | |
|-----|---|-------------|
| 10. | Tn Hj. Hashim b. M. Noh, AMK,.BKM,.PPN,. PJK.
Ahli Majlis. | -Ahli |
| 11. | En. Fadzil b. Talib, AMK,. BKM,.PJK.
Ahli Majlis. | -Ahli |
| 12. | En. Selvakumaran a/l G. Arpaya
Ahli Majlis | -Ahli |
| 13. | En. Safari b. Shaberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. | Puan Noorul Azyyati bt. Ahmad Salmi, BCK.
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan | -Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF.

- | | | |
|----|--|--------|
| 1. | Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi | -Ahli |
| 2. | Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi. | -Ahli |
| 3. | Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya | -Ahli |
| 4. | Ketua Polis Daerah
Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi | - Ahli |

TURUT HADIR.

- | | |
|----|--|
| 1. | Fauzi bin Ahmad
Pengarah Jabatan Kejuruteraan. |
| 2. | Mohd. Zulidzham b. Mohd. Ali.
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Jabatan OSC. |

SULIT

3. Rashila bt. Abdullah.
Pengarah Jabatan Penilaian.
4. Azli b. Abd. Rani.
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran.
5. Harzanin bt. Harun
Pengarah Jabatan Perbendaharaan.
6. Affarizayani bt. Ahmad Tajuddin.
Penolong Pegawai Pertanian.
7. Muhamad Hisham b. Zainal Aznam.
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan.
8. Mohd. Farid b. Md. Ali
Jurutera.
9. Mohd Fatkhy b. Mohd. Jamil
Pegawai Undang-undang.
10. Mohamad Khairul Azmi b. Ghazali
Pen. Pegawai Penguatkuasa.

URUSETIA

1. En. Ismail b. Zakaria
Pembantu Tadbir
Jabatan Kejuruteraan

- Pencatat Minit

SULIT

1.0 ALUAN Pengerusi.

Tuan Pengerusi memberi salam dan seterusnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis serta Ahli Mesyuarat lain yang hadir pada petang ini. Tuan Pengerusi juga memaklumkan perkara-perkara berikut:

- i) Penumpuan kepada projek BP 1 yang memfokuskan kepada 3 kriteria utama iaitu keutamaan aduan awam, projek berimpak tinggi dan mempunyai elemen pembangunan lestari.
- ii) Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Langkawi akan diadakan pada 5-7hb. Mac 2021 bagi melawat projek-projek bawah KPKT.

Mesyuarat seterusnya diteruskan mengikut agenda.

Tindakan: Makluman.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BIL 5/2020 BERTARIKH 16HB. DISEMBER 2020.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bil 5/2020 bertarikh 16hb. Disember 2020 dibentangkan oleh Puan Setiausaha dan dipersetujui untuk disahkan melalui cadangan oleh Encik Noor Saidi b. Nayan dan disokong oleh En. Ahmad Nadzri b. Ali.

Tindakan: Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pemasangan Lampu Lintasan Berisyarat Di Hadapan Sek Ren. Keb. Ewa, Ayer Hangat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah mendapat kelulusan peruntukan bagi pemasangan lampu lintasan berisyarat di lokasi berkenaan. Walaubagaimanapun, kerja-kerja pemasangan tidak dapat dilaksanakan berikutan kekangan masa dan kerja-kerja pemasangan akan dilaksanakan pada tahun 2021

Tindakan: Jab. Kerja Raya.

Sulit

3.2 Menaiktaraf Persimpangan Ke Taman Nilam.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan berkenaan di dalam senarai peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19hb. Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

Tindakan: JKR

3.3 Masalah Longkang Di Jalan Kampong Chandek Kura.

Mesyuarat dimaklumkan, masalah berpunca daripada pihak ketiga yang menjalankan aktiviti pembinaan di kawasan berkenaan.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan berkenaan di dalam senarai permohonan peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19 Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya mesyuarat dimaklumkan bahawa satu lawatan tapak telah dibuat pada 10hb. Februari 2021 lalu bersama pihak JKR dan JPS di lokasi berkenaan. Dicapai supaya longkang berkenaan dinaiktarafkan semula kerana longkang sedia ada tidak dapat menampung kapasiti air dilaluan berkenaan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR.

3.4 Jalan Susur Dari Simpang Pasar Awam Pdg. Matsirat Ke Kuala Melaka Terbiar.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak LADA akan mengadakan pemeriksaan tapak pada 11 Januari 2021 bagi tujuan mengenalpasti kerosakan untuk dibuat pembaikan dalam tahun semasa.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan LADA.

Sulit

3.5 Pokok Jati Di Sepanjang Jalan Di Pulau Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Majlis telah mendapat kelulusan bagi melaksanakan kerja-kerja tambahan untuk menebang pokok-pokok jati yang berisiko di sepanjang jalan di Pulau Langkawi.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : Jab. Perancangan Dan Lanskap.

3.6. Garisan Kuning Di Persimpangan Kampong Teluk, Mkm. Ulu Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyiapkan kertas kerja mengenai cadangan permohonan berkenaan dan telah dihantar kepada Ibu Pejabat JKR Kedah pada 30 November 2020 untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR

3.7 Pemasangan Lampu isyarat di Persimpangan Jalan Ulu Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyiapkan kertas kerja mengenai cadangan permohonan berkenaan dan telah dihantar kepada Ibu Pejabat JKR Kedah pada 18 November 2020 untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan: JKR

3.8. Pemasangan Mesin ATM Di Bangunan MPLBP Di Kg. Ulu Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini masih dalam perbincangan bersama Jabatan Perbendaharaan dengan pihak bank yang berminat.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

Sulit 7/

Sulit.

3.9 Garisan Kuning Di Jambatan Kuala Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Pihak JKR telah menyiapkan kertas kerja mengenai cadangan permohonan berkenaan dan telah dihantar kepada Ibu Pejabat JKR Kedah pada 30 November 2020 untuk tindakan selanjutnya

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR

3.11. Pertandingan Lanskap Daerah Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa jawatankuasa pertandingan lanskap Daerah Langkawi akan ditubuhkan. Satu perbincangan bersama jabatan berkaitan bagi merangka garis panduan lengkap program berkenaan akan dibuat.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: Perancangan Dan Pembangunan Lanskap.

3.12 Kerja-kerja Menaiktaraf Longkang.

En. Kamarudzaman b. Mustafa, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan kerja-kerja bagi projek menaiktaraf longkang di laluan Jalan Padang Gaong (Bermula dari simpang hadapan MARDI Langkawi ke simpang Kg. Teluk) yang telah menyebabkan kekotoran di bahu jalan dan longkang berkenaan telah mula dimasuki tanah semula.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: JKR.

3.13 Papan Penunjuk Arah Di Persimpangan Kg. Sungai Itau.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan membaiki papan penunjuk arah yang hilang/rosak di dalam senarai permohonan peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19 Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: JKR.

Sulit

8/

Sulit.

3.14 Penggunaan Kemudahan Internet

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak MPLBP telah mengambil maklum perkara tersebut. Sehingga kini pihak MPLBP bergerak ke arah penggunaan sepenuhnya kemudahan internet bagi kemudahan pelanggan dan orang ramai.

Mesyuarat mencadangkan supaya pihak SKMM dijemput menghadiri Mesyuarat Jawankuasa ini atas keperluan tertentu.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan:Unit Teknogi maklumat

3.15 Keperluan Tandas Awam di Kawasan Hujung Lapangan Terbang Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan terdapat tanah kerajaan di kawasan hujung lapangan terbang Langkawi yang boleh dibina tandas awam bagi keperluan peniaga dan pengunjung di kawasan berkenaan.

Mesyuarat mencadangkan supaya Jabatan Perancangan membuat permohonan ke atas tanah tersebut.

Mesyuarat juga mencadangkana supaya arkitek MPLBP dapat menyediakan pelan tandas yang bersesuaian untuk dibangunkan dikawasan tersebut.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab.Perancangan/Kawalan bangunan.

3.16 Lukisan Mural Bertemakan Langkawi Menjelang Tahun 2021.

Mesyuarat mencadangkan supaya program melukis mural yang sedang dijalankan di kawasan Pekan Kuah dapat diperluaskan terutamanya di peringkat jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah seluruh Langkawi bagi tujuan keceriaan. Selain itu, disarankan supaya satu hala tuju " *tagline* " Langkawi bagi tahun 2021 dapat diwujudkan sebagai satu fokus MPLBP yang perlu dicapai.

JKT5/2020

/Tkh:3/12/2020

Tindakan: MPLBP

Sulit

9/

Sulit.

3.17 Pencerayaan Di Laluan Dalam Jeti Kuah.

Mesyuarat telah bersetuju bahawa perkara ini akan diambil tanggungjawab oleh Tuan Pegawai Daerah Langkawi untuk dimajukan kepada pihak pengurusan jeti Kuah bagi mengambil tindakan ke atas perkara yang dibangkitkan itu.

JKT5/2020

/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Pegawai Daeral Langkawi.

3.19 Penyelenggaraan Pokok Di Simpang Tiga Berhampiran H.E. Trading.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kawasan tersebut adalah tanah persendirian . Pihak Majlis mengambil maklum perkara tersebut dan akan mengambil tindakan sepatutnya.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jabatan Perancangan Dan Lanskap.

3.20 Pembinaan Dataran Kejat Di Kawasan Lapang, Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pembinaan dataran kejut di kawasan tersebut perlu mengambil kira kepentingan persekitaran kerana kedudukannya berhampiran dengan kawasan sekolah.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

3.21 Kerosakan Perangkap Sampah di Pasar Awam Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Tn Jurutera Daerah JPS, bahawa peruntukan bagi pembaikan kerosakan berkenaan telah diperolehi dan sedang dalam proses bagi kerja-kerja pembaikan.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: JPS

3.22 Jadual Kekerapan Kutipan Sampah.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa perbincangan berkaitan kekerapan kutipan sampah telahpun diadakan bersama SW Corp. Perkara ini akan dibincangkan lagi diperingkat pengurusan kerana pertambahan kekerapan kutipan sampah akan melibatkan pertambahan kos.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kesihatan Persekitaran.

Sulit

10/

Sulit.

3.23 Cadangan Bagi Menurap Jalan Di Pengkalan Nelayan Sungai Itau

Mesyuarat dimaklumkan permohonan bagi cadangan menurap jalan kepengkalan nelayan Sungai Itau akan dipanjangkan kepada pihak LKIM untuk tindakan selanjutnya..

JKT5/2020

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kejuruteraan

3.33 Penyediaan Taman Permainan Untuk Komuniti Tmn. Ladang Sungai Raya, Kisap.

Mesyuarat memaklumkan bahawa cadangan bagi penyediaan taman permainan di kawasan komuniti Taman Ladang Sungai Raya boleh dilaksanakan kerana ianya terletak di bawah kawasan pentadbiran MPLBP .

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN

4.1 Laporan Bahagian Kejuruteraan

TIADA.

4.2 Laporan Bahagian Lanskap.

Ringkasan Laporan Bulanan Bahagian Lanskap tahun 2020.

4.2.3) Penyelenggaraan Pokok dan Aduan

4.2.4) Penyemaian anak benih/pokok annuals dan pengurusan hiasan/ acara.

4.2.5 Penyelenggaraan taman awam dan laluan protokol.

Mesyuarat **mengambil maklum** laporan bulanan bahagian lanskap yang telah dijalankan sepanjang tempoh Disember 2020 hingga Januari 2021..

Sulit

11/

Sulit.

5.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU.

TIADA.

6.0 HAL-HAL LAIN.

6.1 Pusat Pengumpulan Barang Lusoh di Kawasan Pusat Dagangan Kelana Mas.

Noor Hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis, memaklumkan bahawa terdapat aktiviti pengumpulan barang lusoh di kawasan laluan dari Pusat Dagangan Kelana Mas ke Hotel Bella Vista yang mencemarkan pandangan umum.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran/ jabatan penguatkuasaan.

6.2 Laluan Masuk Ke Pusat Dagangan Kelana Mas.

En. Selvakumaran a/l G. Arpaya, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan laluan di persimpangan masuk ke Pusat Dagangan Kelana Mas yang menghalang kenderaan seperti bas tidak dapat membuat pusingan 'u turn'.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan.

6.3 Kehadiran Ketua Jabatan Dalam Mesyuarat.

En. Mazlan b. Ahmad, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan kehadiran ketua-ketua jabatan pada setiap kali mesyuarat diadakan.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: JKP/ Urusetia Mesyuarat.

**Sulit
12/**

Sulit.

6.4 Operasi Kuari di Kg. Bukit Lembu.

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis memaklumkan berkenaan operasi kuari di Kg. Bukit Lembu yang boleh memberi kesan kepada persekitaran. Had laju lori dengan muatan berlebihan boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan berkenaan. Selain itu, berlaku kerosakan jalan tetapi tidak di buat penyelenggaraan. Perkara ini mendatangkan masalah kepada pengguna jalan tersebut.

JKT1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan/Penguatkuasaan.

6.5 Masalah air bertakung di Tapak permainan, Kuah.

En. Safari b. Saberi, Ahli Majlis memaklumkan berkaitan air bertakung di tapak permainan kanak-kanak Kuah yang perlu diambil satu tindakan segera kerana ianya mencacatkan kawasan persekitaraan

JKT1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jab. Perancangan Dan Lanskap.

6.6 Penyelenggaraan Kawasan Bulatan Ke Lapangan Terbang Langkawi.

En. Hashim b. Md. Noh, Ahli Majlis membangkitkan berkenaan bulatan arah ke lapangan terbang yang tidak diselenggara dengan sempurna.

JKT1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jab. Perancangan Dan Lanskap.

Sulit.

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan sepanjang mesyuarat pada hari ini dan diucapkan ribuan terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.45 petang.

Disediakan Oleh,

(ISMAIL B. ZAKARIA)

Pencatat Minit

Disemak Oleh,

(NOORUL AZYYAT BINTI AHMAD SALMI, BCK)

Setiausaha

Disahkan Oleh

(RADZUAN BIN OSMAN, AMK, BCK.)

Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.

Agenda 5.0

5.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Lalulintas Bil 1/2020
bertarikh 21 Oktober 2020



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL
LALULINTAS KALI PERTAMA TAHUN 2020
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN**

TARIKH : 21 OKTOBER 2020
MASA : 11.00 PAGI
TEMPAT : BILIK SIDANG HIBISCUS, ARAS 3
**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN**

KEHADIRAN MESYUARAT:

1. TUAN RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK
Yang Dipertua - Pengerusi -
2. PN. NOORUL AZYYATI BT. AHMAD SALMI., BCK
Setiausaha Majlis
3. EN. AHMAD NADZRI BIN ALI
Ahli Majlis
4. TN. HJ. HASHIM BIN M. NOH, AMK.,BKM.,JP
Ahli Majlis
5. PN. HISYAM SUHAILY BT. OTHMAN, KMN., AMK., BKM
Ahli Majlis
6. EN. NOR SAIDI BIN NAYAN, BCK., BKM., JP
Ahli Majlis



7. EN. DHURAIRAJ A/L KRAMASAMY., PJK
Ahli Majlis
8. EN. SELVAKUMARAN A/L G.ARPAYA
Ahli Majlis
9. EN. ELIAS BIN OTHMAN, BKM., PJK., PPN
Ahli Majlis
10. EN. AMAR PARED BIN MAHAMUD
Ahli Majlis
11. EN. AHMAD LOKMAN BIN SAIDIN
Jurutera Daerah JKR Langkawi
12. EN. MOHD FIRDAUS BIN MAT ALI
Jurutera Jalan JKR Langkawi
13. KETUA POLIS DAERAH LANGKAWI
Wakil
14. EN. MOHD ZAIDI BIN ABDUL GHANI
Penolong Jurutera JPS Langkawi
15. EN. AZLI BIN ABD RANI, BCK.
Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran Majlis
16. EN. FAUZI BIN AHMAD, BCK.
Pengarah Jabatan Kejuruteraan Majlis
17. CIK SITI AISYAH BT. MOHD TAIB
Pengarah Jabatan Perancang dan Lanskap Majlis

Setiausaha



18. EN. MOHAMAD FUA'ADI BIN MAHMUD
Penolong Jurutera Kanan Majlis

Pencatit Minit

19. PN. RUHAYA BT. HASSAN
Penolong Jurutera Majlis

20. EN. MOHD ZAREEN BIN HAMID
Penolong Jurutera Majlis

21. LIM CHIN THYE
Engineer Perunding Reka Maju Sdn. Bhd. (PRM)

22. C.T. SAW
Wakil PFCE

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

1. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LADA
2. KETUA CAWANGAN JPJ DAERAH LANGKAWI
3. PENGARAH JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN



1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan berterima kasih kepada yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas kali pertama bagi tahun 2020 ini. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mencari penyelesaian yang terbaik berkaitan isu lalu lintas di daerah Langkawi.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Tiada

3.0 MEMBENTANGKAN AGENDA MESYUARAT/PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pembentangan Dan Perbincangan Berkaitan Projek Pembangunan Tetuan PFCE.

- 3.1.1 Perunding Reka Maju (Mr. Lim) membentangkan permasalahan Jalan Masuk Utama ke projek PFCE kepada semua ahli-ahli mesyuarat.
- 3.1.2 Terdapat 3 cadangan aliran trafik untuk jalan masuk ke projek PFCE yang melibatkan 5 simpang daripada tiga jalan utama.
- 3.1.3 Jabatan Kerja Raya (JKR) hanya bersetuju untuk 4 simpang dengan mengekalkan tempoh menunggu seperti sediaada. Walaubagaimana pun, ianya tidak dapat dilaksanakan kerana trafik dari laluan Persiaran Mutiara perlu dijadikan dua hala. Kedudukan ini telah menjadi 4 ½ simpang yang perlu diteliti



dan dibincangkan oleh jawatankuasa berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh perunding.

3.1.4 Kajian rekabentuk TIA dan RSA Stage 1 dan 2 telah dibentangkan di JKR Alor Setar dan pada dasarnya telah dipersetujui. Walaubagaimana pun, pihak Majlis telah menetapkan bahawa Jalan Persiaran Mutiara perlu dijadikan jalan dua hala. Ini adalah berdasarkan kajian impak sosial yang telah dijalankan oleh pihak Majlis sebelum ini di mana banyak perniagaan di kawasan tersebut akan terjejas jika dilaksanakan jalan sehala.

3.1.5 Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju perkara-perkara berikut:

- a) Jalan Persiaran Mutiara dijadikan jalan 2 hala. Laluan keluar daripada Jalan Persiaran Mutiara ke jeti perlu melalui susur keluar Jalan Persiaran Mutiara ke Jalan Padang Matsirat dan membuat pusingan 'U' dipersimpangan Langkawi Mall (depan H.E Hardware).
- b) Jalan Persiaran Mutiara hanya ada jalan masuk dari Persiaran Putra dan Jalan Ayer Hangat.
- c) Kenderaan daripada Jalan Ayer Hangat dan Jalan Persiaran Putra yang hendak masuk ke Jalan Persiaran Mutiara perlu masuk melalui jalan ke menara dan membuat pusingan di bulatan menara dan keluar melalui susur keluar ke Jalan Persiaran Mutiara (Jalan Trimula).
- d) Rekabentuk tersebut perlu disediakan oleh perunding dan bersama R.S.A Peringkat 3 untuk dibentangkan di Jabatan Kerja Raya Alor Setar untuk dipertimbangkan kelulusan dan selanjutnya dilaksanakan di tapak.



- e) Permohonan penutupan jalan di persimpangan perlu mendapat kelulusan JKR terlebih dahulu.
- f) Semua kos pelebaran jalan dan aliran trafik yang dipersetujui oleh jawatankuasa adalah ditanggung oleh pihak pemaju PFCE.
- g) Tuan Pengerusi juga bersetuju sekiranya pokok yang berada dilaluan persimpangan utama trafik light perlu dibuang/ditebang akibat pembesaran jalan susur yang dicadangkan oleh ahli mesyuarat .

3.2 GARIS PANDUAN PEMBINAAN BONGGOL

3.2.1 Pengarah Jabatan Kejuruteraan telah membentangkan Garis Panduan Pembinaan Bonggol dalam Kawasan Taman/Perumahan untuk seluruh Langkawi. Mesyuarat bersetuju supaya semua Permohonan Pembinaan Bonggol perlu dikemukakan kepada Jabatan Kejuruteraan dengan mengisi Borang Permohonan Pembinaan Bonggol.

3.2.2 Mesyuarat juga bersetuju supaya Jabatan Kejuruteraan diberi kebenaran untuk meruntuhkan/membuang mana-mana bonggol yang tidak mengikut spesifikasi .

4.0 HAL – HAL LAIN

4.1 " Guard Rail " di depan KDN dan Petronas Sg. Menghulu

Ahli Majlis En. Saidi B. Nayan membangkit isu 'Guard Rail' di depan KDN dan Petronas Sg. Menghulu perlu diambil perhatian dan dicadangkan agar dibuat pemasangan 'Guard Rail' tambahan



dengan segera kerana orang awam sering melintas melalui laluan tersebut dan perkara ini boleh membahayakan pengguna jalan raya

(Tindakan : JKR)

4.2 **Garisan "Yellow Line/Zebra Crossing"**

Dicadangkan Garisan 'Yellow Line'/'Zebra Crossing' perlu dibuat demi keselamatan orang awam di kawasan Pasar Awam Pdg. Matsirat dan Jalan Chandek Kura kerana keadaan trafik menjadi sesak ketika waktu puncak.

(Tindakan: JKR)

4.3 **Laluan Food Truck Sebagai Jalan Sehala**

Tuan Pengerusi/YDP mencadangkan supaya laluan Food Truck dijadikan Jalan Sehala sekiranya ada program di kawasan tersebut bagi tujuan kenderaan boleh 'parking' ketika program berlangsung.

(Tindakan: MPLBP/JKR)

4.4 **Jalan Tiada Papan Tanda**

Ahli Majlis Pn. Hisyam Suhaily membangkit isu jalan berhampiran Pusat Service Kereta Toyota diambil perhatian kerana tiada papan tanda tunjuk arah dan lampu untuk keselamatan awam.

(Tindakan: MPLBP)

4.5 **Lampu Isyarat di Persimpangan Ulu Melaka ke Kg. Baru**

Ahli Majlis Tn. Hj. Hashim M. Noh membangkitkan isu trafik light di persimpangan Ulu Melaka ke Kg. Baru dan memohon pihak yang berkaitan memantau /mengambil tindakan peniaga-peniaga yang telah menjalankan perniagaan berhampiran dengan persimpangan tersebut.



(Tindakan: JKR/MPLBP)

4.6 **Persimpangan Lampu Isyarat**

Ahli Majlis En. Nazri b. Ali mencadangkan supaya persimpangan keluar daripada Lapangan Terbang (berhampiran Hotel Helang) dan Simpang 3 Kuala Muda (berhampiran PULAPOL) dipasang Lampu Isyarat.

(Tindakan: MPLBP/JKR)

4.7 **Kesesakan di Sek. Keb. Seri Negeri**

Puan Setiausaha Majlis membangkitkan isu kesesakan sering berlaku di kawasan Sekolah Kebangsaan Seri Negeri dan Sek. Keb. Langkawi terutamanya ketika waktu murid-murid sekolah datang dan pulang. Kesesakan berlaku kerana pihak sekolah tidak menggunakan pintu utama untuk waris menghantar dan mengambil anak ke sekolah sedangkan di kawasan pintu utama telah dibuat jalan susur dan jejantas bagi tujuan keselamatan dan mengelakan kesesakan. Selain itu dipohon tindakan JKR memastikan kenderaan tidak menghalang laluan utama sewaktu pengambilan pelajar-pelajar sekolah.

(Tindakan: JKR/PPD)

5.0) **PENUTUP**

5.1 **Penangguhan mesyuarat.**

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir dan mengharapkan apa yang dibincangkan dapat dilaksanakan dengan kadar segera . Selain itu , mesyuarat ini akan diadakan secara berkala. Pada mesyuarat akan datang, pihak polis diminta membentangkan data-data kemalangan di



Langkawi dan kawasan-kawasan yang menjadi 'Hot Spot'
kemalangan. Mesyuarat ditangguh pada jam 1.00 petang.

Disediakan oleh:

(**Mohamad Fua'adi Bin Mahmud**)

Penolong Jurutera Kanan MPLBP

Disemak oleh:

(**Fauzi Bin Ahmad , BCK.)**

Jurutera MPLBP

Disahkan oleh:

(**PN. NOORUL AZYYATI BT. AHMAD SALMI.,
BCK**)

Setiausaha Majlis

Diluluskan oleh:

(**RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.**)

Yang Dipertua Majlis

Agenda 6.0

Menerima Ketetapan Minit
Mesyuarat Jawatankuasa Pusat
Setempat (OSC)

Agenda 6.0

6.1 Minit Mesyuarat
Jawatankuasa Pusat Setempat
(OSC) Bil 1/2021
bertarikh 24 Februari 2021



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
KALI KE 01/2021**

TARIKH : 24 Februari 2021
MASA : 10.30 Pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3, MPLBP

KEHADIRAN MESYUARAT :

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi -
Yang Dipertua.
2. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK. - Timbalan Pengerusi -
Setiausaha MPLBP.
3. En. Zubir bin Ahmad, BKM.
Ahli Majlis.
4. En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK., BKM., JP.
Ahli Majlis MPLBP.
5. Haji Kamarudzaman bin Mustafa.
Ahli Majlis MPLBP.
6. En. Look Sia Hing.
Ahli Majlis MPLBP.
7. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah),
Pejabat Tanah Langkawi (PTL) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Rizan bin Saad)
8. Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).
(Diwakili oleh Pn Munirah binti Mohamad)
9. Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Mohd Firdaus bin Mat Ali)
10. Jurutera Daerah,
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh Pn Hazirah binti Marzuki)
11. Tuan Penguasa Bomba,
Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Mohd Jasni bin Khairuddin)



12. Ketua Cawangan,
Jabatan Alam Sekitar (JAS) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh Pn. Norafiza binti Halim)
13. Cik Siti Aisyah binti Mohd Taib.
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap (JPPL) MPLBP.
14. En. Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek,
Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) MPLBP.
15. Tn. Hj. Fauzi bin Ahmad, BCK.
Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan (KEJ) MPLBP.
16. En. Mohd Farid bin Md Ali.
Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan (KEJ) MPLBP.
17. En. Mohd Zulidzham bin Mohd Ali.
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

- Setiausaha -

HADIR SECARA ATAS TALIAN (ONLINE – GOOGLE MEET)

1. Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Kedah.
(Diwakili oleh En. Azlan bin Ahmad, PCK.)
2. Pengarah,
Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Kedah.
(Diwakili oleh En. Azli bin Abdul Hamid)
3. Pengurus,
Tenaga Nasional Berhad (TNB) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Fazley bin Harun)
4. Pengarah,
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Kedah.
(Diwakili oleh Pn. Anis Nasuha binti Mustapha)
5. Pengarah,
Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK).
(Diwakili oleh En. Mohamad Ridzuan bin Md Zain)



6. Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).
(Diwakili oleh En. Md Fakhruddin bin Jaffar)
7. IR. Mohd Fathi Nadwi bin Mohd Fauzi
Pengurus Wilayah,
Syarikat Air Darul Aman (SADA) Langkawi.
8. En. Mohd Fatkhy bin Mohd Jamil.
Pegawai Undang-Undang,
Unit Undang-Undang (UU) MPLBP.
9. Pn. Rashila binti Abdullah.
Pegawai Penilaian & Pengurusan Harta
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) MPLBP.

URUSETIA OSC

1. En. Zahrul Nizam Bin Ishak
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
2. En. Mohd Hamdi bin Badruttamam
Penolong Pegawai Senibina,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP. - Pencatat Minit -
3. En. Ariff Fahmi bin Abdullah
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
4. Pn. Nur Hidayu binti Moh Zahari
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Pegawai Kesihatan dan Persekitaran MPLBP
Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar MPLBP.
2. Pengurus,
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK)
3. Pengarah
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp).



**MINIT MESYUARAT
MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
KALI KE 01/2021 PADA 24 JANUARI 2021.**

Bil.	Agenda	Tindakan
1.0	ALUAN Pengerusi	
1.1	Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan aluan selamat datang kepada semua wakil jabatan/agensi yang hadir.	Makluman
1.2	Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali yang pertama diadakan pada tahun 2021 berikutan Pendemik Covid 19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang diistiharkan di Negeri Kedah serta arahan daripada pihak MKN untuk tidak membenarkan mesyuarat secara bersemuka dijalankan.	Makluman
2.0	MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU	
2.1	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPLBP Bil. 06/2020 bertarikh 14 Disember 2020 dicadangkan oleh En. Nor Saidi bin Nanyan (Ahli Majlis) dan disokong oleh Haji Kamarudzaman bin Mustafa (Ahli Majlis).	Makluman
3.0	PERKARA BERBANGKIT	
3.1	PERMOHONAN PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA 8 UNIT APARTMENT SEDIA ADA (UNIT NO B-G-6,B-1-6,B-2-6,B-3-6,C-G-8,C-1-8,C-2-8,& C-3-8) DI CASA VINCA APARTMENT, LOT 1159 , KAMPUNG POKOK ASAM , MUKIM KUAH , LANGKAWI , KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN MAXI DEVELOPMENT SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/05/19/CCC - Perakuan Siap & Pematuhan (CCC) -	



Bil.	Agenda	Tindakan
3.1.1	Mesyuarat dimaklumkan perakuan siap dan pematuhan ini masih ditahan oleh Majlis kerana pihak pemaju belum mengemukakan permohonan kestabilan cerun dan laporan kekukuhan tembok penahan sepertimana yang telah disyaratkan oleh Majlis.	Makluman
3.1.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju dan menahan perakuan siap dan pematuhan (CCC) ini sehingga pemohon mengemukakan laporan kestabilan cerun dan laporan kekukuhan tembok penahan daripada jurutera perunding bertauliah. KEPUTUSAN : <u>CCC DITAHAN</u>	JKB/PSP



4.0	PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	
4.1	PERMOHONAN SERENTAK (KM DAN PB)	
4.1.1	PERMOHONAN SERENTAK AS-BUILT PELAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG (RUJ : BIL (25) MPLBP/06/P/KM/12/2019 BERTARIKH 18 NOV 2019) DAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT KILANG AIR MINERAL SETINGKAT DI ATAS LOT 1643 DAN 1 UNIT RUMAH PAM DI ATAS LOT 1670, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN MC GEMILANG (NATURAL WATER) SDN. BHD. - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.1.1.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di belakang projek perumahan rakyat (Ulu Melaka) dan kerja kerja binaan telah dijalankan di tapak.	Makluman
4.1.1.2	Mesyuarat turut dimaklumkan jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal. Walau bagaimanapun pihak TNB masih belum memberi ulasan.	Makluman
4.1.1.3	Wakil TNB memaklumkan bahawa pemohon disyaratkan membuat serahan tapak pencawang kepada pihak TNB.	Makluman
4.1.1.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini merupakan permohonan pindaan daripada kelulusan asal yang telah diberikan.	Makluman
4.1.1.5	Pemohon mengemukakan pindaan terhadap pelan yang diluluskan untuk meminda kedudukan kolam tadahan, kedudukan TLK, kawasan hijau dan sirkulasi jalan dalaman.	Makluman
4.1.1.6	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini perlu menyediakan anjakan bangunan yang mencukupi mengikut garis panduan perancangan pembangunan seperti yang telah disyaratkan dalam kelulusan terdahulu.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.1.7	Wakil PTL memaklumkan Mesyuarat Penyelarasan telah dibuat oleh Pejabat Daerah Langkawi antara pihak Tetuan Tulangis (Projek PPR) dan Tetuan MC Gemilang bagi membincangkan mengenai titik buangan akhir yang akan menggunakan laluan yang sama dan perkara tersebut masih belum dimuktamadkan lagi.	Makluman
4.1.1.8	Mesyuarat turut dimaklumkan kedudukan kolam tadahan yang dicadangkan perlu dikaji semula dan perlu mendapat sokongan daripada JPS sebelum kelulusan rasmi dikeluarkan oleh Majlis kelak.	Makluman
4.1.1.9	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu memastikan anjakan bangunan disediakan mengikut piawaian perancangan pembangunan; c) Pemohon perlu mendapatkan sokongan dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JPS dan TNB; d) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.2	PERMOHONAN SERENTAK AS-BUILT PELAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG (RUJ : BIL (25) MPLBP/06/P/KM/12/2019 BERTARIKH 18 NOV 2019) DAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT KILANG AIR MINERAL SETINGKAT DI ATAS LOT 1643 DAN 1 UNIT RUMAH PAM DI ATAS LOT 1670, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN MC GEMILANG (NATURAL WATER) SDN. BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/48/20/KM+PB - Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan -	
4.1.2.1	Pengarah Unit OSC MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini adalah permohonan serentak dan dipertimbangkan bersama dengan permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan bersyarat dalam mesyuarat ini.	Makluman
4.1.2.2	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini boleh disokong tertakluk kepada kelulusan Kebenaran Merancang dan memaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapat perakuan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.	Makluman
4.1.2.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kelulusan pelan bangunan ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat Kelulusan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); c) Pemohon perlu menjelaskan bayaran fee berganda sebanyak 20 kali ganda berjumlah RM51,940.00 kerana menjalankan pemajuan tanpa Kelulusan Pelan Bangunan daripada pihak MPLBP; d) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JKB/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.3	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT BAGI PERMOHONAN SERENTAK AS-BUILT PELAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG (RUJ : BIL (25) MPLBP/06/P/KM/12/2019 BERTARIKH 18 NOV 2019) DAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT KILANG AIR MINERAL SETINGKAT DI ATAS LOT 1643 DAN 1 UNIT RUMAH PAM DI ATAS LOT 1670, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN MC GEMILANG (NATURAL WATER) SDN. BHD. - Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Parit -	
4.1.3.1	Pengarah Unit OSC MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini adalah permohonan serentak dan dipertimbangkan bersama dengan permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan bersyarat dalam mesyuarat ini.	Makluman
4.1.3.2	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini belum mendapat sokongan daripada JKR dan JPS.	Makluman
4.1.3.3	Wakil JPS memaklumkan bahawa pihaknya telah meminta untuk perunding mengemaskini semula saiz 'box culvert' dan saiz pembentung konkrit kerana dikhuatiri tidak dapat menampung kapasiti aliran air sekiranya hujan lebat.	JPS/PSP
4.1.3.4	Wakil JKR memaklumkan bahawa permohonan ini tertakluk kepada penyediaan laporan TIA dan RSA sebelum sebarang ulasan dapat diberikan.	JKR/PSP
4.1.3.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan Pelan Jalan & Parit ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut : a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP; c) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS dan JKR. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JK/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.4	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH BAGI PERMOHONAN SERENTAK AS-BUILT PELAN PINDAAN KEBENARAN MERANCANG (RUJ : BIL (25) MPLBP/06/P/KM/12/2019 BERTARIKH 18 NOV 2019) DAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA 1 UNIT KILANG AIR MINERAL SETINGKAT DI ATAS LOT 1643 DAN 1 UNIT RUMAH PAM DI ATAS LOT 1670, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN MC GEMILANG (NATURAL WATER) SDN. BHD. - Permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah -	
4.1.4.1	Pengarah Unit OSC MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini adalah permohonan serentak dan dipertimbangkan bersama dengan permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan bersyarat dalam mesyuarat ini.	Makluman
4.1.4.2	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapat sokongan daripada JAS tetapi belum mendapat sokongan daripada JPS.	Makluman
4.1.4.3	Wakil JPS memaklumkan bahawa pihaknya telah meminta untuk perunding menunjukkan dengan jelas kedudukan 'temporary silt trap' dan 'check dam' di dalam pelan permohonan dan perlu memastikan lot 1643 dan lot 1670 tidak memasuki kawasan rizab sungai 10 meter.	Makluman
4.1.4.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan Pelan Jalan & Parit ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut : a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP; c) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS dan JAS. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JK/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG	
4.2.1	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENAIKTARAF PADANG BOLA SEDIA ADA KEPADA PADANG BOLA SINTETIK, MEMASANG LAMPU LIMPAH DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1721 (TANAH KERAJAAN), KAMPUNG KUMPULAN, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KEDAH. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/46/20/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.1.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Kampung Kumpulan (Ulu Melaka) dan didapati kerja kerja binaan sedang dijalankan di tapak.	Makluman
4.2.1.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain TNB, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.1.3	Wakil TNB memaklumkan permohonan ini dapat disokong sekiranya pihak pemohon bersedia untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak TNB.	Makluman
4.2.1.4	Mesyuarat turut dimaklumkan berdasarkan kepada Mesyuarat Penyelarasan yang telah diadakan pada 13 Oktober 2020 bersama pihak perunding, pihak perunding bersedia untuk menyediakan tempat parkir bas di kawasan tersebut disamping menyediakan TLK yang mencukupi mengikut piawaian Majlis.	Makluman
4.2.1.5	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.1.6	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MELULUSKAN</u> permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang, MPLBP kelak; b) Pemohon perlu menjelaskan bayaran fee berganda sebanyak 10 kali ganda daripada hasil pelan kerana menjalankan pemajuan tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak MPLBP; c) Pemohon perlu memastikan keperluan TLK termasuk parkir bas adalah mencukupi mengikut piawaian yang digunapakai oleh Majlis; d) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.2	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RUMAH PERANGINAN YANG MENGANDUNGI: i. 1 UNIT BANGUNAN UTAMA 1 TINGKAT, ii. 28 UNIT CHALET (JENIS BERKEMBAR) 1 TINGKAT, iii. 16 UNIT CHALET (JENIS STUDIO) 1 TINGKAT, iv. 6 UNIT DAPUR 1 TINGKAT, v. 1 UNIT GIMNASIUM DAN SAUNA 1 TINGKAT, vi. 1 UNIT DOBI 1 TINGKAT, vii. 3 UNIT KOLAM RENANG, viii. TAMAN PERMAINAN TERMASUK 1 UNIT PONDOK PENGAWAL, 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK JENIS PADAT SERTA 1 UNIT RUMAH SAMPAH, DI ATAS LOT 1895, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN SMS RETREAT SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/06/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.2.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Ulu Melaka (bersebelahan Lang Agro Park) dan didapati kerja kerja tanah sedang dijalankan di tapak.	Makluman
4.2.2.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain SADA dan Jabatan Kesihatan, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.2.3	Wakil SADA memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.2.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.2.5	Wakil dari pada JAS memaklumkan bahawa terdapat cadangan awal bagi pembinaan tempat simpanan padi di lot bersebelahan iaitu lot 1894 milik Jabatan Pertanian namun masih belum dimuktamatkan atau mengemukakan permohonan.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.2.6	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) <i>Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;</i> b) <i>Pemohon perlu menjelaskan bayaran fee berganda sebanyak 10 kali ganda daripada hasil pelan kerana menjalankan pemajuan tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak MPLBP;</i> c) <i>Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.</i> KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.3	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN: A. FASA 1 - 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 - TINGKAT B. FASA 2 - 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 - TINGKAT DI ATAS LOT 248, KELIBANG, SEKSYEN 6, BANDAR KUAH, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN DATACASH ENTERPRISE SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/07/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang - <i>Nota: En. Look Sia Hing (Ahli Majlis) telah mengisytiharkan bahawa beliau mempunyai kepentingan terhadap permohonan ini dan telah keluar daripada bilik mesyuarat.</i>	
4.2.3.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan Kelibang dan didapati kerja kerja pembinaan belum dimulakan di tapak.	Makluman
4.2.3.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain TNB dan Jabatan Kesihatan, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.3.3	Wakil TNB memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong sekiranya pihak pemohon bersedia untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak TNB.	Makluman
4.2.3.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa cadangan pemohon untuk menggunakan tapak kawasan lapang dan gerai majlis bagi tujuan TLK adalah tidak dibenarkan.	Makluman
4.2.3.5	Berikut itu, permohonan ini akan mengalami kekurangan sebanyak anggaran 23 petak TLK mengikut kiraan dan piawaian Majlis dan mesyuarat bersetuju membenarkan pemohon untuk membayar caruman gantikan TLK bagi jumlah petak parkir yang berkurangan.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.3.5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) <i>Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;</i> b) <i>Pemohon perlu menyediakan TLK yang mencukupi mengikut piawaian Majlis atau membayar caruman gantian TLK bagi jumlah TLK yang berkurang;</i> c) <i>Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.</i> KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.4	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN SECARA FASA 1 DAN FASA 2 TERDIRI DARI : I. SEBUAH HOTEL 4 TINGKAT YANG MENGANDUNGI LOBI HOTEL, DAPUR UTAMA DAN TEMPAT LETAK KERETA DI ARAS BAWAH, 18 BILIK JENIS SUITE DI ARAS 1, 2 DAN 3, DEWAN MAJLIS DAN KOLAM RENANG DI ARAS 1, BILIK MESYUARAT DAN LOUNGE REKREASI DI ARAS 3. II. 15 UNIT VILLA 3 TINGKAT. DI ATAS LOT 1893 DAN LOT PT 417, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN TAN SRI ANNUAR MUSA. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/05/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.4.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan berhampiran Dermaga Tanjung Lembung, di Mukim Kedawang dan didapati kerja-kerja binaan belum dimulakan ditapak.	Makluman
4.2.4.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain JAS, JMG dan JKR, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.4.3	Wakil JKR memaklumkan bahawa pembentangan kajian TIA dan RSA telah dilakukan pada 24 Februari 2020 dan pihaknya secara dasarnya tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat.	Makluman
4.2.4.4	Wakil JAS memaklumkan bahawa permohonan ini adalah tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pemohon perlu mengemukakan Laporan EIA terlebih dahulu sehingga mendapat kelulusan sebelum permohonan ini dapat disokong oleh JAS.	JAS/PSP
4.2.4.5	Wakil JMG memaklumkan pihak perunding masih belum mengemukakan maklumat pembetulan bagi Laporan Pemetaan Geologi Terrain yang telah dikemukakan dan ulasan akan dikeluarkan setelah pembetulan tersebut dikemukakan semula.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.4.6	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.4.7	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu mendapatkan sokongan dan perlu mematuhi syarat-syarat daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Mineral & Geosains (JMG); c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.5	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH PERNIAGAAN HOTEL VILLA RESORT YANG MENGANDUNGI : 1) FASA 1 : JALAN, TEMPAT LETAK KENDERAAN & LOBI (3 TINGKAT) 2) FASA 2 : VILLA 1 & VILLA 2 (1 TINGKAT) 3) FASA 3 : VILLA 3, VILLA 4 & VILLA 5 (1 TINGKAT) 4) FASA 4 : VILLA 6 & VILLA 7 (1 TINGKAT) 5) FASA 5 : VILLA 8, VILLA 9 & VILLA 10 (1 TINGKAT) 6) FASA 6 : KOLAM & 'HARDSCAPE' DI ATAS LOT 851, SEKSYEN 4, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LYE YEOW KUEN Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/02/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.5.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak bersebelahan kawasan Park & Ride Chenang dan didapati kerja-kerja binaan belum dimulakan ditapak.	Makluman
4.2.5.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain Jabatan Kesihatan Langkawi, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.5.3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan akses ke tapak cadangan yang dicadangkan adalah melalui kawasan 'Park And Ride'. Pemohon perlu mendapatkan keizinan daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) SSK terlebih dahulu bagi tujuan menggunakan laluan akses melalui kawasan 'Park and Ride' untuk ke tapak cadangan.	PSP/SUK
4.2.5.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :-	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
	a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu mendapatkan keizinan secara bertulis daripada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) bagi cadangan untuk menggunakan sebahagian tanah di kawasan 'Park And Ride' sebagai jalan keluar masuk yang sah ke tapak cadangan; c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.6	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH KEDAI SEDIADA DAN MEMBINA SEMULA 2 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 60112 (LOT LAMA PT 540), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN ROSLI BIN MOHD TAIB. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/04/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.6.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak berhadapan dengan Petronas Padang Matsirat dan merupakan kedai sedia ada.	Makluman
4.2.6.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bangunan kedai sedia ada akan dirobohkan dan pemohon akan membina 2 unit bangunan perniagaan baharu di tapak tersebut.	Makluman
4.2.6.3	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain Jabatan Kesihatan Langkawi, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.6.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa laluan keluar masuk ke tapak cadangan adalah melalui lot bersebelahan dan perlu membuat serahan di bahagian lot tersebut yang terlibat dengan cadangan jalan keluar masuk / jalan susur.	Makluman
4.2.6.5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Bahagian lot bersebelahan yang terlibat dengan jalan keluar masuk / jalan susur perlu diserahkan kepada kerajaan serentak dengan proses ubah syarat lot yang dipohon;	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
	c) <i>Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.</i> KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.7	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PINDAAN KEPADA PELAN SUSUNATUR YANG TELAH DILULUSKAN (BIL. (25) MPLBP/03/P/KM/38/2019 BERTARIKH 12-5-2020) BAGI CADANGAN MEMBINA 22 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN SERTA PEJABAT 3 TINGKAT (66 HAKMILIK STRATA) DAN 4 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN SERTA PENGINAPAN (24 BILIK) 3 TINGKAT (12 HAKMILIK STRATA) DI ATAS LOT 2334, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN WANGSA GEMILANG SDN. BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/45/20/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.7.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di kawasan Kedawang dan dapat diakses melalui Jalan Baru Chenang.	Makluman
4.2.7.2	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan pindaan ini hanya melibatkan perubahan jalan dan infra sahaja untuk diselaraskan dengan pembangunan bersebelahan tanpa melibatkan perubahan pada komponen dan kedudukan bangunan asal yang telah diluluskan.	Makluman
4.2.7.3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.7.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MELULUSKAN</u> permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.8	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PINDAAN KEPADA PELAN BERLULUS RUJ BIL (59) MPLBP/05/P/KM/44/15 BERTARIKH 16 MARCH 2017 BAGI CADANGAN 'AS BUILT PLAN' 10 UNIT VILLA: I) 6 UNIT JENIS VILLA A II) 2 UNIT (BERKEMBAR) JENIS VILLA B III) 1 UNIT JENIS VILLA C DAN IV) 1 UNIT JENIS VILLA D BESERTA 1 UNIT RESTORAN DI ATAS SEBAHAGIAN PT 33, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN BENUA MAHSURI SDN.BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/01/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.8.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan merupakan sebahagian daripada The Danna Hotel dan dapat diakses melalui Jalan Pantai Kok.	Makluman
4.2.8.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pemohon membuat pindaan terhadap pelan yang telah diluluskan melibatkan pindaan kawasan tempat letak kenderaan sahaja.	Makluman
4.2.8.3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan isu bagi permohonan ini adalah seperti berikut; i. Anjakan Bangunan di antara PT 28 dan PT 33 tidak dipatuhi sepenuhnya (terdapat bangunan restoran terletak di atas anjakan bangunan 20 kaki dari sempadan lot); ii. Pemohon tidak membina bangunan dan kawasan R&R mengikut kelulusan pelan terdahulu untuk diserahkan kepada Majlis; iii. Pemohon tidak menunjukkan rezab jalan utama 100 kaki, dimana sebahagian PT 33 terlibat dengan rezab jalan tersebut; iv. Sebahagian kawasan ROW (rizab jalan sedia ada) dan tanah kerajaan telah dijadikan kawasan TLK, kawasan landskap dan laluan 'buggy' untuk ke penginapan villa.	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.8.4	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini perlu memastikan syarat-syarat asas perancangan pembangunan dipatuhi terlebih dahulu sebelum kelulusan rasmi dapat dikeluarkan.	Makluman
4.2.8.5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MELULUSKAN</u> permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) <i>Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak;</i> b) <i>Pemohon perlu memastikan syarat-syarat kelulusan terdahulu dipatuhi sepenuhnya;</i> c) <i>Pemohon perlu menyediakan bangunan dan kawasan RnR dan diserahkan dengan percuma kepada MPLBP seperti yang telah disyaratkan dalam kelulusan terdahulu dipatuhi sebelum CCC dikeluarkan;</i> d) <i>Pemohon perlu menyelesaikan isu perihal tanah yang bersangkutan dengan penjajaran semula jalan utama sedia ada, rizab jalan sedia ada yang digunakan sebagai kawasan TLK, kawasan landskap dan laluan 'buggy' ;</i> e) <i>Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP.</i> KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.9	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG KEPADA SEBUAH RUMAH BERASINGAN 3 TINGKAT DI ATAS LOT 1959 (GM 4118), LOT 1960 (GM 4119 DAN LOT 1964 (GM 825), MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN OOI BENG HAI SDN. BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/03/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.2.9.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Taman Seri Negeri dan kerja kerja pembinaan telah siap dibina.	Makluman
4.2.9.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain Jabatan Kesihatan Langkawi, setiap jabatan teknikal yang dirujuk telah memberikan jawapan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.9.3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini adalah pindaan terhadap pelan kelulusan terdahulu untuk mencantum dua lagi lot berdampingan dengan lot asal bagi tujuan kediaman dan pada dasarnya dapat disokong tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.2.9.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.10	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA 1 BLOK BANGUNAN PERNIAGAAN (HAKMILIK STRATA) YANG MENGANDUNGI: FASA 1 : 6 UNIT KEDAI 2 TINGKAT FASA 2 : 1 UNIT KEDAI 2 TINGKAT DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/22/20/KM - Permohonan Pindaan Tajuk Permohonan -	
4.2.10 .1	Mesyuarat dimaklumkan pemohon bercadang menukar tajuk permohonan daripada : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA : FASA 1 : 6 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS; FASA 2 : 1 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS (HAKMILIK STRATA); DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG. KEPADA PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA : FASA 1 : 3 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS ; FASA 2 : 1 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS (HAKMILIK STRATA) ; DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG.	Makluman
4.2.10 .2	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini adalah pindaan terhadap pelan yang telah diluluskan melibatkan pindaan unit pembangunan namun masih mengekalkan luas lantai yang sama serta penyelarasan kepada tajuk permohonan.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.10. 3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan pindaan diatas pelan dan tajuk permohonan ini mengikut kehendak pemohon. KEPUTUSAN : <u>LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.11	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN RESORT YANG MENGANDUNGI : 1. 1 UNIT BANGUNAN RECEPTION – 2 TINGKAT, 2. 1 UNIT BANGUNAN RESTORAN – 2 TINGKAT BERSAMA BESMEN, 3. 6 UNIT TYPE A VILLA – 1 TINGKAT, 4. 4 UNIT TYPE B VILLA – 1 TINGKAT, 5. 1 UNIT BANGUNAN GERAJ – 1 TINGKAT, 6. 2 UNIT KOLAM RENANG, 7. 1 UNIT PONDOK PENGAWAL, 8. TEMPAT LETAK KERETA, DI ATAS LOT 609 DAN LOT 765 (LOT LAMA 2902), SEKSYEN 3, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, NEGERI KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN MD RASID BIN ABDULLAH Fail Rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/59/19/KM - Rayuan Penyediaan Utiliti dan Lanjutan Masa Mengemukakan Pelan Tunai Syarat-	
4.2.11 .1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 10/2019 pada 29 Oktober 2019 berpandukan kepada Garispanduan Keperluan Minimum Untuk Tujuan Jalan Keluar/Masuk bagi Sesuatu Pembangunan Kebenaran Merancang di Lot Belakang bagi pembangunan perniagaan di dalam lot pembangunan maksimum seluas 1.5 ekar sahaja.	Makluman
4.2.11 .2	Kini, pemohon merayu agar penyediaan utiliti seperti pencawang elektrik (TNB), kolam tadahan, loji rawatan kumbahan, rumah pam dan tangki air dapat disediakan di luar kawasan kelulusan yang telah diberikan (1.5 ekar) oleh pihak Majlis.	Makluman
4.2.11 .3	Pemohon juga merayu agar tempoh mengemukakan pelan tunai syarat dilanjutkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan telah menghadkan pergerakan dan mengakibatkan kerja-kerja penyediaan pelan adalah terhad dan tertangguh.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.11 .4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MELULUSKAN</u> permohonan rayuan ini seperti berikut:- a) <i>Rayuan pemohon agar penyediaan utiliti seperti pencawang elektrik (TNB), kolam tadahan, loji rawatan kumbahan, rumah pam dan tangki air disediakan di luar kawasan (1.5 ekar) yang telah diberi kelulusan oleh pihak Majlis adalah diterima dan pemohon dibenarkan menyediakan keperluan utiliti tersebut di luar kawasan 1.5 ekar yang telah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat teknikal;</i> b) <i>Rayuan pemohon untuk melanjutkan tempoh masa bagi mengemukakan pelan tunai syarat diterima dan dipanjangkan selama 3 bulan lagi mulai tarikh 24 Februari 2021.</i> KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITERIMA.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.12	PERMOHONAN SERENTAK PINDAAN KEBENARAN MERANCANG(NO RUJ:MPLBP/03/P/KM/20/2018) DAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MERKEBENTUK DAN MEMBINA BANGUNAN HOTEL 6 TINGKAT (76 BILIK), DI ATAS LOT 2608 (LOT LAMA 479), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN ZAILINA BINTI MOHD ZAIN. Fail Rujukan. OSC : MPLBP/OSC/PMT/80/19/KM+PB - Rayuan Lanjutan Masa Mengemukakan Pelan Tunai Syarat -	
4.2.12 .1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 01/2020 pada 28 Januari 2020 dan sehingga kini pemohon belum mengemukakan pelan tunai syarat.	Makluman
4.2.12 .2	Kini, pemohon merayu agar tempoh mengemukakan pelan tunai syarat dilanjutkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan telah menghadkan pergerakan dan mengakibatkan kerja kerja penyediaan pelan menjadi terhad dan tertangguh.	Makluman
4.2.12 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan rayuan ini dan pemohon diberi tempoh selama tiga (3) bulan lagi mulai 24 Februari 2021 untuk mengemukakan pelan tunai syarat tersebut kepada pihak Majlis.	JPPL/PSP
	KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITERIMA.</u>	



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.13	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 2 TINGKAT YANG MENGANDUNGI RUANG PERNIAGAAN, 27 BILIK MOTEL DAN 1 BILIK PEKERJA DI ATAS LOT PT 605, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN MAHSURI HARDWARE SDN. BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/37/20/KM+PB - Rayuan Mengekalkan Kolam Tadahan Dan Jalan Keluar Masuk Sebagai Persendirian Tanpa diserahkan Kepada Pihak Kerajaan -	
4.2.13 .1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 06/2021 pada 15 Disember 2020 dan salah satu syarat kelulusan iaitu ' Pemohon perlu menyerahkan cadangan kolam tadahan kepada pihak kerajaan dan perlu memastikan kolam tadahan tersebut mempunyai jalan keluar masuk (akses) yang sah dan sempurna '.	Makluman
4.2.13 .2	Kini pemohon merayu agar syarat tersebut dikecualikan, walaubagaimanapun pemohon berjanji untuk menyediakan jalan keluar masuk dan kolam tadahan tersebut dengan sempurna seperti yang telah disyaratkan.	Makluman
4.2.13 .3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pihaknya tidak bersetuju dengan rayuan tersebut memandangkan lokasi kolam tadahan tersebut berada di atas lot yang berasingan dengan cadangan lot pembangunan dan terdedah dengan urusniaga tanah pada masa akan datang dan mengesyorkan supaya syarat serahan dikekalkan.	Makluman
4.2.13 .4	Wakil PTL mencadangkan sekiranya tidak mahu melakukan serahan, pihak Majlis boleh mengarahkan supaya pihak PTL memasukkan 'kaveat' ke atas tanah tersebut dengan 'kaveat' pendaftar.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.13 .5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MELULUSKAN</u> permohonan rayuan ini mengikut kehendak pemohon dengan memasukkan lot yang terlibat dengan penyediaan kolam tadahan ke dalam permohonan ini serta mematuhi syarat-syarat teknikal. KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITERIMA.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.14	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN NAMA TAMAN, NAMA JALAN & PENOMBORAN BAGI CADANGAN UNTUK MENDIRIKAN 3 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT, 26 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DAN 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK DI ATAS LOT 3242 (658) DAN LOT 3251 (668) SEK.6, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN: UNTUK : TETUAN INDAH KEMAS SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/80/17/KM - Permohonan Penamaan Nama Taman, Nama Jalan Dan Penomboran -	
4.2.14 .1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak berhampiran dengan Kawasan Perumahan Kastam, Batu Asah dan didapati kerja-kerja binaan sedang dijalankan.	Makluman
4.2.14 .2	Ketua Jabatan Perancang MPLBP memaklumkan bahawa pemohon telah mengemukakan 3 cadangan nama taman dan jalan iaitu: i. Taman Desa Ria & Jalan Desa ria; ii. Taman Aria & Jalan Aria; dan iii. Taman Seri Ceria & Jalan Seri Ceria.	Makluman
4.2.14 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju membuat keputusan seperti berikut ; 1. Cadangan nama taman dipersetujui dan diluluskan dengan nama Taman Desa Ria; 2. Cadangan nama jalan dipersetujui dan diluluskan dengan nama Jalan Desa Ria; 3. Cadangan penomboran diterima dan diluluskan mengikut sistem penomboran yang dicadangan oleh pemohon; <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.15	PERMOHONAN SERENTAK KEBENARAN MERANCANG PERUBAHAN MATERIAL DAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN UNTUK 2 UNIT RUMAH KEDAI TERES 2 TINGKAT SEDIA ADA KEPADA KEDAI (ARAS BAWAH) DAN HOTEL 4 UNIT PENGINAPAN DI NO.25 (LOT 2217, HSM 26889) DAN NO. 27 (LOT 2218, HSM 26890) JALAN PANDAK MAYAH 4, PUSAT BANDAR KUAH, 07000 DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PL SOON HUAT PROPERTY SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/76/19/KM+PB - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.2.15 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 30 November 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang telah tamat tempoh pada 14 Disember 2020.	Makluman
4.2.15 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah (Syarat Nyata) kepada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.15 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 15 Disember 2020 dan tamat pada 14 Disember 2021;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 03 Mac 2020, Rujukan: Bil(15)MPLBP/04/P/KM/63/2019.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.16	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 152, MUKIM BOHOR, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN ROSLI BIN MOHD TAIB. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/BHR/14/20/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.2.16 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 03 Februari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang akan tamat tempoh pada 12 Mei 2021.	Makluman
4.2.16 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.16 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 13 Mei 2021 dan tamat pada 12 Mei 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 19 Januari 2021, Rujukan: Bil(23)MPLBP/02/P/KM/18/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.17	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG "AS BUILT" BAGI PEMBANGUNAN SEBUAH BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 3120, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN HASSIN BIN IBRAHIM Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/24/18/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.2.17 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 27 Ogos 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang telah tamat tempoh pada 06 Oktober 2020.	Makluman
4.2.17 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.17 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 07 Oktober 2020 dan tamat pada 06 Oktober 2021;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 10 Januari 2019, Rujukan: Bil(5)MPLBP/06/P/KM/45/2019.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.18	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 15 TINGKAT YANG MENGANDUNGI: A) 97 UNIT PANGSAPURI PERKHIDMATAN (11 TINGKAT) B) 3 UNIT KEDAI C) 1 UNIT PASAR MINI D) 1 TINGKAT PODIUM KEMUDAHAN REKREASI E) 4 TINGKAT PODIUM TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS LOT 1867, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN KUAH CITY CENTRE PROPERTY SDN. BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/63/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.2.18 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 18 Januari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang akan tamat tempoh pada 14 Mac 2021.	Makluman
4.2.18 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.18 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 15 Mac 2021 dan tamat pada 14 Mac 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 26 Januari 2021, Rujukan: Bil(39)MPLBP/04/P/KM/51/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.19	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG AS BUILT PELAN BAGI CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 1½ TINGKAT YANG MENGANDUNGI :- A) PASARAYA B) MOTEL (18 BILIK TINGKAT BAWAH) C) ASRAMA PEKERJA (21 BILIK TINGKAT ATAS) D) PEJABAT DAN BILIK MESYUARAT (TINGKAT ATAS) DI ATAS LOT PT 2300, MUKIM BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN HHL MEGA HOLDINGS SDN. BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/02/20/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.2.19 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 21 Disember 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang telah tamat tempoh pada 17 Februari 2021.	Makluman
4.2.19 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.19 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 18 Februari 2021 dan tamat pada 17 Februari 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 02 November 2020, Rujukan: Bil(26)MPLBP/04/P/KM/04/2020. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.20	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN SEBUAH ARKED MEMBELI – BELAH YANG MENGANDUNGI : I) 1 BLOK 2 TINGKAT ARKED MEMBELI – BELAH II) 2 BLOK 1 TINGKAT GERAJ MAKANAN. DI ATAS LOT 607 (LOT LAMA 2836), PT 2115. PT 2116, DAN PT 2124 (SEBAHAGIAN LOT ASAL 1598), MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LEGEND SOLID ALLIANCE SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/82/19/KM+PB - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.2.20 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 01 Februari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang telah tamat tempoh pada 17 Februari 2021.	Makluman
4.2.20 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.20 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 18 Februari 2021 dan tamat pada 17 Februari 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 08 Julai 2020, Rujukan: Bil(15)MPLBP/04/P/KM/01/2020. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.21	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG KEPADA SEBUAH BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 122, MUKIM BOHOR, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN MANSOR BIN BAHARI Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/BHR/64/18/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua -	
4.2.21 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 09 November 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 17 November 2020.	Makluman
4.2.21 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.21 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 18 November 2020 dan tamat pada 17 November 2021;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 13 Ogos 2019, Rujukan: Bil(29)MPLBP/02/P/KM/54/2018.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.22	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 3 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 558, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN UNTUK : TETUAN ROSLI BIN MOHD TAIB Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/03/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua -	
4.2.22 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 03 Disember 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 04 Mac 2021.	Makluman
4.2.22 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.22 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 5 Mac 2021 dan tamat pada 04 Mac 2022;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 24 Februari 2020, Rujukan: Bil(22)MPLBP/06/P/KM/04/2019.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.23	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG KEPADA SEBUAH BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 899 (LOT LAMA 1986), SEKSYEN 4, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN SHOZAIDEE BIN MD SAAD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/08/18/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Ketiga -	
4.2.23 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 16 Disember 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan kedua) yang telah tamat tempoh pada 17 Disember 2020.	Makluman
4.2.23 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.23 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali ketiga ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 18 Disember 2020 dan tamat pada 17 Disember 2021;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 26 Ogos 2018, Rujukan: Bil(24)MPLBP/04/P/KM/65/2015.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.24	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA SEBAHAGIAN BANGUNAN HOTEL 4 TINGKAT SEDIA ADA (FAVE HOTEL) SEPERTI BERIKUT : TAMBAHAN BANGUNAN SEDIA ADA : i) BANGUNAN 'KITCHEN DAN CANTEEN' 1 TINGKAT ; ii) 'COFFEE HOUSE' 1 TINGKAT DAN ; CADANGAN PEMBANGUNAN HOTEL BARU : i) 2 BLOK HOTEL 8 TINGKAT (190 BILIK), ii) 16 UNIT VILLA 1 TINGKAT, iii) 1 BLOK BILIK MESYUARAT 1 TINGKAT, 1 UNIT RESTORAN 1 TINGKAT, 1 UNIT BAR 1 TINGKAT , 3 UNIT KOLAM RENANG DAN 1 UNIT MINI PPU (MILIK TETUAN GAGASAN LANGKAWI), DI ATAS LOT 28, 29, 63 (LOT LAMA 2966), 1002 (879) DAN SEBAHAGIAN LOT 119, SEKSYEN 4, BANDAR PADANG MAT SIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LANGKAWI SAGA DEVELOPMENT SDN.BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/10/18/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Ketiga -	
4.2.24 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 17 Februari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan kedua) yang akan tamat tempoh pada 05 Mac 2021.	Makluman
4.2.24 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.24 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali ketiga ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 06 Mac 2021 dan tamat pada 05 Mac 2022;	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
	b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 01 Oktober 2018, Rujukan: Bil(23)MPLBP/03/P/KM/13/2018. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.25	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN 25 TINGKAT 430 UNIT (FASA 2) YANG MENGANDUNGI : 1. BLOK A PANGSAPURI PERKHIDMATAN 21 TINGKAT (102 UNIT), 2. BLOK B PANGSAPURI PERKHIDMATAN 25 TINGKAT (115 UNIT), 3. BLOK C PANGSAPURI PERKHIDMATAN 25 TINGKAT (115 UNIT), 4. BLOK D PANGSAPURI PERKHIDMATAN 21 TINGKAT (98 UNIT), 5. KOMPLEKS KEDAI 3 TINGKAT BESERTA 1 TINGKAT MEZANIN (15 UNIT), 6. 4 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA PODIUM DAN, 7. KEMUDAHAN PENDUDUK DI ATAS TANAH TEBUSGUNA LOT PT 2220 (HSD1552) DAN PENGUBAHAN JAJARAN JALAN BARU KE ATAS SIMPANAN PARIT JPS SECARA PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA MENGIKUT SEKSYEN 204D KANUN TANAH NEGARA (KTN), PERSIARAN PUTERA, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN PFCE INTERGRATED PLANT AND PROJECT SDN. BHD. DENGAN KERJASAMA LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA). Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/77/17/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali ke tiga -	
4.2.25 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 28 Disember 2020 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan kedua) yang telah tamat tempoh pada 09 Januari 2021.	Makluman
4.2.25 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.25 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali ketiga ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 10 Januari 2021 dan tamat pada 09 Januari 2022;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 24 Disember 2018, Rujukan: Bil(29)MPLBP/04/P/KM/61/2017.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.26	KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN SATU ' GATED ECO-FRIENDLY RESORT ' UNTUK PENGINAPAN PELANCONGAN YANG MENGANDUNGI : A) 24 UNIT CHALET TERES 1 TINGKAT, B) 16 UNIT CHALET BERKEMBAR 1 TINGKAT C) 16 UNIT CHALET SESEBUAH 1 TINGKAT D) 06 UNIT KEDAI CENDERAHATI 1 TINGKAT E) 01 BANGUNAN ADMIN DAN F&B F) 01 UNIT TAPAK PENCAWANG PADAT TNB DIATAS LOT 3212, GM 2493, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN TITIAN KEJORA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/08/18/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali ke tiga -	
4.2.26 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 07 Januari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan kedua) yang akan tamat tempoh pada 05 Mac 2021.	Makluman
4.2.26 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan kepada pihak Majlis	Makluman
4.2.26 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali ketiga ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 06 Mac 2021 dan tamat pada 05 Mac 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 29 Ogos 2018, Rujukan: Bil(33)MPLBP/06/P/KM/11/2018. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.27	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA 1 BANGUNAN PERNIAGAAN DAN PENGINAPAN 5 TINGKAT YANG MENGANDUNGI : i. 4 UNIT RUANG PERNIAGAAN 2 TINGKAT, ii. RUANG PENGINAPAN 3 TINGKAT (33 BILIK), DI ATAS LOT 631, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LIM CHEE KHENG Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/58/16/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali ke Empat -	
4.2.27 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 23 Januari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan ketiga) yang telah tamat tempoh pada 28 Februari 2021.	Makluman
4.2.27 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri.	Makluman
4.2.27 .3	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan isi pengambilan balik tanah (jalan keluar masuk) ke Sekolah Kebangsaan Sungai Menghulu belum selesai hingga kini dan perkara tersebut disahkan oleh wakil dari PTL.	Makluman
4.2.27 .4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali keempat ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 01 Mac 2021 dan tamat pada 28 Februari 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 15 Jun 2017, Rujukan: Bil(31)MPLBP/04/P/KM/52/2016. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.28	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA RESORT VILLA YANG MENGANDUNGI : <u>FASA 1 :</u> a. 1 UNIT HOTEL RESORT VILLA 2 TINGKAT (JENIS A) b. 1 UNIT HOTEL RESORT VILLA 2 TINGKAT (JENIS B) c. 1 UNIT HOTEL RESORT VILLA 2 TINGKAT (JENIS C) <u>FASA 2 :</u> a. 1 UNIT HOTEL RESORT VILLA 2 TINGKAT (JENIS A) b. 1 UNIT HOTEL RESORT VILLA 2 TINGKAT (JENIS B) c. 1 UNIT HOTEL RESORT VILLA 2 TINGKAT (JENIS C) <u>FASA 3 :</u> a. 2 BLOK HOTEL RESORT VILLA SESEBUAH 1 TINGKAT (2 UNIT) b. 5 BLOK HOTEL RESORT VILLA SEMI-D 1 TINGKAT (10 UNIT) c. 3 BLOK HOTEL RESORT VILLA SEMI-D 2 TINGKAT (12 UNIT) d. 1 BLOK PEJABAT PENGURUSAN 2 TINGKAT. DI ATAS LOT 1254, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LIM CHEE KHENG & SUNIL MANIAR A/L SHASHIKANT J. MEHTA. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/40/16/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali ke Empat -	
4.2.28 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 21 Februari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan ketiga) yang telah tamat tempoh pada 28 Februari 2021.	Makluman
4.2.28 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya baru sahaja mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri dan pihaknya kini dalam proses untuk mengemukakan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan kepada pihak Majlis.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.28. 3	Pemohon turut memaklumkan proses untuk mendapatkan kelulusan perihal tanah ini dan dalam tindakan untuk mengemukakan pelan permohonan adalah terbatas disebabkan oleh Pendemik Covid 19 yang melanda.	Makluman
4.2.28. 4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MENOLAK</u> permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali keempat ini memandangkan permohonan ini telah dilanjutkan melebihi daripada 3 kali dan pemohon masih belum memulakan kerja kerja binaan di tapak.	JPPL/PSP
4.2.28. 5	Pemohon perlu mengemukakan semula permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk meneruskan cadangan pembangunan ini.	
	<u>KEPUTUSAN : TOLAK.</u>	



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.29	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOHKAN BANGUNAN SEDIADA DAN MENDIRIKAN SEBUAH PUSAT MEMBELI – BELAH 5 TINGKAT DENGAN TEMPAT LETAK KERETA DITINGKAT SUB-BASEMENT DI ATAS LOT 222 DAN PT 343, JALAN LAPANGAN TERBANG, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN TEOW SOON HUAT DUTY FREE SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/08/17/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali ke Empat -	
4.2.29 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon mengemukakan permohonan ini pada 10 Februari 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan ketiga) yang akan tamat tempoh pada 28 Mac 2021.	Makluman
4.2.29 .2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih belum mendapatkan kelulusan Permohonan Ubahjenis Kegunaan Tanah daripada Pihak Berkuasa Negeri (PTG) disamping faktor ekonomi yang masih tidak stabil.	Makluman
4.2.29 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MENOLAK</u> permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali keempat ini memandangkan permohonan ini telah dilanjutkan melebihi daripada 3 kali dah pemohon masih belum memulakan kerja kerja binaan ditapak.	JPPL/PSP
4.2.29 .4	Pemohon perlu mengemukakan semula permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk meneruskan cadangan pembangunan ini. <u>KEPUTUSAN : TOLAK.</u>	



Bil.	Agenda	Tindakan
4.3	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN	
4.3.1	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN : I. 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT, II. 17 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT, III. 16 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT, IV. 10 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT, V. 10 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT, VI. DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN. DI ATAS LOT 455, MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN KAWALAN JAYA SDN. BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/47/20/PB - Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan -	
4.3.1.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Kampung Kisap dan didapati kerja-kerja binaan belum dimulakan di tapak.	Makluman
4.3.1.2	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong memandangkan kelulusan Kebenaran Merancang dan sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diperolehi.	Makluman
4.3.1.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kelulusan pelan bangunan ini dengan SYARAT :- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat Kelulusan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JKB/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.4	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KEJURUTERAAN	
4.4.1	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN TAMAN TEMA AIR 'LANGKAWI WATER KINGDOM', MENGANDUNGI BANGUNAN UTAMA, RESTORAN, KOLAM - KOLAM DAN GELONGSOR AIR, SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA KEMUDAHAN RESORT BELLA VISTA SEDIA ADA, MELIBATKAN SEBAHAGIAN LOT PT 1233 & PT 1234, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN LANGKAWI INTERNATIONAL SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/17/19/PJ - Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Parit -	
4.4.1.1	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP memaklumkan bahawa secara dasarnya, pihaknya tiada ketegahan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi.	Makluman
4.4.1.2	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini perlu mendapatkan sokongan JKR dan memaklumkan bahawa sokongan JPS telah diperolehi.	Makluman
4.1.1.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan pelan jalan dan parit ini dan perlu mematuhi perkara berikut :- a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP; c) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS dan JKR. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JK/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.4.2	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN JALAN DAN PARIT BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 'CHENANG WATERFRONT' YANG TERDIRI DARIPADA : PAKEJ 2 (PARK N RIDE & CHENANG BAZAAR) : TEMPAT LETAK KERETA & BAS TERBUKA, SEBUAH MEDAN SELERA SETINGKAT, SEBUAH KOMPLEKS PERHENTIAN SETINGKAT, SURAU SETINGKAT, STESEN BUGGY SETINGKAT, BIT POLIS SETINGKAT DAN PUSAT SAMPAH SETINGKAT SERTA KERJA-KERJA MEROBOH SEBAHAGIAN BANGUNA SEDIA ADA, DI ATAS LOT 2601 DAN SEBAHAGIAN LOT PT 157, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI KEDAH. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/63/15/PJ - Permohonan Kelulusan Pelan Jalan & Parit -	
4.4.2.1	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP memaklumkan bahawa secara dasarnya, pihaknya tiada ketegahan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal yang perlu dipatuhi.	Makluman
4.4.2.2	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP turut memaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapatkan sokongan JKR dan JPS.	Makluman
4.4.2.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju <u>MELULUSKAN</u> permohonan pelan jalan dan parit ini dan perlu mematuhi perkara berikut :- a) Mematuhi syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP; c) Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS dan JKR. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JK/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.5	PERAKUAN SIAP & PEMATUHAN (CCC)	
4.5.1	LUKISAN TERBINA (AS BUILT PLAN) BAGI CADANGAN SEBUAH BANGUNAN PERNIAGAAN 2 TINGKAT YANG MENGANDUNGI : ARAS BAWAH - RUANG PAMERAN BARANGAN ELEKTRIK - 3 UNIT KEDAI ARAS SATU - RUANG PEJABAT - LOBI & " RECEPTION" - 19 BILIK MOTEL DI ATAS LOT PT 1503, BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN HONG KIN KHONG Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/19/20/CCC - Perakuan Siap & Pematuhan (CCC) -	
4.5.1.1	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan permohonan ini telah siap dibina dan telah mendapat sokongan daripada jabatan teknikal berkaitan.	Makluman
4.5.1.2	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP turut memaklumkan bahawa lawatan tapak bagi pemeriksaan akhir telah diadakan pada 18 Februari 2021 dan mendapati kerja kerja binaan telah dijalankan mengikut pelan yang telah diluluskan.	Makluman
4.5.1.3	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan seterusnya mengesyorkan permohonan ini disokong memandangkan semua syarat teknikal bagi penyiapan dan pematuhan telah dipatuhi oleh pihak pemohon.	Makluman
4.5.1.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju dan mengambil maklum dengan permohonan perakuan siap dan pematuhan (CCC) ini. KEPUTUSAN : <u>MENGAMBIL MAKLUM PENDEPOSITAN PERMOHONAN CCC.</u>	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
5.0	PEMBENTANGAN KERTAS DASAR	
5.1	KERTAS KERJA CADANGAN GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN PERMIT SEMENTARA BAGI RUMAH PEKERJA DALAM TAPAK BINA.	
5.1.1	Kertas kerja ini dibentangkan untuk memaklumkan berhubung cadangan garis panduan untuk Permohonan Kelulusan Permit Sementara Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina berdasarkan kepada Surat SOP edaran KPKT bertarikh 18 Disember 2020.	Makluman
5.1.2	Setelah berbincang, mesyuarat membuat keputusan berikut : i. <i>Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum dengan cadangan garis panduan bagi Permohonan Kelulusan Permit Sementara Bagi Rumah Pekerja Dalam Tapak Bina digunakan oleh MPLBP,</i> ii. <i>Mesyuarat bersetuju memberi mandat penurunan kuasa kepada Ketua Jabatan Kawalan Bangunan untuk memproses dan membuat keputusan ke atas semua permohonan permit sementara bagi rumah pekerja di tapak bina,</i> iii. <i>Mesyuarat bersetuju tarikh kuatkuasa SOP bagi permohonan ini dikuatkuasakan serta merta selaras dengan surat SOP edaran KPKT bertarikh 18 Disember 2020 (Rujukan: JKT.T.800-1/1Jld. 19-23).</i> KEPUTUSAN : <u>BERSETUJU</u>	JKB



Bil.	Agenda	Tindakan
5.2	CADANGAN PENETAPAN SENARAI SEMAK SERTA KADAR BAYARAN DAN FI BAGI PERMOHONAN MEMBINA MENARA DAN STRUKTUR SISTEM PEMANCAR TELEKOMUNIKASI UNTUK DIGUNA PAKAI OLEH SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.	
5.2.1	Mesyuarat dimaklumkan Setiausaha Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meyelaras semula prosedur permohonan kelulusan bagi cadangan membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi untuk kegunaan setiap PBT di Negeri Kedah.	Makluman
5.2.2	Mesyuarat juga dimaklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang pada 27 Januari 2021 melalui kertas No. 7(F)58/2021 telah bersetuju untuk mengguna pakai garis panduan baru tersebut.	Makluman
5.2.3	Setelah berbincaang, mesyuarat bersetuju menerima pakai prosedur baru ini bagi permohonan kelulusan untuk cadangan membina menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi di daerah Langkawi.	Makluman
	KEPUTUSAN : <u>BERSETUJU</u>	



Bil.	Agenda	Tindakan
6.0	PEMBENTANGAN DAN ULASAN TERHADAP PERMOHONAN YANG DILULUSKAN DI PERINGKAT JABATAN/PBT. - Tiada -	
7.0	PEMBENTANGAN STATUS PERMOHONAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK REKOD DI JABATAN/PBT. - Tiada -	
8.0	PEMBENTANGAN STATUS PERMOHONAN YANG DITURUNKAN KUASA KEPADA PENGARAH BAHAGIAN / JABATAN PBT UNTUK DILULUSKAN UNTUK DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA OSC. - Tiada -	
9.0	STATUS PERLAKSANAAN CCC DIBENTANG OLEH PENGARAH JABATAN/ BAHAGIAN TEKNIKAL PBT. - Tiada -	
10.0	HAL-HAL LAIN	
10.1	ISI PENUTUPAN PANTAI PASIR TENGGORAK	
10.1.1	En Nor Saidi bin Nanyan (Ahli Majlis) memaklumkan isu penutupan Pantai Pasir Tengkorak di mana beliau menerima banyak aduan dan rungutan daripada orang awam berkaitan perkara tersebut.	Makluman
10.1.2	Tuan Pengerusi memaklumkan perkara tersebut telah disemak dan mendapati penutupan itu disebabkan pihak pemaju iaitu Jabatan Perhutanan dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Kedah (MBI) sedang menjalankan kerja-kerja menaiktaraf dikawasan tersebut.	Makluman
10.1.3	Mesyuarat juga dimaklumkan tiada sebarang notis dan permohonan dikemukakan kepada pihak Majlis hingga kini dan perkara ini akan dipanjangkan kepada pihak berkenaan.	JKB MPLBP



Bil.	Agenda	Tindakan
10.2 10.2.1 10.2.2	PEMBINAAN JALAN DARI KUALA TEMOYONG KE TELUK BARU DAN PANTAI TENGAH. <i>- Permohonan Menebang Pokok Jati dan Mengalih Lampu Jalan Sedia Ada -</i> Wakil JKR memaklumkan berikutan daripada projek pembinaan jalan dari Kuala Temoyong ke Teluk Baru, terdapat 15 pokok jati perlu ditebang dan 19 batang tiang lampu jalan (9 batang lampu jalan milik Majlis dan 4 batang lampu jalan milik LADA) perlu dialihkan dan akan digantikan dengan tiang lampu yang baharu untuk makluman dan mendapat kebenaran pihak Majlis. Setelah berbincang, mesyuarat pada dasarnya BERSETUJU dengan permohonan menebang pokok jati dan penggantian tiang lampu jalan milik Majlis memandangkan projek tersebut merupakan projek untuk kepentingan awam. Tiang lampu majlis tersebut perlu dihantar ke lokasi yang ditetapkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP.	Makluman Makluman
11.0	PENUTUP Mesyuarat ditangguhkan pada jam 01.30 petang.	



Disediakan Oleh :

(MOHD HAMDI BIN-BADRUTTAMAM)

Pencatat Minit
Mesyuarat Jawatankuasa
Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan.

Disemak Oleh :

(MOHD ZULIDZHAM BIN MOHD ALI)


Setiausaha
Mesyuarat Jawatankuasa
Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan.

Disahkan Oleh :

(RADZUAN BIN OSMAN., AMK.,BCK.,)

Pengerusi
Mesyuarat Jawatankuasa
Pusat Setempat (OSC)
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Tarikh : 28 Februari 2021






RINGKASAN KEPUTUSAN

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 1/2021

JADUAL : KEPUTUSAN MESYUARAT MENGIKUT JENIS PERMOHONAN.

BIL.	KEPUTUSAN MESYUARAT	JUMLAH PERMOHONAN MENGIKUT JENIS									JUMLAH
		PELAN KEBENARAN MERANCANG	LANJUT TEMPOH KEBENARAN MERANCANG	PENAMAAN NAMA TAMAN, JALAN DAN	PELAN BANGUNAN	PELAN JALAN DAN PARIT	PELAN KERJA TANAH	RAYUAN TUNAI SYARAT/ TAJUK PERMOHONAN	KERTAS DASAR	CCC	
1.	LULUS	10	15	1	2	3	1	2	2	1	
2.	LULUS DENGAN PINDAAN PELAN										
3.	TOLAK/ DITAHAN		2							1	
4.	MAKLUMAN										
JUMLAH		10	17	1	2	3	1	2	2	2	40



Agenda 7.0

Menimbang perkara-perkara baru

Agenda 7.0

7.1 Kertas Kerja Tapak
Penyediaan Tapak Bazaar
Ramadhan dan Bazaar Syawal



CADANGAN PENYEDIAAN TAPAK BAZAR RAMADHAN DAN BAZAR SYAWAL BAGI TAHUN 2021 / 1442H

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas ini di bentang ialah untuk pertimbangan dan kelulusan Ahli-Ahli Mesyuarat Majlis Penuh kali ke 01/2021 berhubung dengan Cadangan Penyediaan Tapak Bazar Ramadhan dan Bazar Syawal di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) bagi tahun 2021 / 1442H.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Undang-Undang Kecil Penjaja (Pihak Berkuasa Tempatan) Negeri Kedah 1983 telah di warta pada 29 September 1983 dan di bawah peruntukkan UUK ini telah memberi peruntukan kuasa kepada Majlis untuk mengeluarkan lesen penjaja kepada mana-mana peniaga untuk menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan
- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah yang bersidang pada 24 Febuari 2021 dalam hal-hal lain telah memutuskan seperti berikut:

Majlis bersetuju untuk memberi kebenaran kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memulakan proses permohonan sewaan tapak bagi penganjuran bazar Ramadan. Walaubagaimanapun keputusan dalam melaksanakan bazar tersebut adalah tertakluk kepada keadaan semasa penularan Covid 19.

- 2.3. Penyediaan tapak bazar ramadhan ini merupakan aktiviti tahunan MPLBP dan bertujuan untuk memberi peluang kepada peniaga kecil untuk menjalankan perniagaan di samping memberi kemudahan kepada orang awam untuk membeli pelbagai makanan untuk berbuka puasa.

3.0 SITUASI SEMASA

- 3.1 Pada 9 Mac 2021, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengumumkan status Langkawi dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Mac 2021 dan berada dalam Zon hijau.
- 3.2 Setakat 13 Mac 2021 jumlah kes positif Covid 19 di negeri Kedah adalah 7,833. Jumlah kes positif di Langkawi adalah 77 kes dan tiada kes aktif baru
- 3.3 Mesyuarat Penyelarasan Bazar Ramadan dan Bazar Aidil Fitri bersama Pihak Berkuasa Tempatan yang akan di pengrusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan yang akan diadakan pada 22 Mac 2021 di Wisma Darul Aman. Tapak bagi penganjuran bazar ramadhan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, kelulusan dalam melaksanakan bazar tersebut adalah tertakluk kepada keadaan semasa penularan Covid 19.

4.0 STATUS TAPAK

- 4.1 Pihak majlis telah menyediakan sebanyak 3 lokasi tapak Bazar Ramadhan pada tahun ini iaitu di kawasan Pekan Kuah iaitu di lokasi Tapak Bazar Ramadhan Kuah yang sedia ada, lokasi Tapak Bazar Ramadhan Dayang Bay dan juga di lokasi Tapak Parkir Pasar Awam Kelibang.
- 4.2 Seterusnya lokasi Bazar Ramadhan Ayer Hangat ialah di Tapak Parkir Pasar Awam Ayer Hangat dan juga lokasi bagi Bazar Ramadhan Padang Matsirat ialah di Tapak Parkir Beras Terbakar.
- 4.3 Status milikan bagi kesemua tapak tersebut adalah Hak Milik Kerajaan.
- 4.4 Berikut disertakan gambar lokasi tapak dibawah:-



4.4.1 Tapak Lokasi Bazar Ramadhan Kuah



4.4.2 Tapak Lokasi Bazar Ramadhan Dayang Bay



4.4.3 Tapak Lokasi Bazar Ramadhan Pasar Awam Kelibang.



4.4.4 Tapak Lokasi Bazar Ramadhan Padang Matsirat Di Beras Terbakar.



4.4.5 Tapak Lokasi Bazar Ramadhan Ayer Hangat Di Kawasan Parkir Pasar Awam Ayer Hangat.

5.0 CADANGAN PELAKSANAAN BAZAR RAMADAN DAN BAZAR SYAWAL

5.1 Bazar Ramadan:

- 5.1.1 Bazar Ramadan pada tahun ini akan diadakan mulai 13 April 2021 dan di jangka status pandemik Covid 19 adalah dalam fasa PKPP. Pembukaan bazar ramadan pada ketika itu memerlukan pematuhan SOP bagi tujuan menghalang penularan jangkitan Covid 19.
- 5.1.2 Langkah-langkah pematuhan SOP Bazar Ramadhan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:-
 - a) Bagi tujuan penjarakan sosial, jumlah lot di setiap bazar akan dikurangkan sebanyak 50% iaitu jumlah lot Bazar Ramadan Kuah adalah 100 lot, Bazar Ramadan Air Hangat adalah 60 lot dan Bazar Ramadan Padang Matsirat adalah 50 lot
 - b) Kawalan di pintu masuk dengan penyediaan pendaftaran My Sejahtera dan pengambilan suhu setiap pelanggan yang masuk.
 - c) Mengawal jumlah kemasukan pelanggan di dalam bazar dalam satu masa dan pemakaian pelitup muka (face mask)
- 5.1.3 Pengurusan Bazar Ramadan akan dilaksanakan oleh Bahagian Inspektorat, Jabatan Kesihatan dan bagi mengatasi pengurangan lot di bazar Kuah maka dicadangkan bazar Ramadan juga akan dibuka 20 lot di Dayang Bay dan 20 lot di Pasar Awam Kuah.

5.2 Bazar Syawal.

- 4.2.1 Bazar Syawal pada tahun ini juga akan di adakan di Dataran Pekan Rabu dan tertakluk kepada langkah-langkah pematuhan SOP semasa fasa PKPP Pandemik Covid 19. Walaubagaimanapun Jabatan Kesihatan Persekitaran mencadangkan penganjuran Bazar Syawal di tawarkan kepada pihak swasta

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN

6.1 Anggaran Jumlah keseluruhan kutipan Permit dan tapak bazar Ramadhan adalah seperti berikut:-

BI L	KAWASAN / LOT	PERMIT PERNIAGAAN	SEWA TAPAK	TOPI DAN APRON	JUMLAH BAYARAN
1	KUAH 140 Lot : i) 100 Lot di lokasi Tapak Bazar Kuah. ii) 20 Lot di lokasi Pasar Awam Kelibang. iii) 20 Lot di lokasi Bazar Ramadhan Dayang Bay.	140 Lot X RM 60.00 = RM 8,400.00	140 Lot X RM 90.00 = RM 12,600.00	140 x RM16.50 = RM2,310.00	RM 23,310.00
2	PDG. MATSIRAT (50 Lot di Lokasi Tapak Beras Terbakar)	50 Lot X RM 60.00 = RM 3,000.00	50 Lot X RM 90.00 = RM RM 4,500.00	50 x RM16.50 = RM825.00	RM 8,325.00
3	AYER HANGAT (60 Lot di Lokasi Pasar Awam Ayer Hangat)	60 Lot X RM 60.00 = RM 3,600.00	60 Lot X RM 90.00 = RM 5,400.00	60 x RM16.50 = RM990.00	RM 9,990.00
JUMLAH KESELURUHAN					RM 41,625.00

6.2 Jumlah bayaran yang perlu di bayar oleh peniaga bagi setiap petak adalah seperti berikut:-

6.2.1 Bazar Kuah : Permit RM 60.00 + Tapak : RM 90.00 + Apron & Cap : RM 16.50 = RM 166.50 / petak.

6.2.2 Bazar Padang Matsirat : Permit RM 60.00 + Tapak : RM 90.00 + Apron & Cap : RM 16.50 RM 166.50 / petak.

6.2.3 Bazar Air Hangat : Permit RM 60.00 + Tapak : RM 90.00 + Apron & Cap : RM 16.50 = RM 166.50 / petak.

6.2.3 Anggaran Jumlah keseluruhan kutipan Permit dan tapak bazar Ramadhan adalah seperti berikut:-

4.2.3.1 Kuah = RM 166.50 X 140 lot = **RM 23,310.00**

4.2.3.2 Padang Matsirat = RM 166.50 x 50 lot = **RM 8,325.00**

4.2.3.3 Ayer Hangat = RM 166.50 X 60 lot = **RM 9,990.00**

Jumlah Kutipan Hasil Keseluruhan = RM 41,625.00

6.3 Tawaran iklan untuk penyewaan lot Bazar ini akan di buat mulai daripada 17 Mac 2021 dan akan di tutup pada 25 Mac 2021. Proses Pengundian lot petak akan di buat pada 05 April 2021. Adalah di jangkaan Bazar Ramadhan ini akan mula di buka pada 13 April 2021 iaitu bersamaan dengan 1 Ramadhan 1442.

6.4 Implikasi kewangan kepada Majlis adalah hasil pendapatan tambahan tapak bazar ramadhan adalah sebanyak **RM 41,625.00** bagi tahun 2021.

6.5 Anggaran Jumlah keseluruhan kutipan Permit dan tapak bazar Syawal adalah seperti berikut:-

a) Bayaran Permit Perniagaan Sementara bagi Khemah saiz 20ft x 20ft:
Permit Perniagaan: RM 8 x 60 unit X 30 hari = **RM 14,400.00**

b) Bayaran Sewa Tapak bagi Khemah saiz 20ft x 20ft:
Sewa Tapak: RM 12 x 60 unit X 30 hari = **RM 21,600.00**

c) Bayaran Cas Elektrik bagi Khemah saiz 20ft x 20ft:
Bayaran Cas Elektrik : RM 8 x 60 unit X 30 hari = **RM 14,400.00**

d) Bayaran tambahan lain-lain : **RM 4,600.00**

jumlah keseluruhan kutipan Bazar Syawal adalah sebanyak : **RM 55,000.00**

6.6 Hasil jumlah kutipan keseluruhan Bazar Syawal dan Bazar Ramadhan pada tahun 2021 adalah sebanyak **RM 96,625.00**.

5.0 PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN

5.1 Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Penuh MPLBP di pohon untuk memberi pertimbangan dan keputusan seperti berikut:-

a) Bersetuju menerima Cadangan Penyediaan Tapak Bazar Ramadhan dan Bazar Syawal di dalam kawasan Pentadbiran (MPLBP) dan kadar bayaran lot bazar Ramadhan bagi tahun 2021 .

Atau,

b) Tidak Bersetuju, menerima Cadangan Penyediaan Tapak Bazar Ramadhan dan Bazar Syawal di dalam kawasan Pentadbiran (MPLBP) dan kadar bayaran lot bazar Ramadhan bagi tahun 2021 .

Atau,

c) Lain-lain pertimbangan dan keputusan yang di fikirkan wajar dan munasabah

6.0 PENUTUP

Sekian untuk dipohon pertimbangan Ahli-Ahli Mesyuarat Majlis Penuh MPLBP Bil. 01/2021 Cadangan Penyediaan Tapak Bazar Ramadhan dan Bazar Syawal di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) bagi tahun 2021.

Disediakan Oleh,
Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

Agenda 7.0

7.2 Kertas Kerja Cadangan
Penubuhan Jawatankuasa Kecil
Inspektorat Majlis Perbandaran
Langkawi Bandaraya Pelancongan

AGENDA 7.2**KERTAS CADANGAN PENUBUHAN JAWATANKUASA KECIL INSPEKTORAT MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN****1.0 TUJUAN**

Kertas kerja ini disediakan untuk memohon kelulusan Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhubung cadangan penubuhan Jawatankuasa Kecil Inspektorat bagi menimbang dan membuat keputusan kepada pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) berhubung perjalanan tindakan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan oleh pegawai yang diberi kuasa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Daerah Langkawi menguatkuasakan beberapa peruntukan undang-undang seperti **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**, **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**, **Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)**, **Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 663)** dan **26 Undang-Undang Kecil** bagi memastikan kualiti hidup penduduk Langkawi dapat dipertingkatkan.
- 2.2 **Tindakan Penguatkuasaan** ini melibatkan pelbagai jabatan dalaman Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan yang mana meliputi Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penilaian Harta dan Pesuruhjaya Bangunan Daerah Langkawi.
- 2.3 Perkara yang dikuatkuasakan adalah aspek penggunaan premis-premis kediaman atau komersial, pelesenan aktiviti perniagaan di premis-premis yang dibenarkan mengikut tujuan penggunaan, kawalan dan pencegahan penyakit berjangkit, keselamatan dan

kesejahteraan tempat awam, penamaan nama jalan dan bangunan, kawalan iklan, kawalan dan susun atur bangunan, keselamatan pembinaan bangunan, keharmonian pembangunan bagi sesebuah bandar, perjalanan pengurusan harta bersama di kawasan berstrata, penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dan pengawalan kacau ganggu awam di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

- 2.4 Bagi memastikan perjalanan penguatkuasaan yang dijalankan lebih efektif dan efisien, pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berpandangan Jawatankuasa Kecil Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan perlu ditambah baik.
- 2.5 Jawatankuasa Kecil Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berfungsi sebagai platform untuk ;
 - 2.5.1 pemakluman dan penyelarasan aktiviti penguatkuasaan.
 - 2.5.2 merangka dan merancang tindakan penguatkuasaan.
 - 2.5.3 pemantauan dan post mortem keberkesanan hasil tindakan penguatkuasaan yang dibuat.
 - 2.5.4 merancang aktiviti penguatkuasaan secara berhemah dan pendidikan penguatkuasaan.

3.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Punca kuasa penubuhan Jawatankuasa Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan adalah dibawah **Seksyen 28, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.

“Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa melantik jawatankuasa

3.1 Jenis Penubuhan Jawatankuasa

"jenis am atau khas, terdiri daripada seorang Pengerusi dan sesuatu bilangan Anggota Majlis dan beberapa orang yang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan itu;

3.2 Tujuan Penubuhan Jawatankuasa

bagi maksud memeriksa dan melaporkan apa-apa perkara atau menjalankan apa-apa perbuatan yang pada pendapat pihak berkuasa tempatan itu akan lebih sesuai dijalankan dengan cara suatu Jawatankuasa;

3.3 Perwakilan Kuasa Jawatankuasa

dan boleh mewakilkan kepada mana-mana Jawatankuasa apa-apa kuasa yang difikirkannya patut;

3.4 Pengecualian Kuasa Jawatankuasa

melainkan kuasa untuk mendapatkan wang melalui kadar atau pinjaman,

3.5 Penetapan Kuoram

dan boleh menetapkan kouram

4.0 CADANGAN KEAHLIAN JAWATANKUASA

4.1 Pengerusi : Yang Dipertua

4.2 Setiausaha : Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

4.3 Ahli-Ahli :

4.3.1 En. Zubir Bin Ahmad

4.3.2 En. Ahmad Nadzri Bin Ali

4.3.3 En. Amar Pared Bin Mahamud

4.3.4 Tn. Hj Hashim Bin Md Noh

4.3.5 Pn. Hisham Suhaily Binti Othman

4.3.6 En. Fazil Bin Talib

4.3.7 En. Dhurairaj a/l Ramasamy

4.3.8 En. Safari Bin Shabri

4.4 Turut hadir :

4.4.1 Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPLBP

4.4.2 Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPLBP

4.4.3 Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP

4.4.4 Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP

4.4.5 Pengarah Jabatan Perancangan dan Landskap MPLBP

4.4.6 Pengarah Jabatan Penilaian Harta MPLBP

4.4.7 Pegawai Pesuruhjaya Bangunan MPLBP

4.5 Urusetia mesyuarat : Unit Undang-Undang Majlis Perbandaran
Langkawi Bandaraya Pelancongan

5.0 TERMA RUJUKAN (TERM OF REFFERENCE)

Jawatankuasa Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dengan ini diwakilkan kuasa untuk menjalankan tugas-tugas berikut :

- 5.1 membincangkan hal-hal dasar penguatkuasaan MPLBP
- 5.2 mencadangkan perjalanan tindakan penguatkuasaan MPLBP
- 5.3 menasihati pentadbiran MPLBP berkenaan dengan tindakan penguatkuasaan
- 5.4 membincangkan hal-hal berkaitan perancangan tindakan penguatkuasaan
- 5.5 membincangkan program-program pendidikan penguatkuasaan
- 5.6 meneliti kaedah-kaedah penguatkuasaan.

6.0 KOURAM

Dicadangkan kouram bagi Jawatankuasa ini adalah **3 orang** dari keahlian seperti mana di **PERKARA 4.3 TERMASUKLAH Pengerusi**

7.0 KEKERAPAN MESYUARAT

Dicadangkan Jawatankuasa ini bersidang **4 kali setahun**.

8.0 ASAS PERTIMBANGAN

Pentadbiran ini mencadangkan seperti berikut:

- 8.1 Jawatankuasa ini dinamakan sebagai **Jawatankuasa Kecil Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**
- 8.2 Keanggotaan Jawatankuasa ini seperti di **PERKARA 4.0**
- 8.3 Jawatankuasa ini diwakilkan kuasa seperti **PERKARA 5.0**
- 8.4 Kouram Jawatankuasa ini seperti di **PERKARA 6.0**
- 8.5 Jawatankuasa ini bersidang seperti di **PERKARA 7.0**

9.0 PERAKUAN

Pentadbiran ini memohon pertimbangan Mesyuarat Majlis Penuh, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan seperti berikut:

9.1 Majlis bersetuju dengan Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Kecil Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan;

9.2 Majlis tidak bersetuju dengan Kertas Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Inspektorat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan;

ATAU

9.3 Lain-lain yang diputuskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

10.0 PENUTUP

Inilah dipohon pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan seperti para 9.0 kertas kerja.

Disediakan oleh:

Mohd Fatkhy Bin Mohd Jamil

Pegawai Undang-Undang

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Tarikh:

Agenda 7.0

7.3 Kertas Kerja Pemakluman
Cadangan Usahasama Majlis
Perbandaran Langkawi Bandaraya
Pelancongan dengan pihak THB
Pantai Cenang Development Sdn.
Bhd. Di atas Lot 60003 Tapak
Pasar Awam Lama, Mukim Kuah,
Langkawi, Kedah Darul Aman

**KERTAS KERJA PEMAKLUMAN CADANGAN USAHASAMA MAJLIS
PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN DENGAN
PIHAK THB PANTAI CENANG DEVELOPMENT SDN. BHD. DI ATAS
LOT 60003 TAPAK PASAR AWAM LAMA**

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dibentangkan bagi mendapat persetujuan Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berhubung :-

Kertas Kerja cadangan usahasama Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dengan pihak THB Pantai Cenang Development Sdn. Bhd (THB) di atas Lot 60003 tapak pasar awam lama.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Tanah berkenaan terletak di bahagian utara Sungai Kuah dan di bahagian belakang (selatan) deretan kedai sepanjang Jalan Pandak Mayah 5.
Lampiran A.
- 2.2 Pada 13 Januari 2010, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah menerima geran Hakmilik Sementara Daerah HS(D) 1097, PT 1218 (Plot A dan B) manakala pada 28 September 2016, Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah menerima Hakmilik Tetap iaitu Hakmilik Pajakan Negeri, No. Hakmilik. PN 6459, Lot 60003 (Plot A dan B).
- 2.3 Tanah hakmilik Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan adalah berkeluasan 3642 meter persegi. Zon cadangan gunatanah tapak tersebut adalah dizonkan sebagai zon perniagaan dan dibenarkan pembangunan maksimum sehingga 30 tingkat dalam kawasan Blok Perancangan Kecil

1.1b(1) Kluster 30 dalam Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (Penggantian).

2.4 Keadaan semasa tapak cadangan adalah sangat strategik dan sesuai bagi pembangunan jenis perniagaan hotel kerana kedudukannya yang berada dalam kawasan tumpuan perniagaan Pusat Bandar Kuah dan mempunyai pemandangan sungai dan laut yang indah.

3.0 PERMOHONAN PIHAK SYARIKAT THB PANTAI CENANG DEVELOPMENT SDN. BHD.

- 3.1 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah menerima permohonan daripada THB Group Of Companies melalui surat bertarikh 26 Mac 2018 No. Rujukan : THBPCD/MPL/2017/OKT/001 menyatakan hasrat untuk membangunkan tanah Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan yang berpotensi tinggi dalam menjana pendapatan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan disamping memberi sumber ekonomi dan peluang perniagaan kepada penduduk tempatan.
- 3.2 Pihak pemohon telah membuat pembentangan di dalam **Mesyuarat Penuh Majlis pada 26 September 2018** dan telah dipohon untuk menyediakan satu laporan "Feasibility study" , laporan cadangan usahasama dan juga draf perjanjian usahasama bagi dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa kecil khas bagi tujuan pembangunan di atas tanah tersebut.
- 3.3 Lanjutan daripada perkara di atas, satu mesyuarat telah **diadakan pada 26 November 2018** bagi membincangkan lebih lanjut berkenaan "Feasibility study" , laporan cadangan usahasama dan juga draf perjanjian usahasama yang telah diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan pada 24 Oktober 2018.

- 3.4 Merujuk kepada perbincangan yang diadakan pada **26 November 2018** bersama – sama semua ketua jabatan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dan juga empat orang ahli majlis, mesyuarat bersetuju menerima usahasama daripada pihak Syarikat THB Pantai Cenang Development Sdn. Bhd. dengan tawaran seperti berikut :
- 3.4.1 Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan hanya akan memberikan pajakan tanah terhadap usahasama ini.
 - 3.4.2 Pihak pemohon tidak boleh mencagar/mengadai tanah tersebut tanpa mendapat persetujuan Majlis Mesyuarat Penuh, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.
 - 3.4.3 Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan tidak bertanggungjawab terhadap pengurusan permohonan Kelulusan Merancang dan lain-lain berkaitan kelulusan pembangunan yang dipohon oleh pemohon termasuklah pembersihan tapak atau kerja-kerja pengosongan tapak tersebut daripada sebarang aktiviti sedia ada.
 - 3.4.4 Pemohon perlu menguruskan urusan permohonan ubah jenis dan penukaran syarat kegunaan tanah serta pemanjangan tempoh pajakan terus ke Pejabat Tanah Langkawi.
 - 3.4.5 Pemaju hendaklah membuat pembayaran pendahuluan dan dikira sebagai saguhati sebelum apa-apa perjanjian ditandatangani sebanyak 5% nilai tanah yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
 - 3.4.6 Pindaan atau pertambahan terhadap mana-mana syarat sedia ada di dalam perjanjian ini perlu mendapatkan kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis.
 - 3.4.7 Pemaju dengan sendirinya bertanggungjawab bagi membuat pembayaran cukai yang dikenakan ke atas tanah yang dipajak tanpa menjejaskan pembayaran keuntungan.
 - 3.4.8 Pemaju perlu mematuhi semua undang-undang berkaitan dengan perancangan pembangunan atau semasa menjalankan operasi kelak.

- 3.5 Untuk makluman, di dalam perbincangan di atas terdapat beberapa pandangan yang tidak melibatkan draf perjanjian yang dicadangkan ahli mesyuarat berkenaan seperti berikut:
- 3.5.1 Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan menjual dengan harga yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
 - 3.5.2 Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan melepaskan tanah berkenaan dengan gantian pihak pemohon membantu dalam memberi pemilikan terhadap pemilikan tanah baru yang berpotensi di kawasan Pekan Kuah.
 - 3.5.3 Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan memohon supaya selain daripada saham yang diberikan secara bulanan ditambah dengan aset tetap seperti beberapa jumlah unit apartment perkhidmatan dan juga ruang perniagaan secara pemilikan tetap.
- 3.6 Pada **7 Januari 2019**, Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan mengadakan satu lagi mesyuarat Lanjutan daripada mesyuarat pertama dan membincangkan semua perkara 3.4 dan 3.5.
- 3.7 Mesyuarat memohon pihak THB membuat proposal baru berkaitan kehendak – kehendak yang telah dinyatakan dalam mesyuarat pertama.
- 3.8 Pihak THB memohon masa bagi perkara ini untuk dibincangkan dengan pihak atasan syarikat mereka.
- 3.9 Pihak MPLBP, membuat peringatan secara panggilan terus kepada wakil THB berkaitan proposal baru berkenaan pada 12 Februari 2019 dan 21 Februari 2019.
- 3.10 Pegawai perancang menerima panggilan daripada wakil THB (Puan Siti) pada 12 Mac 2019, menyatakan pihak syarikat tidak akan menghantar apa-apa proposal baru dan memohon pihak majlis menghantar terus kertas kerja kerjasama bersama THB berkenaan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk dibentangkan di Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Kedah.

- 3.11 Surat terakhir daripada pihak majlis kepada pihak THB memaklumkan pihak Majlis masih dalam penelitian berkenaan usahasama tersebut. (tarikh surat 23 Jun 2019)

4.0 SYOR

- 4.1 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) merasakan bahawa cadangan yang dikemukakan tersebut tidak memberi faedah yang setimpal kepada pihak Majlis dan mengesyorkan untuk menolak cadangan usahasama tersebut.


5.0 PERAKUAN

Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dipohon untuk memperakukan perkara berikut :

- i. Bersetuju mengambil maklum berkenaan kertas kerja Pemakluman Cadangan Usahasama Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dengan Pihak THB Pantai Cenang Development Sdn. Bhd (THB). di atas Lot 60003 tapak pasar awam lama dan;
- ii. Bersetuju bahawa cadangan yang dikemukakan tersebut tidak memberi faedah yang setimpal kepada pihak Majlis dan mengesyorkan untuk menolak cadangan usahasama tersebut ATAU ;
- iii. Tidak bersetuju; ATAU
- iv. Lain-lain perkara yang difikirkan wajar dan munasabah

6.0 PENUTUP

Sekian dipohon pertimbangan dan kelulusan Ahli-Ahli Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Perlancongan



No. Hakmilik : PN 6459

Keluasan : 3642mp / 0.89 ekar

Syarat Nyata : Bagunan

Lot 60003

Agenda 8.0

Pembentangan usul

Agenda 9.0

Penanggulangan Mesyuarat